

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

**Bil. 3** **Rabu** **26 Jun 2013**

## KANDUNGAN

## **PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (Halaman 1)
  - Pelantikan Ketua Pembangkang (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 30)

## **USUL:**

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka  
Baginda Yang di-Pertuan Agong

- Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah (Lenggong) (Halaman 37)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

**Rabu, 26 Jun 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 25 Jun 2013, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan Diraja itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

*[Teks Titah Ucapan Diraja adalah seperti di Lampiran]*

**PERLANTIKAN KETUA PEMBANGKANG**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 4A(3), saya suka hendak memaklumkan iaitu mengikut maklum balas yang saya terima, saya berpuas hati bahawa Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Ahli Parlimen Kawasan Permatang Pauh telah sebulat suara mendapat sokongan dari kalangan ahli-ahli pembangkang di Parlimen untuk dilantik sebagai Ketua Pembangkang. *[Tepuk]*

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebelum saya memulakan soalan pertama untuk dijawab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri wakil Pekan, saya suka tengok Ahli-ahli Yang Berhormat baru dalam Parlimen Ketiga Belas ini. Sila berdiri supaya saya dapat tahu. *[Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru bangun]* Ini terpaksa mahu tengok dulu kerana dulu tempat duduk lain.

Jadi, sekarang ini terpaksa mahu hafal balik lagi, mengambil masa lama. Yang Berhormat Padang Serai saya sudah kenal kerana pernah nampak muka dia. Awal-awal lagi dia bantai saya, sebelum mesyuarat. *[Ketawa]* Okey. Terima kasih, terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang lama tidak mahu tengokkah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang muka lama tidak apa Yang Berhormat Kinabatangan. Saya sedar di mana duduk. *[Ketawa]*

1. **Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) adakah kerajaan akan mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang menggunakan perkataan RAKYAT semata-mata untuk melahirkan rasa tidak berpuas hati mengenai keputusan PRU 13; dan
- (b) adakah rasa tidak puas hati ini akan menjadi pencetus kepada ‘MALAYSIAN SPRING’ di mana keputusan untuk membentuk kerajaan/pemerintah ditentukan di jalan raya dan bukan di peti undi.

**Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I [Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan di Malaysia, pemilihan dan perubahan kerajaan ditentukan oleh rakyat melalui pilihan raya umum. Rakyat mempunyai kuasa mutlak dalam memilih kerajaan.

Sistem yang digunakan di Malaysia sejak merdeka iaitu dengan izin, *first past the post* membolehkan pemimpin parti atau gabungan parti politik yang mendapat majoriti kerusi di dalam Dewan Rakyat yang memenuhi peruntukan-peruntukan yang tertera di Perlembagaan Persekutuan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menjadi Perdana Menteri dan seterusnya membentuk kerajaan.

Sejarah Malaysia telah membuktikan bahawa kebugaran demokrasi negara telah menyediakan asas yang subur untuk kestabilan dan kemakmuran nasional yang

telah dinikmati warga negara ini selama lebih lima dekad. Sejarah juga membuktikan bahawa di Malaysia ini semenjak merdeka lagi proses pilihan raya yang diadakan bersifat wibawa, adil dan telus.

Amalan demokrasi sebagai teras pemerintahan merupakan mekanisme terbaik yang pernah dicipta manusia. Hakikatnya perbezaan pendapat, idea dan pandangan bukannya penyebab malapetaka atau punca perpecahan. Malah jika ditangani dan diurus secara baik, sejarah telah membuktikan bahawa ia mampu mendatangkan rahmat yang akan membahagiakan rakyat dan memajukan negara.

Perlembagaan Persekutuan memberikan kebebasan pada masyarakat untuk menyuarakan pendapat, untuk menyatakan pandangan. Kerajaan tidak akan mengambil sebarang tindakan kepada mana-mana pihak yang telah menyalahgunakan perkataan ‘rakyat’ semata-mata untuk melahirkan rasa ketidakpuasan hati mereka terhadap keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga Belas.

Ironinya mereka yang lantang menyuarakan bahawa berlaku ketidakadilan sepanjang pilihan raya umum tersebut menerima pula keputusan di kawasan-kawasan dan negeri-negeri yang dimenangi mereka. *[Tepuk]*

Namun, sekiranya tindakan mereka melangkaui batas perundungan dan Perlembagaan Persekutuan, kerajaan tidak teragak-agak untuk bertindak agar kedaulatan dan kesejahteraan negara terus dihormati. *[Tepuk]* Kerajaan meyakini kematangan dan kebijaksanaan yang dimiliki rakyat Malaysia.

## ■1010

Mereka telah diberikan hak dan tanggungjawab untuk memilih kepimpinan negara dan negeri pada pilihan raya umum yang lalu dan mereka juga telah menunaikannya. Pemilihan kepimpinan negara melalui peti undi merupakan kaedah terbaik yang boleh diamalkan mana-mana negara. Penggulingan kerajaan melalui demonstrasi atau rusuhan jalanan seperti yang berlaku di negara-negara lain tidak akan membawa kebaikan kepada negara Malaysia yang tercinta ini. Malah jika kita amati dan teliti keadaan negara-negara yang bergolak angkara rusuhan dan pergolakan jalanan, tidak ada perkara positif yang berhasil daripadanya. Keadaan sosioekonomi, pembangunan politik dan sosial negara tersebut masih tercalar akibat persengketaan dan belum menampakkan sebarang tanda-tanda untuk pulih seperti sedia kala.

Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya telah pun berakhir dan kerajaan telah pun dibentuk. Semalam Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun mengangkat sumpah. Kini adalah masa dan detik bagi kita untuk bergerak ke hadapan. *[Tepuk]* Masa dan detik

bagi kita untuk bekerja membentuk sebuah negara yang maju dan progresif. Marilah bersama-sama kita membentuk sebuah negara Malaysia yang lebih baik daripada semalam demi generasi muda anak-anak kita.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Soalan tambahan. Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang agak panjang lebar menceritakan tentang demokrasi. Saya mengamati setiap patah perkataan yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan tiga kali perkara pokok, Yang Berhormat sebut perkataan adil. Pada saya adil, contoh adil yang tepat ialah dua hari lepas di mana penyokong-penyokong tegar berguling-guling di atas jalan raya...

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** ...Sementara pemimpin-pemimpinnya... *[Dewan riuhan]* Sabarlah, mukadimah. Tuan Yang di-Pertua, 14 tahun saya menunggu untuk bertanya soal ini, saya tahulah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sebelum ini duduk di sebelah sana.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Contoh yang baik tentang keadilan adalah penyokong tegar taksub dekat luar, sementara pemimpin di dalam, enak-enak angkat sumpah dan makan bersama dengan Yang Amat Berhormat Pekan. *[Dewan riuhan]*. Soalan tambahan....

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Patut turun pangkat pun.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Tuan Yang di-Pertua, negara-negara yang mengalami demonstrasi jalanan Arab Spring atau...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Mersing, Yang Berhormat duduk dahulu Yang Berhormat, duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat yang lama, dalam sesi soal jawab jangan panjang-panjang sangat mukadimah itu. Terus saja tanya soalan supaya tidak menghabiskan masa. Yang Berhormat Pokok Sena, Peraturan Mesyuarat 35 tidak boleh bercakap kalau tidak dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Saya bertekad untuk mengubah cara saya, jadi Ahli-ahli Yang Berhormat juga tololong ubah sikap. Sila Yang Berhormat Mersing, kemukakan soalan tambahan.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Soalan tambahan, adakah pemerintah berhasrat untuk mewajibkan mengundi. Kedua, pendaftaran secara automatik genap 21 tahun kerana PRU-13 menunjukkan prestasi yang begitu baik pengundi keluar mengundi.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan tambahan khusus Ahli Yang Berhormat Mersing, apa-apa undang-undang ataupun peraturan yang kita hendak buat Tuan Yang di-Pertua, mestilah boleh dikuatkuasakan, ini yang kita hendak tentukan. Jadi, kalau sesuatu cadangan itu kita fikirkan baik, ia mesti dilihat daripada sudut sama ada boleh dikuatkuasakan secara praktikal ataupun tidak. Saya tidak fikir mewajibkan orang mengundi itu boleh dikuatkuasakan secara adil. Akan tetapi pendaftaran automatik adalah satu yang boleh dipertimbangkan walaupun kerajaan belum membuat apa-apa keputusan setakat ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Bukit Gelugor. Secara konvensyennya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya bangun dahulu.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Perkataan Malaysian Spring boleh diadakan dalam negara, tidak ada keraguan dalam fikiran saya. Namun satu laporan polis telah dibuat terhadap Dr. Chen Man Hin. Apabila Dr. Chen Man Hin menggunakan perkataan Malaysian Spring. Kenapa kerajaan amat takut apabila perkataan seperti Malaysian Spring ada digunakan. Nyatakan, adakah Peguam Negara bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan ke atas Dr. Chen Man Hin untuk menggunakan perkataan Malaysian Spring baru-baru ini, terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, apa-apa tindakan dari segi penguatkuasaan undang-undang adalah di bawah bidang kuasa Peguam Negara. Kerajaan tidak takut kepada perkataan Malaysian Spring. *[Tepuk]* Apa yang saya tekankan di dalam jawapan saya ialah apa-apa tindakan kita mestilah berpandu kepada perlumbagaan negara. Ini satu perkara pokok Tuan Yang di-Pertua dan kita akan tetap mempertahankan perlumbagaan negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, saya benarkan lagi satu soalan tambahan. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru, dalam sesi soal jawab cuma tiga maksimum soalan tambahan dibenarkan. Saya jemput Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi Yang Amat Berhormat ada menyatakan di dalam jawapannya bahawa beliau mengajak...

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*, ini tidak adil. Kerana sepatutnya selepas di sebelah sana, di sini dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Kalau begitu saya minta soalan tambahan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu Yang Berhormat Kalabakan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau Yang Berhormat Kalabakan hendak jadi Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** ...Ini soalan tambahan saya boleh diberikan satu tambahan lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu kedua-dua Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya pun kena duduk?

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, semua Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum apabila Speaker membuat keputusan, jangan lagi bantah, jangan! Oleh sebab keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad. Jadi kalau dibantah, saya tidak akan berganjak daripada keputusan saya. Kedua, Peraturan Mesyuarat 35, mengatakan sesiapa yang dinampak dahulu oleh Tuan Yang di-Pertua itu yang dipanggil, yang bergilir-gilir ini saya juga yang mulakan. Jadi tunggu giliran masing-masing dipanggil, apa yang saya ternampak dahulu. Di dalam soal ini saya suka menjemput Yang Berhormat Gombak kerana ada perlu penjelasan daripada Perdana Menteri, biarlah semua penyelesaian itu diselesaikan, kalau ada Perdana Menteri, soalan-soalan yang kalau boleh saya buat apa pun itu tugas Perdana Menteri. Silakan Yang Berhormat Gombak, singkatkan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih, saya kira pendirian Tuan Yang di-Pertua tepat kerana bukan mudah untuk kita mendapatkan Perdana Menteri hadir di dalam Dewan yang mulia ini dan saya kira ini peluang yang terbaik untuk kita mendapatkan penjelasan.

Sebentar tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan bahawa beliau mengajak semua Ahli-ahli Dewan Rakyat untuk maju ke hadapan. Namun kita harus ingat, sejurus selepas pilihan raya yang lalu, Yang Amat Berhormat juga ada menganjurkan *national reconciliation*, satu pandangan yang boleh kita bincang dan bahaskan demi kepentingan rakyat dan juga negara.

Soalannya ialah dalam tempoh 24 jam kemudian, orang yang sama, Perdana Menteri yang sama juga mengeluarkan kenyataan bahawa keputusan pilihan raya itu adalah hasil daripada '*Chinese tsunami*'.

■1020

*Utusan Malaysia* juga memaparkan sebagai lidah UMNO menyatakan, "Apa lagi Cina mahu?" Kalau inilah pendirian Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional, bagaimana mungkin *national reconciliation* ini dapat dilaksanakan?

Kedua, pertanyaan saya ialah bagaimana *national reconciliation* ini boleh dilaksanakan kalau kecurangan penyelewengan dalam proses pilihan raya itu tidak dapat ditangani oleh Perdana Menteri dan Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional. [Dewan riuh] Maka persoalan saya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Perdana Menteri bagi memastikan kecurangan dalam proses pilihan raya ini dapat ditangani sebelum bicara soal *national reconciliation*? Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kita perlu sedar bahawa sistem yang sama digunakan peringkat nasional dan juga peringkat negeri dan kawasan. Yang anehnya, tiga buah negeri di bawah pembangkang sudah pun membentuk kerajaan dan kawasan-kawasan yang dimenangi oleh Yang Berhormat, mereka telah menerima keputusan. Kita ada proses Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak boleh membuat tuduhan tanpa ada asas, umpamanya tuduhan kononnya 40 ribu warga Bangladesh ini menjadi pengundi. Kita tidak boleh membuat tuduhan melulu. Setakat ini saya belum menerima apa-apa bukti Tuan Yang di-Pertua, yang dibawa untuk perhatian pihak yang berkenaan bahawa adanya kecurangan, adanya penyelewengan seperti yang didakwa itu.

Jadi kalau tidak ada, jangan buat tuduhan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak puas hati kita ada proses di mahkamah dan kita mesti sedar Tuan Yang di-Pertua bahawa semalam kita sudah angkat sumpah. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya baca ayat itu, "*bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenarnya pada Malaysia, memelihara, melindungi dan mempertahankan perlembagaan negara.*" [Tepuk]

Jadi kalau ada apa-apa yang tidak puas hati, pandu kepada perlembagaan dan inilah jalan ke hadapan yang boleh membawa kepada *national reconciliation* Tuan Yang di-Pertua. Saya akan ulas lebih lagi sebab ada soalan yang kedua selepas ini.

2. **Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]** minta Perdana Menteri menyatakan usaha, kejayaan dan halangan terhadap “pendamaian nasional” sejak Pilihan Raya Umum ke-13 pada 5 Mei.

**Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]:** Di dalam menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gelang Patah, saya juga mohon izin untuk memberi jawapan bersekali dengan beberapa soalan yang lain, yang ada maksud yang lebih kurang sama iaitu soalan pada 2 Julai 2013 oleh Yang Berhormat Sabak Bernam dan Yang Berhormat Paya Besar, 15 Julai Yang Berhormat Lipis dan 18 Julai oleh Yang Berhormat Ayer Hitam. Mohon izin Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Pertamanya, dalam usaha kita untuk mencari dan mencapai pendamaian nasional atau *national reconciliation*, saya suka menegaskan bahawa premis utama ialah bahawa keputusan pilihan raya ke-13 ini perlu kita terima sebagai satu keputusan yang muktamad kerana proses pilihan raya itu telah dijalankan mengikut perlembagaan negara dan mengikut peraturan pilihan raya. Sekiranya ada apa-apa yang kita tidak puas hati, ada saluran Tuan Yang di-Pertua untuk kita membuat aduan dan selanjutnya apa-apa keputusan yang dibuat oleh proses mahkamah maka kita kena terima kerana itulah berpandu kepada Perlembagaan negara.

Sebagai satu cadangan, mekanisme untuk mencapai apa disebut sebagai pendamaian nasional ini, kerajaan ada cadangan untuk menujuhkan Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional ataupun *National Consultation Council on Unity*. Tiga perkara penting yang perlu dijadikan sebagai agenda kepada *council* ataupun majlis ini ialah bagaimana kita hendak tangani soal polarisasi kaum dalam aspek yang luas. Kedua, bagaimana kita hendak memupuk keharmonian di antara agama dan ketiga, bagaimana dasar-dasar kita boleh berbentuk *socially inclusive* Tuan Yang di-Pertua. Mungkin ada perkara-perkara lain yang boleh dibincangkan dalam majlis tersebut.

Kerajaan bersikap terbuka untuk menjemput semua pihak mewakili *civil society*, mewakili kalangan *academician*, dengan izin dan juga parti-parti politik sama ada pihak kerajaan ataupun pihak pembangkang. Daripada majlis inilah kita boleh merumuskan apa yang terbaik, langkah-langkah ke hadapan supaya negara kita lebih berjaya untuk menentukan kesejahteraan rakyat dan untuk menentukan masa depan yang lebih baik untuk negara kita.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Terima kasih, soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada memberikan jawapan mengenai *national reconciliation* tetapi dalam enam minggu selepas PRU-13, apa yang kita lihat bukan *national reconciliation* tetapi *national retaliation*. Peristiwa baru-baru ini ialah penutupan pasar malam Jonker Street di Melaka dan sangat jelas itu adalah satu usaha untuk menghukum pengundi-pengundi yang tidak menyokong Barisan Nasional. Ini adalah satu contoh bahawa BN sendiri tidak mahu menerima keputusan rakyat dan adakah Yang Amat Berhormat berhubung dengan Kerajaan Negeri Melaka supaya janganlah buat tindakan seperti itu kerana sudah 13 tahun pasar malam Jonker Street diadakan dan ini satu *centre of attraction* untuk pelancong-pelancong dan untuk semua.

Selepas PRU-13, selepas Yang Amat Berhormat kata bahawa ini satu *Chinese tsunami* dan sebenarnya bukan *Chinese tsunami* tetapi tsunami rakyat Malaysia, khasnya tsunami pemuda-pemudi, adalah satu siri kenyataan dan *mindset* yang menunjukkan bahawa sikap kerajaan ialah untuk menghukum dan ‘*race baiting, Chinese bashing*.’ Khasnya menteri-menteri yang ada kata kalau tidak suka keputusan pilihan raya boleh *migrate*, kenyataan Timbalan Perdana Menteri bahawa akan mengenai penduduk-penduduk oleh kerana tidak menyokong BN.

Kenyataan-kenyataan bekas hakim federal, *Court of Appeal*, ketua pengarah pendidikan yang sangat tunjuk bahawa adalah satu trend sangat *racist*. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerima, mengikut pandangan khasnya Ketua *National Unity and Integration* yang berkata bahawa perlulah berhenti semua *racist blame game* itu dan menerima keputusan-keputusan PRU sebagai satu *emerging trend* di mana pemuda *vote across lines*. Bolehkah kita berhenti semua hukuman-hukuman pengundi-pengundi dalam PRU-13? [*Dewan riuh*]

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama bersabit dengan di Jonker Walk ini saya akan rujuk pada kerajaan negeri untuk mengetahui apa asas keputusan yang dibuat oleh kerajaan negeri. Berkenaan dengan *national reconciliation* ini, sebenarnya pokoknya ialah penerimaan keputusan PRU-13.

Kalau pihak pembangkang masih berterusan dengan himpunan-himpunan menggambarkan bahawa mereka tidak terima keputusan PRU-13. Akan tetapi sebaliknya mereka juga membayangkan hasrat supaya kita *move forward*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk kita melihat masa hadapan.

**■1030**

Oleh sebab itulah saya telah huraikan tadi yang pertama, terima keputusan PRU-13. Kedua, kita tubuhkan majlis ini untuk kita membincangkan perkara-perkara yang disebut oleh Yang Berhormat dari Gelang Patah. Kalau Yang Berhormat menegur pihak kami, kami pun boleh menegur pihak Yang Berhormat atau pembangkang. *[Tepuk]* Jadi kalau kita tegur-menegur dan kita berbalah seperti ini, sampai bila-bila pun tidak akan berlaku *national reconciliation*. Jadi soalnya kalau kita hendak memulakan proses ini, pokoknya terima keputusan PRU-13. *[Tepuk]*

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya lihat dalam soalan ini, pendamaian nasional. Pendamaian nasional ini bererti semua rakyat Malaysia mesti menerima. Tuan Yang di-Pertua, hukum alam mengatakan yang di atas ada di bawah, yang menang ada yang kalah. Jadi apabila kita sudah tahu kita kalah, pendamaian ini tentu kita muhur rapatkan. Akan tetapi kalau ada orang mempersoalkan keputusan, apabila kita menang prosesnya betul, apabila kita kalah prosesnya tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2010, *Spain* menang Piala Dunia. Dia sudah menang. Adakah negara-negara dunia boleh mempertikaikan perkara keputusan bahawa dia menang? Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Amat Berhormat menyatakan kerana tadi soalan pertama saya tidak dapat. Adakah kerajaan mengambil satu usaha, kita nampak kalau ada demonstrasi yang melanggar undang-undang, kita ikut undang-undang sahaja perlembagaan. Adakah sebegitu Yang Amat Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Kita memang berpandukan pada perlembagaan dan undang-undang. Kalau kehendak untuk mengadakan perhimpunan membantah dan sebagainya, mesti berpandukan kepada Akta Perhimpunan Aman. Kalau berpandukan pada Akta Perhimpunan Aman, perhimpunan yang aman dibenarkan Tuan Yang di-Pertua. Ini satu daripada langkah kerajaan untuk menghormati hak asasi manusia. Kita tidak ada masalah kalau perhimpunan aman, malah kita menawarkan Stadium Merdeka, kita boleh buat di tempat-tempat tertentu, kita boleh gazetkan Tuan Yang di-Pertua. Jadi inilah prinsip yang dipegang oleh kerajaan, mesti berpandukan kepada *the rule of law* dan perlembagaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila. Saya benarkan penghabisan Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah memandangkan kerajaan kalau benar-benar hendak *national reconciliation*,

bolehkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan *undertaking* di sini bahawa kementerian-kementerian kerajaan tidak akan dengan izin, *discriminate against* wakil rakyat Pakatan Rakyat, iaitu baru-baru ini MPOB telah memberitahu semua tandatangan saksi yang dibuat oleh wakil rakyat Pakatan Rakyat tidak diiktiraf. Mereka diminta balik, pemohon-pemohon diminta balik untuk mendapatkan *signature* wakil rakyat Barisan Nasional. *[Dewan riuh]* Begitu juga di...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Biasalah itu.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Semua sekolah, kita tidak dibenarkan masuk ke sekolah untuk program-program sekolah ataupun di sekolah...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Di peringkat negeri pun sama juga.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya boleh beri *you* banyak misalan. *[Disampuk]* Tuan Yang di-Pertua, kalau pengalaman saya...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya beri kamus kepada sekolah pun pihak Kementerian Pendidikan mengambil tindakan terhadap guru-guru dan murid-murid.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, berhenti dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, Parlimen Ketiga Belas, saya berjanji untuk ubah. Ubah! *[Dewan riuh]* Kalau ada persoalan, jangan panjangkan sangat. Itu peraturan mesyuarat. Saya berikan peluang kepada Yang Berhormat kerana Perdana Menteri ada menjawab. Inilah tempat untuk berbahas bukan berteriak-teriak. Tolong, saya minta maaf Yang Berhormat Kinabatangan. Berhentilah yang Parlimen Kedua Belas itu. Sila kemukakan soalan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi soalan saya ialah adakah kerajaan boleh membuat satu keputusan supaya wakil-wakil rakyat Pakatan Rakyat juga diiktiraf dan boleh masuk ke sekolah-sekolah untuk program-program mereka? Juga baru-baru ini, ketua-ketua kampung sungguhpun perkara negeri tetapi arahan Kerajaan Barisan Nasional mengarahkan ketua kampung tidak menandatangani permohonan-permohonan yang dikatakan daripada penyokong-penyokong Pakatan Rakyat. Adakah kerajaan bersedia untuk mengubah iaitu mengiktiraf secara adil semua wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tidak perlu untuk membicarakan secara khusus, spesifik. Kalau Yang Berhormat bangkitkan soal spesifik, kita pun boleh bangkitkan banyak lagi perkara. *[Tepuk]* Ucapan-ucapan di luar, ucapan-ucapan

di London. Ucapannya di banyak tempat, dalam *YouTube* dan sebagainya. Oleh sebab itu apabila saya kata, kalau kita hendak *national reconciliation*, terima keputusan PRU-13 dahulu. [*Dewan riuh*] [*Tepuk*]. Selepas itu kita boleh bincang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli- ahli Yang Berhormat, yang tadi disebutkan itu betul, soalan spesifik. Akan tetapi kalau mengatakan saya tidak benarkan, seolah-olah saya membantu Yang Amat Berhormat. Saya memperkecilkan Yang Amat Berhormat. Dia boleh semua apa-apa pun, tetapi ikut peraturan. Itu mesej. Boleh dia jawab, boleh dia tidak jawab. Masa kita beredar kepada Mesyuarat Ketiga...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, berilah *freshie* satu soalan. Semua *senior* sahaja. [*Dewan riuh*]

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, duduk, duduk. Ahli Yang Berhormat duduk Ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sudah jelaskan tadi. Peraturan mesyuarat cuma membolehkan Speaker membenarkan tiga soalan. Jadi, kalaularah saya benarkan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia tidak faham-fahamlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna saya sendiri melanggar peraturan mesyuarat ini. [*Disampuk*] Tolong, tolong. Sudahlah, sudahlah Ahli Yang Berhormat. Tinggi sekolahkah atau rendah sekolahkah, sudahlah. Kita ubah Parlimen Ketiga Belas. [*Dewan riuh*]

**3. Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah langkah terbaru kementerian dalam menanam semangat perpaduan dan cintakan negara di kalangan pelajar;
- (b) apakah kerajaan berhasrat melaksanakan semula Sekolah Wawasan.

**Menteri Pendidikan II [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat empat pertanyaan yang menyentuh tentang langkah-langkah Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memupuk semangat perpaduan dalam kalangan pelajar. Pertanyaan tersebut ialah daripada Yang Berhormat Lenggong iaitu pada hari ini, Yang Berhormat Labuan pada 15 Julai, Yang Berhormat Sekijang pada 15 Julai juga dan Yang Berhormat Tenom pada 18 Julai. Oleh kerana isu-isu yang dibangkitkan saling berkaitan, izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan itu secara serentak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Sistem pendidikan yang diamalkan di negara ini, sebenarnya tidak hanya memberikan tumpuan pada akademik dan kemahiran semata-mata. Akan tetapi juga memberikan tumpuan kepada pemupukan dan pembudayaan nilai-nilai murni dalam kalangan murid sekolah dan juga pelajar di pusat pengajian tinggi yang digubal berlandaskan prinsip-prinsip Rukun Negara. Di peringkat sekolah, pemupukan dan pembudayaan nilai-nilai murni dilaksanakan melalui konsep merentas kurikulum dalam semua mata pelajaran yang diajar, aktiviti kurikulum dan program integrasi murid untuk perpaduan ataupun remut. Manakala di peringkat pengajian tinggi pula, pelajar diwajibkan mengambil mata pelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia serta Hubungan Etnik.

Di samping itu, program yang bersesuaian juga disediakan sebagai platform bagi membincangkan pelbagai perkara termasuk isu pengukuhan pembangunan dan perpaduan negara seperti Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Ini bertujuan untuk menyediakan modal insan yang mempunyai jati diri yang utuh, cinta kepada negara, mengamalkan nilai-nilai murni dan saling hormat-menghormati sebagai rakyat Malaysia dalam masyarakat majmuk.

#### ■1040

Untuk makluman Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Tenom, di bawah anjakan ketiga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, beberapa strategi telah dirangka bagi mencapai matlamat untuk melahirkan masyarakat harmonis iaitu melalui memperkuatkannya pendidikan sivik dengan menjadikan khidmat komuniti sebagai prasyarat untuk tamat persekolahan menjelang tahun 2017.

Kedua, memperkuatkannya Pendidikan Islam dan Moral dengan memberi fokus ke atas nilai dan falsafah agama menjelang tahun 2017.

Ketiga, memperkembangkan murid secara holistik dengan mengukuhkan keperluan dan penyertaan murid dalam aktiviti sukan, kelab dan juga badan beruniform.

Keempat, mengukuh dan memperluaskan rancangan integrasi murid untuk perpaduan mulai 2016 dan menyediakan platform interaksi antara jenis sekolah, kumpulan etnik dan juga latar belakang sosial ekonomi.

Justeru bagi merealisasikan aspirasi dan Pelan Pembangunan Pendidikan beberapa inisiatif. Antaranya ialah membangunkan instrumen dan juga kajian, meneruskan pengukuhan aktiviti kokurikulum yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, KPM juga mengambil langkah-langkah untuk meningkat sahsiah dan jati diri, di antaranya menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus di SPM pada tahun ini, mewujudkan Jawatankuasa Induk Perpaduan, mewujudkan Sekretariat Perpaduan Murid.

Untuk soalan daripada Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Sekijang dan Yang Berhormat Tenom, sekolah wawasan yang diilhamkan oleh kerajaan merupakan wadah terbaik untuk mewujudkan perpaduan kaum bermula di peringkat persekolahan. Dengan adanya konsep sekolah wawasan, KPM yakin kejayaan integrasi kaum boleh direalisasikan menerusi pelbagai aktiviti yang dilaksanakan secara bersama. Saya berkeyakinan bahawa pendidikan yang kita amalkan sekarang mampu menjadi wadah perpaduan antara kaum di negara ini tanpa mengira fahaman politik, latar belakang sosial, ekonomi, pendidikan, agama dan bangsa.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri, perpaduan penting dalam usaha kita membawa negara ke tahap yang lebih maju daripada sekarang. Kita lihat hari ini golongan remaja khususnya di pusat-pusat pengajian tinggi adalah kumpulan yang perlu diberikan tumpuan kerana mereka adalah masa depan negara. Dalam usaha kerajaan untuk menanam semangat perpaduan di kalangan pelajar universiti, saya mohon untuk kerajaan memperincikan apakah program dibuat, pertama.

Keduanya, apakah tahap perpaduan di kalangan pelajar-pelajar di universiti? Apakah baik, tidak baik atau membimbangkan? Mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Kita lihat kerajaan sedang memastikan program-program perpaduan ini dapat dilaksanakan dengan baik. Sebab itulah kita nak pastikan sekolah kebangsaan itu diberi penekanan agar sejak daripada mereka masih muda lagi mereka dapat bersatu. Sebab itulah kita lihat sekolah wawasan itu diberi penekanan agar banyak lagi sekolah-sekolah dapat bersatu di mana fasiliti itu dapat digabungkan, disekalikan agar apabila mereka besar nanti dan masuk ke IPT nanti, mereka boleh memahami sikap-sikap perpaduan di kalangan kaum.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya melihat perpaduan mengenai pendidikan ini masih lagi menimbulkan kebimbangan kepada kita sehingga ke hari ini. Walaupun kita melihat gesaan ini sebenarnya telah pun

disuarakan dalam Penyata Razak sejak tahun 1956 yang lalu yang akhirnya diangkat sebagai Ordinan Pelajaran tahun 1957. Saya melihat sejak tahun 2008 terdapat suara-suara yang dikemukakan kepada kita untuk menghapuskan sekolah vernakular. Jadi hasrat ini baru-baru ini telah disuarakan oleh pihak NGO dan saya lihat ditentang dan dibantah oleh kepimpinan komponen Barisan Nasional.

Persoalannya ialah apakah sebenarnya pendirian pihak kerajaan terhadap penubuhan dan juga perkembangan sekolah vernakular dalam negara kita ini. Adakah penubuhan sekolah vernakular ini adalah merupakan satu yang menjadi penghalang utama kepada sekolah wawasan yang dihasratkan oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dengan wujudnya seperti yang saya katakan tadi bahawa wujudnya sekolah wawasan kita nak pastikan agar pelajar-pelajar ini dapat bersatu di dalam satu pagar yang mana kemudahan-kemudahannya disatukan. Sekolah-sekolah pada masa kini banyak isu yang diungkitkan tentang sekolah-sekolah tersebut. Itulah sebenarnya di peringkat sekolah menengah tidak wujud lagi pengasingan pelajar-pelajar di mana mata pelajarannya, kurikulumnya, semuanya menggunakan kurikulum kebangsaan.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sekolah wawasan dan juga untuk perpaduan nasional, kita dapati bahawa sekolah jenis kebangsaan ini kemungkinan tidak mampu untuk kita hapuskan seperti mana permintaan daripada NGO. Jadi untuk mendapatkan perpaduan bagi kalangan rakyat kita daripada pelajar kecil lagi sehingga ke peringkat universiti, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri.

Apakah boleh sekiranya kita lakukan secara kebalikan di mana sekolah wawasan nampaknya mendapat tentangan daripada ibu bapa dan masyarakat yang tertentu tetapi kalau kita nak juga perpaduan ini berlaku, bolehkah kita masukkan pelajar-pelajar daripada bangsa lain ke sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini supaya kuantitinya menjadi sama rata agar berlaku perpaduan itu. Contohnya sekolah jenis kebangsaan Cina, kita pastikan di situ ada pelajar Melayu 30%, India 30% dan Cina 40% supaya ada pertalian di situ. Di samping itu contohnya juga, sekolah jenis kebangsaan India, bagi Melayu pergi situ 30, Cina 30 dan India 40. Saya ingin bertanya soalan kepada Yang Berhormat Menteri, adakah ini boleh dilakukan?

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian tidak berhajat untuk memaksa pelajar-pelajar memasuki sama ada sekolah jenis kebangsaan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Akan tetapi, yang sedang dilaksanakan oleh kementerian ialah untuk memastikan agar sekolah

kebangsaan itu diperkasakan kerana ramai yang tidak tahu bahawa sekarang ini pun di sekolah kebangsaan, kita boleh mengajar bahasa-bahasa Mandarin dan Tamil di sekolah-sekolah tersebut. Kita akan pastikan kita mempunyai guru-guru yang mampu mengajar dengan baik. Ada cadangan guru-guru bahasa Mandarin ini diimport daripada negara China untuk pastikan mereka mempunyai *command* dengan izin bahasa yang baik dan juga untuk menarik ramai lagi pelajar-pelajar, murid-murid belajar di sekolah kebangsaan dan mewujudkan integrasi nasional di peringkat yang paling rendah lagi.

**4. Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengesan, menyiasat dan mendakwa anggota-anggota polis yang bertindak ganas terhadap kes-kes kematian dalam tahanan polis.

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan yang berkaitan yang dibangkitkan memandangkan soalan-soalan berkenaan adalah soalan yang ada hubung. Mohon izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi:** Yang Berhormat Indera Mahkota dan Yang Berhormat Ipoh Barat pada hari ini, Yang Berhormat Kepong pada 27 Jun, Yang Berhormat Bukit Mertajam 1 Julai, Segambut 2 Julai, Kota Raja 3 Julai, Gombak 4 Julai, Bukit Gelugor 8 Julai, Bintulu 10 Julai dan Kota Melaka 10 Julai. Mohon Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

■1050

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang amat serius dan sentiasa komited dalam mengelakkan kejadian-kejadian kematian dalam tahanan polis atau agensi penguatkuasaan yang lain. KDN tidak akan sesekali berkompromi apatah lagi melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasaan yang disyaki menggunakan kekerasan sehingga menyebabkan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan akan disiasat. Tindakan sewajar akan diambil oleh KDN sama ada dari sudut

tatatertib atau mencadangkan kepada pihak pendakwa raya untuk dituduh di mahkamah.

Untuk maklumat Ahli-ahli Dewan yang mulia ini sebanyak 231 kes kematian dalam tahanan yang telah direkodkan sejak tahun 2000 hingga Mei 2013. Berdasarkan statistik dari tahun 2000 hingga Mei tahun ini, sebab-sebab kematian sebanyak 196 kematian disebabkan oleh penyakit. Antaranya HIV, *asthma*, sakit jantung dan sebagainya. Sebanyak 29 kematian disebabkan oleh gantung diri. Dua kematian disebabkan oleh pergaduhan sesama sendiri, dua kematian tergelincir dalam lokap, dua kematian dicederakan oleh polis. Statistik kematian mengikut kaum adalah 97 Melayu, 49 Cina, 51 India, 25 melibatkan warga asing dan 9 kepada lain-lain bangsa.

Dalam aspek pengurusan di lokap polis, peraturan yang digunakan adalah berdasarkan kepada Kaedah-kaedah Lokap 1958 atau *Lockup Rules 1958*. Perintah Tetap Ketua Polis Negara atau *IGP Standing Order* dan Perintah Tetap Ketua Polis Daerah. Bagi memantapkan lagi pengurusan tahanan dan mengelakkan kes kematian, selain daripada sistem CCTV, yang telah dipasang di lokap polis, kerajaan pada dasarnya telah bersetuju untuk menubuhkan Mahkamah Koroner bagi menyiasat kes-kes kematian dalam tahanan yang melibatkan semua agensi penguatkuasaan di negara ini.

Begini juga kita telah menubuhkan jawatankuasa oleh PDRM yang dipengerusikan oleh IGP sendiri untuk mengkaji semula dengan terperinci segala peraturan dan *standard operation procedure* atau SOP berkaitan dengan pengurusan lokap dari aspek kemudahan rawatan kesihatan dan lain-lain yang berkaitan dengan orang awam. Di samping itu, kerajaan juga telah mengadakan lokap tahanan yang berpusat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sementara kita ucap terima kasih kepada mereka yang – pegawai polis dan anggota yang tidak terlibat dan baik menjalankan tugas, namun kes-kes kematian dalam lokap ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri bukanlah baru, ya. Malah, saya ingat lagi kalau semua juga ingat, Ketua Pembangkang sendiri pada 20 September 1998 pun dibelasah dalam lokap oleh bukan koperal tetapi oleh IGP.

Soalan tambahan saya ialah, melihat keadaan ini adakah kerajaan bercadang untuk meneliti semula saranan dan cadangan Biro RCI yang dipengerusikan oleh Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah agar *Independent Police Complaints and Misconduct Commission* (IPCMC) itu diwujudkan? Ini kerana Tun Mohamed Dzaiddin dan juga seluruh jawatankuasa telah pun melihat bahawa inilah lebih efektif untuk bukan sahaja

mengawal tetapi juga memastikan nasihat-nasihat mereka terus ke pihak-pihak atasan dan diambil tindakan yang serta-merta daripada melihat kepada cadangan-cadangan yang telah pun diputuskan oleh kerajaan seperti menubuhkan EAIC. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri tentang itu?

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Yang Berhormat Sungai Petani, kerajaan amat prihatin sebagai mana yang terdapat keprihatinannya di kalangan Ahli-ahli Parlimen pembangkang. Biarpun IPCMC dicadangkan sebagai sebuah badan untuk melakukan penyiasatan dan penambahbaikan secara spesifik tetapi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) telah diperbadankan dan diterima di Dewan yang mulia ini. Kenapa IPCMC ditolak? Ini kerana terdapat berlaku pertindihan di dalam cadangan yang dibuat oleh IPCMC. Saya ambil contoh umpamanya, fungsi dari segi siasatan dan pendakwaan. Contohnya yang berkaitan dengan SPRM umpamanya atau rasuah. Perkara itu ada di dalam SPRM. Begitu juga ianya tidak selaras dengan *Extra-territorial Offences Act 1976* kerana kesalahan di bawah IPCMC tidak termasuk dalam jadual *Extra-territorial Offences Act 1976* dan juga seksyen 127A Kanun Tatacara Jenayah. Begitu juga IPCMC berkuasa untuk menyiasat salah laku seseorang pegawai polis termasuk salah laku yang dilakukan sebelum IPCMC diwujudkan. Oleh yang demikian, pertindihan ini bertentangan dengan perkara 7 dalam Perlembagaan Persekutuan di mana seseorang tidak boleh dihukum untuk sesuatu perbuatan yang tidak menjadi kesalahan ketika perbuatan itu dilakukan. Jadi dalam perkara ini, kami telah mempertimbangkan dengan sewajarnya. Maka, apa yang telah diterima pakai melalui SIAP adalah lebih baik kerana ianya juga meliputi agensi-agensi penguatkuasaan yang lain.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, masalahnya kes sebegini bukan lagi *isolate case*, tetapi makin banyak berlaku dan menimbulkan kemarahan rakyat atau waris yang terlibat setengahnya hampir menjadi isu perkauman. Soalan tambahan, apakah tindakan kementerian khususnya Menteri dan IGP baru untuk melihat masalah ini dan langkah-langkah yang diambil untuk menghapuskan oleh pihak kementerian, persepsi perkauman ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Persepsi perkauman adalah persepsi yang harus diuruskan dengan baik. Saya telah menyatakan tadi bahawa orang-orang Melayu yang ditahan itu lebih ramai meninggal berbanding dengan orang Cina dan orang India. Akan tetapi saya ingin memberikan jaminan dari segi langkah-langkah yang kita lakukan, tindakan-tindakan

yang akan kita lakukan. Dari hasil siasatan, saya telah nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa kematian yang disyaki disebabkan oleh perbuatan pegawai atau anggota polis hanya dua dan yang lain-lain adalah disebabkan oleh kematian-kematian akibat daripada penyakit yang ada pada mereka.

Di dalam hal ini, saya minta Ahli Yang Berhormat sama ada di pihak kerajaan atau pihak pembangkang, persepsi ini harus diubah kerana 197 atau 196 yang mati disebabkan oleh penyakit daripada jumlah 231 orang. Adakah ini disebabkan oleh dengan izin *police brutality*? Tidak begitu! Jadi, saya tidak menyalahkan sesiapa. Mereka pun rasional juga dan kita bekerjasama untuk menyelesaikan masalah ini dan saya berterima kasih kalau kita yang ada di dalam Dewan yang mulia ini termasuk Tuan Yang di-Pertua membantu PDRM untuk mengatasi maslah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Pokok Sena. Akhirnya sampai juga giliran kamu. Sila.

#### ■1100

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, rakan saya tahniah, dapat jawatan baru Menteri Dalam Negeri. Cuma, jangan tangkap saya sudahlah. *[Ketawa]*

Jadi, soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa walaupun disebut tadi ada yang mati kerana sakit dan sebagainya dan ada juga disebut bahawa mati kerana gantung diri. Jadi, isu ini menunjukkan bahawa macam mana boleh berlaku orang boleh gantung diri dalam lokap? Itu satu.

Mungkin ada tekanan-tekanan, sebab saya melihat yang perlu diberikan perhatian oleh pihak polis ialah proses penyiasatan yang perlu disemak kembali. Ini kerana ada dakwaan-dakwaan yang disebut, yang pernah saya bangkit di Parlimen ini bahawa proses siasatan itu sehingga menyebabkan berlaku memukul, sehingga menyentuh soal fizikal, sehingga menyebabkan berlaku kematian.

Ini bukan sahaja kepada orang politik, termasuk juga kepada orang-orang lain. Ini kerana saya juga pernah berada dalam satu penjara bersama dengan beberapa orang pegawai-pegawai polis yang didakwa dan mereka mengakui bahawa arahan daripada pegawai atasan untuk memukul. Akan tetapi, akhirnya bila berlaku kematian, maka pegawai rendah itulah yang di kambing hitamkan. Jadi, maknanya ini perlu kepada siasatan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau masuk penjara, ini orang jahat Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang kedua Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia masuk penjara.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Jawapan Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan bahawa berlaku pertindihan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini orang jahat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya fikir bahawa IPCMC, cadangan daripada Suruhanjaya Diraja itu. Ini cadangan Suruhanjaya Diraja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena, duduk dahulu Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Soalan Yang Berhormat Pokok Sena, soalan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Nama pun soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, memang faham, tahu. Sesi soal jawab tidak boleh dibuat sebagai alasan untuk berbahas. Lain kali Yang Berhormat Pokok Sena, saya tidak akan bagi peluang.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Habis sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sedikit tapi soalan, sila.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Okey, okey. IPCMC itu telah dicadangkan lebih awal daripada kewujudan SIAP. SIAP itu baru siap. Cadangan penubuhan IPCMC itu melalui Suruhanjaya Diraja telah pun lama, lebih dahulu daripada SIAP.

Jadi, tidak wujud pertindihan. Sepatutnya bahawa kalau kerajaan telah pun ada komitmen lebih awal daripada SIAP untuk vote IPCMC, saya percaya bahawa IPCMC dahulu lah yang lebih siap.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menangkap Yang Berhormat Pokok Sena. Yang akan menangkap beliau ialah polis. *[Ketawa]* Itu pun kalau beliau melakukan kesalahan. Soal penggantungan diri. Hasil siasatan yang terbaru, iaitu seorang warganegara Jepun yang menggantungkan diri. Dia menggantung diri dengan baju dan seluar yang dipakai. Bukan polis gantung. Saya harap Yang Berhormat Pokok Sena...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya tidak cakap polis macam itu.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Jadi, dalam perkara ini, jangan tuduh bahawa pegawai polis atasan dikambinghitamkan. Ini kerana SOPnya, kalau diikuti, maka tidak berlaku perkara-perkara yang begitu. Akan tetapi saya tidak akan berkompromi jika ada pegawai polis atau anggota polis yang bertindak di luar daripada SOP yang telah ditentukan. Ini jaminan KDN.

Yang keduanya, IPCMC atau Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *Independent Police Complaints and Misconduct Commission*. *Commission* ini atau Suruhanjaya Diraja ini telah bermesyuarat daripada 13 Mei 2005. Mereka telah berbincang selama tiga setengah tahun untuk melakukan beberapa perubahan. Akhirnya, pada bulan Februari 2006, Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC) Akta SIAP diwartakan pada tahun 2009, 3 September.

Ertinya, ini adalah merupakan jawapan kepada cadangan daripada Suruhanjaya Diraja berkenaan. Jadi, yang mahu dilakukan oleh kerajaan Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya kepada pihak polis tetapi kepada seluruh agensi penguatkuasaan. Memperlihatkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional mahu menjaga rakyat keseluruhannya termasuk Ahli-ahli Parlimen pembangkang.

**5. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan:-

- (a) tahap penerimaan rakyat terkini ke atas konsep 1Malaysia; dan
- (b) tahap penerimaan rakyat bukan Melayu terkini ke atas konsep 1Malaysia.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya pertamanya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Putatan di atas soalan yang dikemukakan. Saya juga ingin memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan kepada Yang Berhormat Bukit Katil dan Yang Berhormat Tanjong pada 15 dan 17 Julai 2013 kerana ia menyentuh perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Menurut beberapa kajian yang dibuat dan kajian ini saya dimaklumkan telah dibuat sekitar tahun 2012. Merangkumi responden seramai lebih daripada 30,000 orang yang meliputi masyarakat pelbagai kaum di

seluruh negara. Di mana penerimaan rakyat Malaysia terhadap gagasan 1Malaysia adalah begitu tinggi sekali. Lebih daripada 86% telah bersetuju dengan konsep gagasan ini dan jumlah yang hampir sama juga termasuk di kalangan orang-orang bukan Melayu yang menerima konsep ini.

Namun begitu, pihak kami bersedia untuk membuat kajian yang terbaru terutama sekali semasa pasca PRU-13 untuk mendapatkan pandangan ataupun apakah penerimaan rakyat terhadap konsep ini untuk seterusnya. Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan memang begitu padat tetapi belum tepat. Tuan Yang di-Pertua, semasa kempen pilihan raya ke-13, dua tahun sebelum itu, saya rasa rakyat sudah muak. Usaha-usaha parti yang tidak memihak kepada kerajaan berusaha memecahbelahkan perpaduan negara seperti mana yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu 1Malaysia.

Pelbagai usaha untuk mempermainkan isu-isu sensitif seperti keagamaan, perkauman dan pelbagai lagi. Malah telah memperalatkan golongan-golongan muda seperti Yang Berhormat Batu yang berhimpun di Merbok, seperti pertubuhan-pertubuhan mahasiswa, mahasiswi. Ya, Yang Berhormat Gombak juga ada di sana. Yang Berhormat Shah Alam pula, muka Yang Berhormat Shah Alam pun saya nampak juga di situ. Jadi, kesannya Tuan Yang di-Pertua, kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi negara. Saya minta Yang Berhormat Menteri huraikan kesan-kesan positif ataupun kesan-kesan negatif supaya wawasan negara kita itu menjadi sebuah negara yang maju dan berpendapatan tinggi. Minta Yang Berhormat Menteri huraikan.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Putatan tadi. Asas kepada konsep 1Malaysia ini ialah bagaimana untuk meningkatkan perpaduan dan toleransi di kalangan masyarakat kita, *unity and tolerance*, dengan izin.

Pada keseluruhannya, saya percaya bahawa konsep ini boleh diterima semua orang. Dalam konsep ini, tidak pula menspesifikasikan bahawa konsep ini diterima tetapi orang mesti sokong satu parti sahaja. Konsep ini membentarkan perbezaan dari segi pendapat, dari segi anutan ideologi, dari segi cara mereka mengamalkan budaya, bahasa dan sebagainya. Ertinya, yang pentingnya *tolerance*. Kita bersedia untuk bertolak ansur dan kalau ada perbezaan, kita selesaikan menerusi lunas-lunas undang-undang yang ada.

**■1110**

Sudah tentu sekiranya ada pihak yang merasakan untuk tidak bersetuju dengan kerajaan yang ada sekarang, dengan parti yang memerintah, mereka akan mencari jalan. Akan tetapi setakat ini saya tidak pernah mengatakan mereka menolak 1Malaysia itu sendiri. Mereka mencari jalan untuk mengatakan bahawa ekonomi kita tidak baik.

Mereka mencari jalan mengatakan kalau ekonomi baik, mungkin kita buat sesuatu supaya orang berfikir tidak baik. Pelabur jangan datang, orang tidak ada kerja misalnya. Kalau ada perkara-perkara yang demikian, kita katakan bahawa ia tidak baik dan tetapi *alhamdulillah*, setakat ini kita katakan bahawa walaupun ada usaha untuk memperlekehkan apa yang dibuat, tetapi keseluruhan peningkatan dari segi pelaburan, imej negara, pelancong datang, kita rasakan bertambah baik. Ini bermakna bahawa *insya-Allah* negara kita akan terus maju dan lebih baik lagi.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan tadi. Kita tahu bahawa Gagasan 1Malaysia ini namanya cantik. Mungkin matlamatnya juga baik. Akan tetapi dari segi aplikasinya atau penggunaannya, saya ingin bertanya adakah menjadi satu tata amalan dalam melaksanakan konsep 1Malaysia ini, apabila ia digunakan, penggunaannya dari segi pendekatannya berbeza antara negeri-negeri? Saya bagi satu contoh, pengendalian wang ihsan daripada royalti minyak petroleum di Malaysia. *[Tepuk]* Yang Berhormat Menteri daripada Kemaman, Terengganu. Saya Kota Bharu, Kelantan. Wang ihsan diberikan kepada Terengganu, kepada Kerajaan Negeri Terengganu yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri Terengganu diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu.

**Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa kena mengena dengan soalan tambahan?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Wang royalti, wang ihsan kepada Kelantan. Dengar dahulu. Wang ihsan kepada Kelantan tidak diberi kepada kerajaan negeri. Diberi kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan yang mana JPP Kelantan ini yang membuat keputusannya dari segi penggunaan wang ihsan, bukan kerajaan negeri. Akan tetapi saya boleh tunjukkan beberapa orang di dalam Dewan ini. Antaranya Jeli, Ketereh, Machang, Tanah Merah dan juga Gua Musang yang merupakan Ketua-ketua UMNO Bahagian di Kelantan, kawan-kawan saya. Jadi saya hendak mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri, adakah ini pendekatan 1Malaysia antara negeri? Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** Ya, jawab!

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih. Pertamanya, Yang Berhormat Kota Bharu mengatakan bahawa konsep 1Malaysia itu baik. Itu satu pengiktirafan yang saya terima secara terbuka pada hari ini. Ia datang daripada pihak pembangkang itu sendiri. Ia baik, ia mempunyai matlamat yang baik. Tentang soal pengurusan ada dua, tiga perkara yang dikaitkan dengan negeri ini rasa ia hendak benda ini tetapi tidak dapat. Boleh buat permohonan. Tidak dapat kalau ia bertentangan dengan undang-undang dan sebagainya, kita boleh uruskan melalui proses undang-undang.

Akan tetapi dalam soal ini, rakyatnya dapat atau tidak? Rakyatnya dapat cuma tidak setuju kalau tidak melalui kerajaan negeri. Itu boleh diuruskan dalam soal ini. Akan tetapi perlu dilihat banyak lagi perkara lain yang dibuat oleh Kerajaan Pusat menyalurkan pelbagai lagi peruntukan dan sebagainya kepada kerajaan negeri. Soal air misalnya, soal membayar gaji imam, gaji guru-guru KAFA.

Sepatutnya itu adalah urusan agama, urusan negeri tetapi peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri begitu besar sekali dan yang terbesarnya ialah di negeri Kelantan. Kalau dibandingkan negeri-negeri lain, Kelantan mendapat peruntukan yang besar. Begitu juga peruntukan pembangunan lebih daripada RM5 bilion. Untuk negeri Kelantan, ini adalah satu perkara yang perlu kita akui bahawa banyak perkara yang berkaitan dengan pembangunan dapat diterima oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan kerajaan-kerajaan yang dikuasai oleh pembangkang yang lain. Jadi saya rasa perkara-perkara yang seperti disebut tadi boleh diuruskan menurut sistem yang ada di dalam negara kita. Terima kasih.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sebaik sahaja PRU-13 habis, saya ingat Yang Berhormat Gelang Patah pernah mengeluarkan *statement* bahawa beliau menyokong dan setuju bahawa konsep kawasan 1Malaysia harus diteruskan. Akan tetapi sedangkan beliau berkata begitu, ada beberapa negeri pula mengharamkan logo 1Malaysia dan tidak dibenarkan wujud pun logo 1Malaysia di negeri itu. Apakah ini merupakan satu *double standard* daripada pembangkang? Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, perkataan 1Malaysia ataupun Gagasan 1Malaysia adalah satu *brand* besar, jenama besar. Jenama besar mesti dikaitkan juga dengan produk-produknya. Produk 1Malaysia itu banyak, ada beratus produknya. Misalnya Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Kedai Buku 1Malaysia, Kedai Kain 1Malaysia, baucar buku, macam-macam lagi yang disebutkan.

Kedai Rakyat 1Malaysia. Memanglah ada orang yang merasa geli di hati dia bila tengok rakyat ramai terima BR1M. Boleh tak dia hendak halang orang tak hendak terima?

Misalnya, ramai orang pergi ke Kedai Rakyat 1Malaysia bagi mengatasi masalah harga barang yang naik tetapi ada satu produk baru yang dikemukakan bahawa ini cara dan kaedah memberi pilihan kepada rakyat untuk mendapatkan barang dengan harga yang lebih murah. Klinik 1Malaysia, orang berduyun-duyun datang walaupun pihak pembangkang tidak senang dengan perkara ini tetapi saya kira pada keseluruhannya rakyat menganggap ada jenama, ada produk adalah sesuatu yang baik.

Mungkin pembangkang ada jenama, membangun bersama Islam. Orang tanya apa produknya? Tidak banyak produknya. Jadi ini juga adalah perkara yang akhirnya rakyat akan menilai satu jenama yang baik dengan pelbagai produk yang baik, ia adalah merupakan satu cara pengurusan untuk rakyat menghargai apa yang diberikan oleh kerajaan. Terima kasih.

**6. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan dasar dan formula penyelesaian tuntutan bertindih oleh beberapa negara di Laut China Selatan. Apakah pendirian negara China dan faktor-faktor yang timbul.

**Menteri Luar Negeri [Dato' Sri Anifah bin Haji Aman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab secara serentak pertanyaan Yang Berhormat Kepong dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur bertarikh 16 Julai 2013 kerana pertanyaan-pertanyaan itu menyentuh perkara yang sama.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memberi perhatian yang khusus kepada isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan yang melibatkan Republik Rakyat China dan beberapa buah negara ASEAN iaitu Malaysia, Brunei Darussalam, Vietnam dan Filipina. Tuntutan Malaysia di kawasan Laut China Selatan adalah seperti yang digambarkan peta Malaysia 1979 dan ia merangkumi sebahagian kecil Kepulauan Spratly yang dari segi geografinya terletak di bahagian selatan Laut China Selatan. Tuntutan Republik Rakyat China pula adalah melalui peta dengan izin, *nine-dash line* ataupun *nine-dotted-line* yang mana Republik Rakyat China menuntut hampir keseluruhan Laut China Selatan.

Negara-negara ASEAN tidak mengiktiraf dan mempertikaikan tuntutan tersebut kerana ia bersandarkan kepada faktor sejarah dan bukannya peruntukan undang-undang antarabangsa termasuk Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut 1982 atau dengan izin The United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS 1982).

Tuan Yang di-Pertua, pendirian Malaysia berhubung tuntutan bertindih Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Pertama, menyedari bahawa isu ini adalah kompleks, maka ia perlu diselesaikan secara aman melalui perbincangan dan perundingan melibatkan negara-negara yang membuat tuntutan atau dengan izin, *the claimant stage*.

Kedua, penyelesaian kepada pertikaian adalah berdasarkan kepada Undang-undang Antarabangsa dan UNCLOS 1982 dan bukan berdasarkan tuntutan sejarah atau dengan izin, *historical claims*.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini, negara-negara ASEAN dan Republik Rakyat China telah pun menandatangani Deklarasi Tatalaku Pihak Berkepentingan di Laut China Selatan atau dengan izin Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC) pada 4 November 2002.

#### ■1120

Lanjut daripada itu, satu garis panduan mengenai pelaksanaan DOC atau dengan izin *Guidelines for the Implementation of the DOC* telah diperakurkan oleh Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN dan Republik Rakyat China pada tahun 2011 bagi memastikan pelaksanaan DOC yang komprehensif dan menyeluruh.

Walau bagaimanapun, negara-negara ASEAN dan Republik Rakyat China mesti sentiasa berpegang kepada prinsip dan semangat DOC bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan di Laut China Selatan. Termasuklah merealisasikan kewujudan Kod Tatalaku di Laut China Selatan atau dengan izin *Code Of Conduct in the South China Sea*. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seiring bertukar jalan, seja bertukar sebut dan banyak yang dilakukan oleh negara-negara berkenaan, apakah pulau-pulau yang sudah diduduki oleh Malaysia dan akan dibangunkan di Laut China Selatan? Kalau kita tengok pihak Philippines dia sudah mengambil pendirian yang luar daripada kod yang disebutkan, apakah pendirian Malaysia?

**Dato' Sri Anifah bin Haji Aman:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Kawasan maritim yang dituntut Malaysia iaitu di

kawasan Laut China Selatan adalah seperti yang digambarkan, yang saya katakan tadi dalam peta 1979 dan diterbitkan, diwartakan pada tahun 1999 dan ianya adalah selaras dengan undang-undang antarabangsa yang berkuat kuasa pada masa itu. Malaysia berpendirian bahawa ciri-ciri geografi seperti terumbu, beting, **cape** dan sebagainya yang terdapat dalam kawasan maritim Malaysia adalah merupakan kepunyaan Malaysia. Sehubungan dengan itu usaha-usaha sentiasa diambil bagi menzahirkan hak-hak kedaulatan Malaysia di kawasan-kawasan tersebut. Saya bagi satu contoh bahawa Pulau Layang-Layang telah dibangunkan sebagai salah satu destinasi pelancongan yang terkemuka di dunia dan jumlah pelancong dan penyelam yang mengunjungi Pulau Layang-Layang meningkat setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga telah membangun Stesen Penyelidikan Saintifik Marin di Pulau Layang-Layang menjalankan kajian berhubung ekosistem di Laut China Selatan dan dari segi aspek metrologi juga dan juga sumber-sumber perikanan. Malaysia juga telah membina alat-alat bantuan pelayaran di lokasi-lokasi strategik bagi membantu masyarakat perkapalan dan juga komuniti nelayan di kawasan Laut China Selatan, terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan. Saya melihat bahawa masalah persempadanan, pertindihan ini berlarutan di mana ada beberapa pulau di Sabah contohnya di hujung pulau ini bendera negara kita, bendera Malaysia. Di sebelah kiri dia saya nampak bendera negara lain, negara asing. Jadi, apakah penyelesaian yang mutakhir yang boleh diambil oleh kerajaan supaya tidak ada kekeliruan berlaku. Sebab apabila kita melalui pulau-pulau ini kita merasa *confuse* siapa punya. Sedangkan tanggapan kita pulau ini berada di dalam sempadan negara kita. Akan tetapi ada pula negara lain menyatakan bahawa pulau milik dia. Jadi apakah Mahkamah ICJ merupakan satu jalan penyelesaian yang wajar untuk kita membuat penilaian yang terakhir terima kasih.

**Dato' Sri Anifah bin Haji Aman:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang telah saya katakan awal-awal tadi bahawa isu ini memanglah kompleks dan ianya memerlukan satu pendekatan melalui perbincangan dan perundingan. Kita tekankan juga bahawa isu penyelesaian ini mestilah mengikut undang-undang antarabangsa termasuk UNCLOS 1982. Setakat ini kita mempunyai tuntutan-tuntutan bertindih dengan beberapa negara ASEAN termasuklah Indonesia barangkali yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, Vietnam, Brunei Darussalam dan juga Filipina. Jadi kita telah mengadakan perundingan-perundingan dengan negara-

negara tertentu dan dari segi semangat ASEAN, kita masih lagi berunding secara persahabatan dan kefahaman di antara negara-negara ASEAN dan langkah-langkah untuk pergi ke ICJ adalah langkah opsyen yang terakhir.

Setakat ini kita telah pun mengadakan perbincangan sebanyak 25 kali *technical meeting* dengan Indonesia tentang Laut Sulawesi dan mesyuarat-mesyuarat itu diadakan dalam suasana yang baik dan suasana persahabatan. Walau bagaimanapun Malaysia tidak berkompromi terhadap kedaulatan negara kita. Jadi langkah terakhir ialah untuk mengheretnya kepada ICJ tetapi proses ICJ ialah kita perlu dengan negara yang menuntut juga menandatangani satu *special agreement* di antara pihak-pihak yang hendak membawa perkara ini kepada ICJ. Ianya berdasarkan konvensyen-konvensyen antarabangsa dan juga prinsip-prinsip undang-undang atau *General Principle of International Law* dan banyak lagi aktor yang kita harus ambil kira. Jadi setakat ini kita belum ada mencapai satu persetujuan dan ianya akan terus kita usahakan secara perundingan dan *insya-Allah* pada satu ketika nanti oleh kerana hubungan yang akrab di antara negara-negara ASEAN dan juga negara China, maka kita akan dapat menyelesaikan perkara ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa ada juga usaha untuk membawa isu-isu pertindihan ini ke Mahkamah ICJ. Persoalan saya adakah pihak kerajaan sendiri, hasil daripada kekalahan kes melibatkan Pulau Batu Putih ataupun Pedra Branca, adakah satu kajian menyeluruh ataupun satu suruhanjaya ataupun apa-apa nama ditubuhkan untuk mencari satu formula atau mencari satu ketetapan. Kenapakah berlakunya kekalahan itu dan kita tidak mahu nanti jika sekiranya selepas ini katakan sama ada kita bawa kes ini ke satu kes yang melibatkan pertindihan pulau ini ke Mahkamah ICJ ataupun pihak satu lagi, kita juga mengalami kekalahan yang sama.

Jadi saya ingin bertanya adakah telah diadakan satu siasatan dibuat dan adakah pihak-pihak, saya difahamkan mendapat maklumat daripada *legal team* kita ada mengatakan sepatutnya *in the first place*, lagi dengan izin kita tidak sepatutnya bersetuju untuk bawa kes Pulau Batu Putih itu ke ICJ. Sebab kita punya kes tidak begitu kuat dan dokumen-dokumen yang sepatutnya yang kita patut ada, tidak ada, tidak dapat dikemukakan. Namun kita terus juga bawa kes ke ICJ akhirnya kita telah kehilangan sebuah pulau. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberikan penjelasan. Kalau ada, apakah tindakan telah dibuat, kalau tidak ada kenapa tidak ada siasatan di buat atas kekalahan Pulau Batu Putih?

**Dato' Sri Anifah bin Haji Aman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat ini baru sahaja menjadi Ahli Parlimen. Soal Batu Putih ini telah pun dijawab beberapa kali dengan Dewan yang mulia itu dan oleh itu saya tidak ingin menjawab sekali lagi tentang pertanyaan Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat bolehlah rujuk pada *Hansard* nanti dan akan mendapat jawapan-jawapan yang terperinci. Saya tahu orang baru.

Walau bagaimanapun, langkah yang saya katakan tadi bahawa langkah-langkah yang harus kita ambil untuk ICJ dan antara Singapura dengan Malaysia dan juga negara-negara ASEAN yang kita katakan opsyen yang terakhir. Kerajaan menerima keputusan Mahkamah ICJ itu, bukan macam pembangkang tidak menerima keputusan pilihan raya. Kita selaku negara berdaulat, kita menghormati undang-undang antarabangsa dan kita menerima keputusan yang sama-sama kita hormati.

■1130

Jadi oleh itu Yang Berhormat, daripada segi prosedur-prosedur yang tertentu hendaklah kita ikuti bahawa kalau sekiranya Malaysia hendak membawa sesuatu perkara itu ke Mahkamah ICJ kita mestilah mendapat persetujuan daripada negara yang tertentu. Kita akan menandatangani satu *special agreement* dan juga ICJ akan menentukan kalau ada kes itu boleh dipertimbangkan mengikut lunas undang-undang keputusan mahkamah yang terdahulu dan juga *Convention on the Law of the Sea*. Jadi banyak perkara yang akan diambil kira dan selepas itu barulah kita memulakan proses ICJ itu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir. Sila.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2013****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan baru tentang pentadbiran agama Islam, penubuhan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah, penubuhan dan fungsi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan perkara-perkara lain yang berhubungan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2013****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG TATACARA JENAYAH SYARIAH  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2013****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bangkitkan Peraturan Mesyuarat 41 iaitu adab Ahli-ahli Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ada Ahli-ahli di Dewan ini mereka bukan ahli yang dipilih dalam pilihan raya tetapi mereka adalah Ahli di Dewan Negara. Mungkin mereka salah masuk ke Dewan ini. Ya, mereka boleh *argue*. Mereka panggil sendiri Menteri, Timbalan Menteri, mereka boleh *argue* mereka adalah Senator yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Menteri dan Timbalan Menteri tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak *argue* pelantikan Menteri atau Timbalan Menteri adalah songsang, terbalik dan tidak mengikut peraturan. Adalah salah sebab apabila mereka...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kes sudah masuk mahkamahlah!

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** ...Apabila mereka dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mereka adalah orang awam. Mereka bukan Ahli Parlimen, mereka bukan Ahli di Dewan Negara. Mereka hanya adalah orang awam. Ini telah salah. Selepas itu baru mereka mengangkat sumpah di Dewan Negara. Jadi apa yang selalu dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu pelantikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dibuat atau diulang sekali lagi untuk menyempurnakan proses itu. Inilah *argument* saya dan saya rasa Yang Berhormat Ipoh Timur hendak mencelah. Ya, silakan. [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat!

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Mana boleh celah, tidak boleh celah!

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua ini penting. Tuan Yang di-Pertua, di bawah perlombagaan Malaysia...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini kes mahkamah. Mana boleh bincang di dalam Dewan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat!

**Seorang Ahli:** *Coffee shop.*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Mana boleh mencelah Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat!

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Ini penting sebab pelantikan jemaah Menteri di bawah Perlembagaan Malaysia tidak diikuti. *[Dewan riuh]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Mantan Yang Berhormat Ipoh Timur tidak ada ajar kah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur duduk.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, duduk Ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berjanji, nekad untuk kita ubah. Kita ubah. Ahli Yang Berhormat, sebagai respons kepada peraturan mesyuarat yang dibangkitkan itu saya cuma sengaja untuk beri Yang Berhormat laluan untuk berhujah. Akan tetapi fikir baik-baik, ini untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat yang baru.

Pertama, apabila membangkitkan peraturan mesyuarat mesti ada hubung kait dengan apa yang berlaku. Yang Berhormat bangkitkan Peraturan Mesyuarat 41 itu adalah tertib, bagi Yang Berhormat masuk, kalau Yang Berhormat bercakap tidak boleh ganggu dan sedemikiannya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Dia tidak faham!

**Tuan Yang di-Pertua:** Pelantikan berhubung dengan Senator-senator yang masuk dalam Dewan Rakyat itu adalah urusan yang berlainan. Tidak kena-mengena dengan peraturan mesyuarat. Menjadi konvensyen kita daripada mulai merdeka dan Yang Berhormat harus tahu ini sebagai Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat membangkitkan peraturan mesyuarat yang tidak kena-mengena. Bermakna boleh saya mentafsir sengaja mengganggu perjalanan mesyuarat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, saya belum habis bercakap. Ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 42 dan 43. Peraturan Mesyuarat 42 apabila Speaker bercakap tidak ada siapa yang boleh bercakap.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak faham!

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau membangkitkan peraturan mesyuarat mesti patuh kepada peraturan mesyuarat. Peraturan Mesyuarat 43, saya bertanggungjawab untuk supaya Ahli-ahli Yang Berhormat mengendahkan peraturan mesyuarat. Kalau juga ingkar saya ada kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 44 untuk menghalau keluar. Ini Yang Berhormat sengaja untuk menjemput seorang Ahli Yang Berhormat yang baru untuk mencelah. Tugas saya Yang Berhormat ambil. *[Ketawa]*

Ahli Yang Berhormat yang lain tolong. Daripada Barisan Nasional pun kalau sedang saya bercakap jangan ganggu. Jadi, bangkitkan peraturan mesyuarat secara

berhemah. Harus kita ubah, ubah. Saya serius ubah. *[Tepuk]* Itu tidak kenamengena.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** 18(1). Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengemukakan satu usul di bawah 18(1) mengenai masalah jerebu dan oleh kerana perkara ini sangat penting dan esok Menteri baru hendak pergi Indonesia, banyak lagi pendirian yang patut kita bawa. Saya mohon pertimbangan Tuan Yang di-Pertua supaya perkara ini dapat kita bahaskan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun bawa usul yang sama. Saya rasa ini bukanlah kita senantiasa ada Ahli Parlimen daripada Pakatan Rakyat dan juga Barisan Nasional, kita memfailkan satu usul dalam satu topik yang sama. Jadi, saya rasa sekarang tiada masalah untuk Pakatan Rakyat membahas usul ini. Jadi saya berharap bahawa Tuan Yang di-Pertua bolehlah mengizinkan usul ini supaya boleh dibahaskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, dengar baik-baik. Konvensyen dalam mana-mana Parlimen apabila keputusan dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua dalam soal *emergency motion* ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua tidak harus memberi penjelasan. Itu hak saya tetapi daripada Parlimen Kedua Belas ramai Ahli Yang Berhormat tidak faham dengan soal *emergency motion*. Jadi saya ulang balik.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat yang baru, maksud *emergency motion* di bawah 18(1) ialah Ahli-ahli Yang Berhormat minta kepada saya mengetepikan agenda yang telah ditetapkan dalam *order paper*. Saya harus mempertimbangkan perkara-perkara itu, bolehkah agenda yang telah kita sediakan dikesampingkan kerana membincang isu yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat. Saya telah timbang. Saya tahu usul di bawah 18(1) ada tiga perkara yang perlu dipenuhi.

#### ■1140

Pertama spesifik, betul spesifik hal jerebu. Kedua, mesti *emergency* perlu dibahas oleh Dewan, saya setuju. Kepentingan orang ramai, saya setuju. Akan tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat, pada ketika kita bersidang membahas Titah Diraja, Ahli-ahli

Yang Berhormat boleh bercakap mengenai dengan jerebu satu jam pun boleh, tidak payah saya kesampingkan agenda yang telah disediakan.

Kedua, saya harus pertimbangkan Peraturan Mesyuarat 18(1) cuma boleh dibangkitkan apabila ada hubung kait dengan sama ada kelalaian kerajaan untuk tidak bertindak. Kedua, kerajaan sengaja tidak berbuat apa-apa dan mesti tidak melanggar peraturan mesyuarat. Soal ini pertama saya timbang sudah pun kerajaan buat perkara yang perlu dibuat. Sekolah ditutup, maritim telah beri arahan kepada kapal-kapal Selat Melaka supaya tidak berbuat apa-apa, sudah menjadi media massa punya topik, menghantar Menteri untuk pergi ke sana, perkara jerebu ini telah berulang-ulang, telah *discuss* di ASEAN dan sedemikianya. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama yang membangkitkan isu ini, usul Yang Berhormat telah pun saya sampaikan kepada kementerian-kementerian berkenaan, bermakna apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu sudah mereka ketahui.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu, Peraturan Mesyuarat 42.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya berdiri dulu. Kalau mahu beri laluan, saya berucap. Saya berdiri dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk. Apabila saya timbang semua itu, dia juga melanggar peraturan mesyuarat kerana Peraturan Mesyuarat 21 mengenai dengan perkara-perkara 23 yang kita boleh bincang, *source* jerebu daripada Indonesia. Kerajaan Malaysia tidak ada kena mengena. Jadi apabila saya membenarkan usul ini, sememangnya apa nanti yang dibincangkan dalam satu jam ialah hal yang berlaku di negara jiran yang berbaik-baik dengan kita, melanggar Peraturan Mesyuarat 23(1). Maka atas sebab itu, saya tolak dalam kamar. Saya mohon maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak setuju dengan saya, tetapi itu adalah tindakan saya dan di bawah Peraturan Mesyuarat 43.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah buat keputusan.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, bukan cakap hendak ubah kah Tuan Yang di-Pertua? Kalau hendak ubah, saya rasa tidak patutlah kita selalu gunakan Peraturan Mesyuarat 43.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, sudah saya buat keputusan Ahli Yang Berhormat. Sudah.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya rasa ...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sedikit. Saya menghormati keputusan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Batu, sudah saya buat keputusan Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya menghormati kuasa Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau menghormati keputusan saya, buat usul tersendiri, bukan sekadar ingin bertengkar dengan saya Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Maksud saya, apa yang telah dihujahkan oleh Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu, tolong duduk.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, dulu kita ada bahas tentang usul, kenapa sekarang kita tidak boleh bincang satu isu yang telah mempengaruhi penduduk-penduduk?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sekarang ini sudah menentang apa yang saya telah buat keputusan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bukan, kita jelaskan perkara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu, tolong duduk.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Bukan saya tidak - bagilah kita peluang untuk jelaskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong duduk Yang Berhormat. Sila teruskan.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Peraturan mesyuarat. Ini isu lain, bukan jerebu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu. Peraturan mesyuarat. Terpaksa saya layan. Sila Yang Berhormat, tetapi pastikan peraturan mesyuarat ini ada kaitan dengan sekarang ini.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, ya ada kaitan, relevan. Peraturan Mesyuarat 93(2) dan (3), saya bacakan. Tuan Yang di-Pertua, *“Jika siapa-siapa ahli memberitahu ada orang-orang luar hadir, maka Pengurus dengan serta-merta hendaklah mengemukakan masalah “laitu orang-orang luar hendaklah...”*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, tidak perlu panjangkan, saya tahu peraturan mesyuarat. Mana orang luar yang hadir Yang Berhormat?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Orang luar Senator, ini Dewan Rakyat bukan Dewan Negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tolong Yang Berhormat jangan bangkitkan perkara yang betul-betul tidak relevan.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ini relevan, ada orang luar di Dewan Rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya minta Tuan Yang di-Pertua buat keputusan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Apa keputusan mahu buat?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Mahu halau atau tidak halau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Telah saya beri penjelasan. Kalau ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengganggu dan tidak mahu ikut bahas, saya akan rehatkan, boleh, banyak teh tarik di luar sana. Sila Yang Berhormat Lenggong. Nanti Yang Berhormat Lenggong, sebelum Yang Berhormat Lenggong berhujah, kalau boleh oleh kerana kita semua ingin berubah, janganlah ucap panjang-panjang. Kalau boleh dapat siapkan dalam pukul satu, siapkan. Selepas itu yang penyokong nanti, kalau boleh mulai 2.30 petang. Kalau saya jemput nanti Yang Berhormat Permatang Pauh, begitu juga saya mohon kalau boleh jangan panjang-panjang. *The House of Common* sewaktu bajet pun cuma 20 minit sahaja. Sila Yang Berhormat Lenggong.

**USUL**

**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**11.45 pg.**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, Ahli Parlimen bagi kawasan Lenggong memohon untuk mencadangkan Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah kerana sudi berangkat menyampaikan Titah Ucapan di Persidangan Penggal Pertama Parlimen Ketiga Belas pada hari Selasa, 25 Julai 2013. Usul saya adalah seperti berikut:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya;

“Ampun tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga Belas”.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan yang mulia. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Timbalan-timbalan Yang di-Pertua yang turut telah terpilih dalam Dewan yang mulia ini.

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempergeserikan Mesyuarat]**

Pada 5 Mei lalu, rakyat Malaysia berbilang kaum telah menggunakan hak mereka untuk memilih 222 Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Saya mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat yang terpilih dan saya harap kita dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi, jujur,

ikhlas, sentiasa menunjukkan tingkah laku yang baik seperti yang disarankan dalam Titah Ucapan Tuanku. Sudah tentu pilihan raya yang ketiga belas lalu, rakyat bukan sahaja telah memilih dan mengembalikan Kerajaan Barisan Nasional untuk memimpin Kerajaan Malaysia, pada masa yang sama mereka juga telah menterjemahkan harapan, hasrat melalui undi mereka. Isyarat daripada keputusan pilihan raya lalu, saya cukup yakin telah difahami oleh pucuk pimpinan Kerajaan Barisan Nasional.

Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat, saya harap kita juga perlu prihatin dan mengambil berat tentang pelbagai isyarat yang telah dihantar oleh rakyat kepada kita. Apa yang penting, saya berkeyakinan harapan rakyat ialah pemimpin politik dan juga penjawat awam di semua peringkat perlu mempunyai keterbukaan, keikhlasan, kecekapan, bersih, berintegriti serta sentiasa bersungguh-sungguh menjaga kepentingan semua rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum. Kita mesti bekerja keras ke arah membawa pelbagai perubahan kepada rakyat dan memberi gambaran bahawa kerajaan sentiasa mendengar rintihan, suara hati rakyat dan mampu untuk melakukan pelbagai perubahan transformasi demi masa depan negara tercinta ini secara amnya dan untuk masa depan generasi akan datang umumnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan ucapan saya, saya hendak mengalu-alukan kehadiran pemimpin-pemimpin masyarakat daripada Parlimen Kalabakan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ambil kesempatan di Dewan yang mulia ini ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana sekali lagi diberi mandat oleh majoriti rakyat untuk memimpin terus negara yang tercinta ini. *[Tepuk]* Barisan Nasional, UMNO dan parti komponen Barisan Nasional adalah parti yang banyak jasanya kepada rakyat dan negara ini. Keikhlasan Barisan Nasional berjuang sejak sekian lama, memajukan rakyat dan negara ini dalam pelbagai bidang sama ada ekonomi, pendidikan, basmi kemiskinan, membuat pelbagai perubahan dan sebagainya, saya yakin menjadi penyebab kenapa Barisan Nasional terus diberi mandat oleh rakyat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Subang bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Justeru itu, minta maaf Yang Berhormat, saya hendak terus, panjang lagi Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sikit sahaja sebab tadi sebut sokongan majoriti rakyat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Nantilah, nanti waktu Ketua Pembangkang bercakap, cakaplah sampai ke petang, malam pun tidak apa Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Lenggong tidak beri jalan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya hendak teruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Hendak beritahu, Barisan Nasional hanya dapat sokongan minoriti rakyat bukan majoriti rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Justeru itu...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tengok jiran boleh mencelah? Takutkah Yang Berhormat Lenggong?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Justeru itu, walaupun Pilihan Raya Umum Ketiga Belas mencatat sejarah paling mencabar pernah Barisan Nasional lalui tetapi sokongan rakyat tetap Barisan Nasional perolehi kerana kerajaan dan pemimpin Barisan Nasional ikhlas berjuang, kerana Kerajaan Barisan Nasional berjuang untuk rakyat, kerana kita ikhlas dan keikhlasan itulah diterjemahkan oleh rakyat...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ikhlas sampai 45% sahaja.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Batu, ikut prosedur Yang Berhormat Batu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat Batu.

#### ■1150

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya dalam Dewan yang mulia ini ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tidak berani bagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu, duduk Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan kepimpinan parti dalam kerajaan kerana...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tidak berani sebab 40% sahaja.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Melakarkan kejayaan yang cukup besar maknanya kepada kita. Yang Berhormat Batu, tunggulah Yang Berhormat Batu. Nanti waktu Yang Berhormat Permatang Pauh cakaplah sampai pagi Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Jelaslah bahawa berapa peratus yang Barisan Nasional dapat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Duduk dahulu. Justeru, dalam Dewan yang mulia ini, saya juga mewakili rakan-rakan ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada majoriti rakyat dalam negara ini kerana rakyat meletakkan sekali lagi Kerajaan Barisan Nasional...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Beri laluan. Majoriti telah sokong - majoriti.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jasa rakyat ini amat besar kepada kita.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** So, majoriti... Nak betulkan fakta sahaja.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sebagai balasannya Kerajaan Barisan Nasional akan terus memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat sebagai membala jasa yang begitu baik besarnya kepada kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Cukuplah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *Math dia tidak pass.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apa.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, tak untung 51 dengan 46.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak bagi, tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong hendak bagi jalan Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak bagi, tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak bagi Yang Berhormat, tidak bagi.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Mana satu lebih. 51 kah, 46?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jika Ahli Yang Berhormat sedang berucap tidak memberi jalan, Yang Berhormat juga di luar.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** institusi diraja merupakan tonggak negara yang perlu dihormati dan dipatuhi oleh semua rakyat negara ini tidak kira apa pandangan politik sekalipun, sama ada kaum atau agama. Institusi ini adalah lanjutan daripada sistem pemerintahan beraja yang wujud sejak di Tanah Melayu, sejak di zaman penjajah lagi. Ia merupakan warisan peradaban yang berlandaskan konsep raja berperlembagaan dengan cabang Parlimen, Eksekutif dan Kehakiman menjalankan tugas masing-masing dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong. Melalui sistem inilah, kita berjaya meletakkan negara pada tahap yang begitu baik pada hari ini.

Namun Tuan Yang di-Pertua, sistem yang berjalan baik ini diterima secara hakiki oleh generasi tahun dahulu hingga hari ini, mula dikritik oleh golongan tertentu yang kononnya atas nama demokrasi dan kebebasan bersuara. Ini amat bahaya dan ianya tidak boleh diterima sama sekali. Sebagai pemimpin rakyat di negara bertuah ini, marilah kita pelihara institusi ini kerana selama ini ia menjadi payung kepada seluruh negara, kepada rakyat yang berbilang kaum dan agama. Kita berkewajipan memperkuatkannya dan menjadikannya tiang kepada keamanan, tiang kepada keharmonian rakyat dalam negara ini dan kita serta semua tidak boleh sama sekali mengheret institusi diraja ini di dalam kancah politik dan emosi yang tidak terkawal.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, ...

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sila Yang Berhormat Kalabakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sekejap, Peraturan Mesyuarat. Baik Yang Berhormat.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Mesyuarat 36(12). Mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan menghina Majlis dan Ahli itu boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan itu... *[Dewan riuh]* Saya

hendak rujuk kepada *statement* yang dikatakan bahawa Perdana Menteri dapat sokongan majoriti rakyat. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Yang Berhormat Lenggong untuk jelaskan apa maksud sokongan majoriti rakyat itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sebentar, sebentar Yang Berhormat Kalabakan. 36(12) tidak berkaitan dan saya minta Yang Berhormat Lenggong untuk teruskan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Tadi Yang Berhormat Lenggong .

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Mengelirukan sebab tidak memberikan...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya berikan laluan kepada Yang Berhormat Kalabakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Kalabakan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tidak, kalau kita berikan fakta yang salah, ia mengelirukan Dewan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, apa peraturan ini? Saya diberi laluan bukan orang lain. Saya diberi laluan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lenggong tadi ada mengeluarkan kata-kata lemparan sahaja. Mengatakan orang menghina institusi raja. Jadi, saya minta Yang Berhormat Lenggong berterus terang kerana kita tidak mahu ada perkara-perkara dilemparkan kita tidak tahu siapa. Sama ada pembangkang atau pun Barisan Nasional. Itu satu tuduhan dan kita mahu penjelasan dari Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Memang. Malah kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Permatang Pauh dan beberapa pemimpin yang lain di bawah Pakatan Rakyat terutama sekali dalam institusi diraja termasuk menghina Titah Ucapan Tuanku yang dibaca semalam. Itu merupakan satu contoh penghinaan kepada institusi diraja. Malah, sebelum ini pun banyak lagi situasi dan peristiwa yang menunjukkan bahawa pemimpin Pakatan Rakyat memulakan untuk merosakkan Institusi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, *point of order*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebentar, *point of order*.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Justeru itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar dahulu, sebentar. Yang Berhormat Sepang *point of order*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya rasa masih lagi saya mengatakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *point of order* berapa Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** 36(12). *Point* dia ialah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Isu mana Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Isunya ialah apabila beliau mengatakan pihak pembangkang telah menolak ucapan Yang di-Pertuan Agong, sebenarnya tidak lagi pun seorang Ahli Yang Berhormat yang diberikan peluang untuk berucap dalam perbahasan ini. Di manakah beliau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Pada saya 36(12) adalah satu seksyen yang berat, yang untuk merujuk seseorang ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebab itu Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat. Jika soal ucapan Yang Berhormat sebentar tadi ini, pendapat saya, keputusan saya ianya tidak melanggar 36(12).

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya rujukkan 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rujukkan 36(6), seorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Mana satu Yang Berhormat?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tadi 36(6) tadi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Lenggong ialah Ketua Pembangkang dan Ahli-ahli Parlimen pembangkang telah mengeluarkan *statement* yang menghina dan memperlekehkan institusi diraja. Itu satu tuduhan yang sangat berat. Saya mohon supaya kenyataan itu ditarik balik. Kalau tidak...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu ucapan dia. Tunggulah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tarik ucapan ini dalam 36(6), saya tidak boleh menuduh seorang Ahli Parlimen yang lain menghina...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak sangkaan jahat. Terpulang kepada Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat rasa dia jahat, jahatlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau dia tidak jahat, bagi Lenggong dia tidak jahat!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya agak kita...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Biarlah Tuan Yang di-Pertua tentukan. Apa Yang Berhormat Kinabatangan ini tidak fahamkah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Dalam Hansard esok sama ada kenyataan itu dikeluarkan atau tidak.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa ini?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya dengar tadi Yang Berhormat Lenggong kata, Ketua Pembangkang dan juga Ahli-ahli Pembangkang telah menghina dan memperlekehkan institusi diraja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, saya minta Yang Berhormat Lenggong untuk perjelaskan perkara ini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya sebut tadi adalah memperlekehkan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mana Ketua Pembangkang sendiri mengeluarkan kenyataan media di Pejabat Pakatan Rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baiklah Yang Berhormat. Tidak apalah Yang Berhormat. Teruskanlah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Itu maksud yang sama. Saya agak itu tidak menghormati...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bukan, bukan. Itu bukan isu cukup atau tidak... *[Dewan riuh]* Saya bawa...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Cukup ini gangguan. Tuan Yang di-Pertua, ini gangguan daripada Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** 36(6) sama ada Yang Berhormat Lenggong telah melanggar peraturan ini atau tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Seorang Ahli tidak boleh sangkaan berat terhadap seorang Ahli yang lain. Tidak apalah Yang Berhormat. Saya putuskan bahawa Yang Berhormat Lenggong tidak ada sangkaan jahat dan tidak melanggar 36(6). Yang Berhormat Lenggong teruskan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** So, kalau tidak begitu bukan tuduhan terhadap...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya hendak mengalu-alukan kehadiran anak-anak kita daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Bintulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat biarkanlah Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Murid-murid serta guru-guru daripada Bintulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Teruskan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih kerana datang ke Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sebentar Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** 36(10C). Apabila dituduh tadi bahawa kononnya Ahli Parlimen pembangkang, Ketua Pembangkang menolak Titah Ucapan Diraja. Tadi, ini adalah termasuk dalam perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau permusuhan. Jadi...

**Seorang Ahli: [Ketawa]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang isu yang sama walaupun diolah daripada perspektif peraturan mesyuarat yang berbeza tetapi isu yang sama. Saya telah buat keputusan dan saya minta Yang Berhormat Lenggong untuk teruskan ucapan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Justeru itu, demi kita menjaga keharmonian dan perpaduan rakyat dalam negara ini, saya menyeru kerajaan supaya melakukan suatu usaha untuk menyekat perkara yang tidak boleh ini. Ini kerana kritikan yang bertujuan untuk menghina, merendah-rendahkan martabat Raja tidak boleh diterima sama sekali.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan Yang Berhormat?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sila Yang Berhormat Kalabakan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan. Maaf.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pertama tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua sebab dipilih semula. Yang Berhormat Lenggong, apakah Yang Berhormat Lenggong bersetuju dengan saya bahawa sudah tiba masanya mungkin Yang Berhormat Lenggong mencadangkan kepada kerajaan iaitu supaya pihak AG atau pun Peguam Negara menggubal mungkin satu undang-undang atau Akta Derhaka kepada Sultan seperti yang diamalkan di Thailand.

Mana-mana orang ramai sama ada rakyat dia sendiri atau orang luar yang ada unsur-unsur penghinaan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan derhaka dan hukumannya penjara. Apakah Yang Berhormat Lenggong bersetuju?

#### ■1200

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Minta buat penjelasan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Beruas bangun, ya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Yang Berhormat Kinabatangan. Perkara itu saya akan sebut sebentar nanti. Akan tetapi memang benar.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh saya buat penjelasan?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kalau kita lihat di beberapa negara lain misalnya undang-undang di bawah Artikel 112 Thailand yang melibatkan undang-undang yang dinamakan *lese majeste*...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Lenggong, boleh saya dapat penjelasan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sebentar, Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Di bawah Undang-undang *lese majeste*, mana-mana individu yang membuat kenyataan atau komen berbaur fitnah atau penghinaan ke atas institusi monarki Thailand termasuk Rajanya, Permaisurinya atau mana-mana kerabat dirajanya boleh dikenakan hukuman minimum Yang Berhormat Kinabatangan selama tiga tahun hingga 15 tahun.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, mahu bagi jalan, Yang Berhormat?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Majoriti rakyat Thailand..., Tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta penjelasan, sahaja.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Penjelasan. Penjelasan sahaja.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak boleh. Saya hendak habiskan *part* ini. Saya hendak habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan, Yang Berhormat Lenggong?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak bagi. Tidak bagi. Saya hendak habiskan ini dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangun saya minta duduk, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak tanya pasal Thailand ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan, tidak bolehlah minta-minta lagi.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Beruas. Beruas, boleh?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Majoriti rakyat Thailand, Tuan Yang di-Pertua, menyanjung...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Beruas, duduk, Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tidak bagi?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Menyanjung konstitusi monarkinya serta menerima undang-undang *lese majeste* ini walaupun

Kesatuan Eropah, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melihat ini sebagai satu bentuk penindasan kepada demokrasi. Pihak-pihak beranalogi barat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Point of order, point of order.*

**Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya hendak minta penjelasan kepada Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Melibatkan undang-undang, membuatkan ini sebagai penghalang demokrasi di Thailand dan di negara-negara sekitar Asia.

**Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ada *point of order* lagi, Yang Berhormat. Sebentar ya. Ya, sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kenyataan menggunakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Buntar duduk, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Contoh Thailand tidak betul. Ia mengelirukan. Peraturan Mesyuarat 36(12). Ini kerana...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Dengar dulu!

**Seorang Ahli:** Mana ada!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Thailand ini melibatkan *absolute monarchy*. Ini bukan *constitutional monarchy*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak perlu penjelasan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kena tahu. Kena belajar dahululah Perlembagaan Thailand! Baru faham.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Kita tidak perlu penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Biar Tuan Yang di-Pertua yang tentukan. Yang Berhormat tidak ada hak untuk bahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, sebentar, Yang Berhormat. Yang Berhormat Kinabatangan! Yang Berhormat Sepang, saya tahu Yang Berhormat Sepang...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia seolah-olah mewakili Kerajaan Thailand.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan duduk dulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Menggunakan contoh yang mengelirukan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia ejen Thailand sinikah?

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini orang-orang Arab kata '*qhiyas ma'a al-fariq*'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Berbanding tidak betul.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mungkin Yang Berhormat ini ejen daripada Thailand. Sebab dia mewakili kerja...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu kita – Thailand melibatkan *absolute monarchy*. Malaysia *constitutional monarchy*. Jangan ambil contoh yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Pun tidak fahamkah?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Seolah-olah dia berjuang bagi pihak Kerajaan Thailand pula.

**Beberapa Ahli:** Apalah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk, Yang Berhormat!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mengelirukan! Peraturan Mesyuarat 36(12).

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak faham! Ini bukan Parlimen Thailand!

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** .... kalau Titah Baginda itu tidak boleh dibahas atau dipersoalkan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar, sebentar. Duduk dulu, Yang Berhormat .

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini bukan *absolute monarchy*.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lenggong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, duduk, Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Sepang untuk tidak menggunakan peraturan mesyuarat untuk mencelah. Saya minta bantuan Yang Berhormat. Tidak payahlah. Biarkan saja...

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hormati. Saya hormati itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dalam Parlimen ini, biarkan dia teruskan dengan ucapan, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, jangan buat kenyataan yang mengelirukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya sudah buat keputusan berkali-kali.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya? Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya hendak minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan berkenaan *point of order*.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Minta dengan Yang Berhormat Lenggong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Kalau Yang Berhormat Lenggong boleh bagi saya laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong, ramai yang bangun, Yang Berhormat Lenggong. Hendak bagi jalan?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya habiskan. *[Ketawa]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Bagi laluan sikit, Yang Berhormat Lenggong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduklah, Yang Berhormat. Yang lain itu duduklah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya ingat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong tidak bagi jalan, duduklah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Lenggong bagi jalan sahaja.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Beruas boleh bercakap waktu Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bukan, saya hendak minta penjelasan. Ucapan mengelirukan.

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Lenggong tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kita sistem demokrasi bukan *constitutional monarchy*.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya bagi laluan dahulu kepada sahabat saya daripada Pengerang.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Pandangan dia tadi, Yang Berhormat Lenggong tidak boleh debat titah Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudahlah. Tidak ada isu, Yang Berhormat. Tidak ada isu. Ya, silakan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Lenggong, kalau hendak bercakap pasal Raja, Raja tetap Raja. Betul atau tidak? Sama ada *absolute monarchy*, *democratic monarchy*, apa monarki pun, Raja tetap Raja dan kita perlu dan wajib hormat kepada Raja. Betul? Jadi kalau tidak hormat, kita pancung sahaja semua yang tidak hormat kepada Raja. Betul tidak Yang Berhormat Lenggong?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini ucapan yang betul-betul. Memancung ini, bersangka jahat ini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Lenggong habiskan.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya sambung balik.

Sebenarnya, biarpun negara-negara Barat menyifatkan *lese majeste* amalan Thailand satu bentuk undang-undang tidak relevan, hakikatnya terdapat empat buah negara Eropah yang masih menguatkuaskan undang-undang seperti Denmark, Belanda, Norway dan Sepanyol. Hak kebebasan bersuara yang diperuntukkan mereka juga sebenarnya masih berpandukan kepada keterbatasan terhadap sesuatu perkara terutama hal-hal yang melibatkan institusi ini. Belanda misalnya. Dia pernah menahan seorang wartawan dan jurugambar pada tahun 2007 atas kesalahan menghina institusi mereka hanya kerana memakai baju T yang tertulis perkataan tidak sopan kepada institusi dirajanya. Begitu juga di Sepanyol, Yang Berhormat Parit Buntar. Saya hendak cerita ini. Juga pernah mendenda dua orang kartunis...

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Panggil nama saya, saya minta penjelasan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ucapan lengkap nanti waktu Yang Berhormat Permatang Pauh. Dengar saja.

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Panggil nama ingat mahu suruh bercakap.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya cuma hendak suruh dengar sahaja.

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Okey.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sepanyol. Sepanyol juga pernah mendenda dua orang kartunis pada tahun 2007 juga dengan jumlah denda 3,000 Euro, Yang Berhormat Kalabakan. Banyak itu. Setiap seorang. Dua individu didenda di bawah undang-undang *lese majeste* selepas menyiarkan karikatur putera Raja bersama isterinya dalam keadaan tidak sopan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan, Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Nanti. Saya bagi Yang Berhormat Kalabakan dahulu. Abang saya. Sila.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Ini dalam internet. Dalam internet, mereka mengatakan bahawa ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong itu pro BN. Jadi ini satu tohmahan yang tidak baik, bukan? Ini kita mahu mungkin siapa yang mengeluarkan kenyataan, minta maaf kepada Dewan. Kalau tidak kita usul untuk ambil tindakan. Kita tidak mahu...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Siapa yang buat kenyataan tersebut?

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]:** Saya tidak tahu. Dalam internet tidak ada.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau tidak tahu jangan tuduh.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]:** Siapa yang makan lada, dia merasa pedasnya. Jangan tanya saya. Jadi saya cadangkan siapa sahaja yang menghina Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong kerana kita sebagai rakyat dalam negara ini mesti menghormati Raja kita. Yang tidak hormat, mungkin boleh keluar dari negara kita.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Kalabakan tuduh Tun Mahathirkah?

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Kuala Nerus minta laluan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Rasa saya kita perlu serius melihat bagaimana rakyat biasa sudah tidak menghormati institusi Raja kita. Contohnya apabila Yang di-Pertuan Agong membuat ucapan, dalam *Facebook* dan *unlucky* pula, saya bukan rasis. Yang membuat tidak tentu ini, orang-orang Cina, remaja Cina. Kita ada empat orang hampir didakwa di mahkamah dan ini mungkin disebabkan kelonggaran undang-undang kita tidak ada, sedangkan Raja-Raja lain dunia dihormati, disembah oleh rakyatnya. Kalau Raja Thailand, Perdana Menteri dia pun hendak menyembah, cium kaki. Akan tetapi

kita di sini terlalu bebas konon. Ini kerana kita perlu ada kebebasan bersuara. Kebebasan bersuara macam mana?

Yang Berhormat Lenggong, rasa saya sudah tiba masanya Yang Berhormat Lenggong, sesuailah untuk mengesyorkan kepada kerajaan supaya mempertimbangkan, supaya satu akta digubal dalam persidangan ini juga iaitu menuntut supaya kerajaan memastikan Raja-Raja kita dipelihara, tidak boleh disentuh dengan apa cara sekalipun. Lebih-lebih lagi oleh orang-orang ramai yang tidak tentu apa pasal menggunakan media sosial seperti *Twitter*, *Facebook* dan macam-macam. Baru-baru ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini beri ceramah ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Pemimpin kita, wakil rakyat kita mengatakan bahawa ucapan Yang di-Pertuan Agong ialah ucapan Barisan Nasional.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sedangkan dalam perlombagaan, Tuan Yang di-Pertua boleh menolak ucapan itu sekiranya dia tidak bersetuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ringkaskan Yang Berhormat ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Kinabatangan, yang hapuskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang tidak boleh mencelah. Tidak ada orang yang boleh mencelah, Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *You shut up!*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang hapuskan kekebalan Raja siapa?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *You shut up! Listen! Sit down! This is my floor.*

**Seorang Ahli:** Hey, binatang!

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *You binatang! [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *You anjingkah?*

**Seorang Ahli:** Tengoklah sejarah. Tengok sejarah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *This is my floor. Sit down!*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ringkaskan Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini *floor* saya. You tidak ada hak. Diam dan duduk! Tidak tahu, diam dan duduk! *[Dewan riuh]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar, Yang Berhormat. Sebentar, sebentar, Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, UMNO yang hapuskan kekebalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, sebentar, Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat tidak ada hak untuk mencelah ketika – kepada orang yang sedang mencelah. Dia tidak boleh, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Bandar Kuching tidak ajar dia! Apabila tidak ajar dia, dia tidak faham apa-apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apalah. *Two wrong* tidak boleh *make one right...*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ....Di jalan raya.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Kinabatangan sudah kurang siuman. Minta dia tarik balik perkataan yang kurang *unparliamentary* seperti anjing.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, peraturan mesyuarat, Yang Berhormat Batu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya inilah orang-orang seperti yang menghina Agong. Inilah dia perlu dihukum.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]:** Peraturan mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ini tidak betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Peraturan Mesyuarat 36(6)...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Peraturan Mesyuarat 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terhadap siapa, Yang Berhormat? Terhadap siapa?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ini siapa yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Itu adalah bukan cara *Parliamentarian*.

#### ■1210

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Perkataan yang mana? 'shut up'? Perkataan 'shut up' itukah Yang Berhormat? Perkataan mana?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** 'Anjing'. Dia kata binatang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Siapa sebut saya binatang di sana? Saya binatang, kamu anjinglah! Apa masalah?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Please ask him to withdraw.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Withdraw your part first! Siapa sebut binatang, withdraw first!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya dengar. Yang Berhormat Kinabatangan, saya mendengar ada suara di sini mengatakan 'binatang' kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Saya mendengar Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau dia withdraw, saya will withdraw. Kalau tidak, dia binatang 100 kali lebih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat duduklah.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kalabakan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Peraturan Mesyuarat 36(4), 'Tidak ada seorang Ahli boleh mengeluarkan perkataan-perkataan yang kesat'. Tuan Yang di-Pertua, daripada sana ada cakap 'binatang'. Daripada sini ada cakap 'anjing'. Dua-dua ini mesti tarik balik. Kalau pun dia Barisan Nasional atau pembangkang, maka kita mahu dia tarik balik, kalau tidak kita ambil tindakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak mengapa Yang Berhormat. Kedua-dua itu adalah perkataan yang tidak boleh digunakan di dalam Dewan. Akan tetapi masalahnya di sebelah sini tidak menggunakan *mic* apabila menggunakan perkataan ‘binatang’ kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Jadi, kita jangan ulang lagi penggunaan perkataan-perkataan begini apatah lagi merujuk kepada seorang Ahli yang lain. Saya minta kedua-dua pihak hormat.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, sama ada pakai *mic* atau tidak, mereka mesti akur sebab apa suara dengar dalam Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tiada siapa hendak mengaku Yang Berhormat. Cukuplah ya. Tidak mengapalah.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Jadi, kalau begitu kalau sekiranya di sana tidak mengakui, jadi apa macam kita ambil tindakan terhadap kedua-duanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya katakan bahawa kedua-dua perkataan itu tidak boleh digunakan dalam Dewan. Itu kenyataan saya dan saya minta ianya tidak disebut lagi. Apatah lagi untuk merujuk kepada mana-mana Ahli yang lain. Cukuplah setakat itu Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya sambung. Yang Berhormat Lenggong belum habis?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya jawab.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya minta Yang Berhormat Lenggong mengesyorkan kepada kerajaan supaya mana-mana individu dalam negara ini yang bertindak menghina Raja perlu diambil tindakan segera dan dihukum penjara seperti di negara-negara lain.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Oleh sebab itu kita sebut tadi bahawa perlunya ada undang-undang. Ini kerana kalau kita rujuk di Asia Barat, Kuwait dan Jordan merupakan dua negara yang masih memiliki undang-undang berkaitan dengan Institusi Raja-raja. China, Jepun, United Kingdom juga pernah menggunakan sistem *lese majeste*. Manakala Jepun, United Kingdom, sistem beraja menggunakan...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** China mana ada lagi sistem raja? [*Ketawa*] Itu parti Komunis bukan?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Menyampuk]**

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Parti Barisan Nasional juga mencerminkan parti berkecuali *Parliamentary* Barisan Nasional.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Malaysia tidak terkecuali.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Buat *homework* sikitlah, buat *homework*.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya sebut 'dulu'. 'Dulu, dulu'.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Berapa tahun dulu?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dengar betul-betul saya sebut. 'Dulu'.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Lenggong tidak ada fakta jangan sebut.

**Seorang Ahli:** Ayoyo!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Minta senyap Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Malaysia tidak terkecuali. Memang betul sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Tidak terkecuali dihambat isu berkaitan penghinaan ke atas sistem Raja. Memang betul apabila lahirnya pemimpin dan pengikut yang berfikiran liberal yang melampau. Oleh sebab itu kita dikejutkan baru-baru ini apabila dua orang individu daripada kaum Cina yang mengeluarkan kenyataan berbaur sindiran terhadap ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu hari keputeraan Baginda. Ekoran kenyataan itu mereka ditahan, dibuat siasatan dan akhirnya dibebaskan setelah memberi beberapa kenyataan. Ini satu daripada contoh daripada banyak contoh penghinaan yang dibuat oleh pelbagai rakyat di dalam negara kita termasuk rakan-rakan di sebelah sana.

Oleh sebab itu di Dewan yang mulia ini saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kinabatangan dan tentu rakan-rakan lain bersetuju. Maka, sudah sampai dan ketikanya kerajaan secara serius mengkaji undang-undang yang sedia ada, mesti diperkuuhkan atau mewujudkan satu undang-undang sama ada undang-undang derhaka atau apa-apa jua undang-undang bagi menghalang perkara ini kerana

ia benar-benar boleh meruntuhkan institusi [*Tepuk*] yang cukup tinggi nilainya dalam negara kita.

Saya hendak beralih ke tajuk lain.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Bangun]*

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Hendak *backdated* atau tidak law itu? Masukkan 70an, 60an sekali?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya hendak masuk tajuk lain. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ruang, ruang. Bagi ruang sekali. Celah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya ada dua puluh tujuh muka surat ini. Tujuh? Ada lagi dua puluh.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Boleh? Sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Lenggong tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat duduk dulu.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Lenggong, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Orang Perak. Sekali Yang Berhormat Lenggong. Sekejap. Adik-beradik.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini bukan kira adik-beradik. Sat lagi rasuah. Tidak boleh, tidak boleh.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Sedikit sahaja Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kita kena bersyukur Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** 1965...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Malaysia ini adalah negara yang mengamalkan kebebasan bersuara.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Setuju dengan saya kalau isu ini ditarik balik dan meletakkan tahap yang sepatutnya raja-raja itu...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita kena bersyukur kerana Malaysia adalah negara yang mengamalkan kebebasan bersuara. Secara peribadi, saya menyokong langkah kerajaan yang tidak mencontohi Singapura dalam mengawal kebebasan media sosial dalam negara ini. Bagaimana pun jika sesuatu tidak dilakukan, ia mampu mengundang sesuatu yang buruk kepada negara. Ini kerana didapati pelbagai maklumat berbentuk fitnah, adu domba, menghina dan sebagainya dilakukan oleh pengamal media ini. Justeru, walaupun kerajaan tidak mencadangkan untuk melesenkan sebarang portal berita internet, kerajaan mesti melakukan sesuatu bagi membendung mereka yang menyalahgunakan kebebasan bersuara dan demokrasi yang ada.

Kebebasan bersuara bukan bermakna kita boleh menyalahi apa juga undang-undang yang ada. Bukan bermakna kita boleh bercakap, kita boleh berdemonstrasi melanggar undang-undang yang ada. Itu bukan kebebasan! Apatah lagi kita sebenarnya terikat dengan Akta Komunikasi dan Multimedia serta Rang Undang-undang MSC Malaysia yang menegaskan tiada tapisan internet tetapi fikirlah. Saya minta kerajaan fikir. Walaupun kita memberi kebebasan bersuara, fikirlah harga keamanan, mahal! Harga perpaduan rakyat, mahal! Keluhuran Perlembagaan tinggi nilainya dan kita tidak boleh korbankan semua ini.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Oleh sebab itu saya bertepatan dengan saranan Yang di-Pertuan Agong di dalam titah Baginda yang menyeru supaya kita semua menumpahkan taat setia kepada raja. Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh dapatkan penjelasan?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tumpahkan taat setia kepada raja, tidak berbelah bahagi kerana...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Lenggong sudah tahu *Penal Code* sudah ada banyak peruntukan undang-undang berkenaan dengan mereka yang melakukan kesalahan terhadap Yang di-Pertuan Agong dan sultan-sultan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak bagi. Saya tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Biarkan Yang Berhormat Lenggong berucap Yang Berhormat. Biarkan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, semua ini bertepatan dengan saranan yang Yang di-Pertuan Agong dalam titah Baginda yang menyeru supaya kita semua menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...serta sentiasa memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan jangan melakukan sesuatu yang memusnahkan negara ini.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat hendak bagi jalan pada Yang Berhormat Beruas?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Beruas, waktu yang Permatang Pauh bercakap nanti Yang Berhormat cakaplah puas-puas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong tidak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, ini undang-undang. Jadi undang-undang sudah banyak berkenaan dengan menghina Yang di-Pertuan Agong dan sultan-sultan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, Menteri Komunikasi dan Multimedia dilaporkan berkata, kerajaan akan melihat...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kanun Keseksaan. Dapat penjelasan kerana ucapan ini mengelirukan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...peraturan internet di tiga buah negara iaitu Amerika Syarikat, Britain dan Australia. Dalam usaha membendung penyalahgunaan media sosial ini. Di Amerika Syarikat misalnya, walaupun diberi kebebasan bersuara baik di alam maya atau pun di realitinya, namun masih terikat dengan pelbagai akta di negara berkenaan. Oleh sebab itu kebebasan

bersuara mesti disertai dengan tanggungjawab termasuk bersedia untuk dihadapkan ke muka pengadilan.

Internet di Amerika Syarikat dikawal selia oleh satu set undang-undang di sebalik mengamalkan kebebasan bersuara terhadap persekutuan negeri. Pihak berkuasa di Amerika Syarikat boleh merampas *domain profile* pengguna komputer tanpa notis dan mampu menyebabkan laman web tidak boleh meneruskan operasi. Itu di Amerika Syarikat! Di Australia, kandungan internet dikawal selia oleh Australian Communication and Media Authority (ACMA) yang mempunyai kuasa untuk menguatkuaskan sekatan pada kandungan internet dalam negara. Pihak berkuasa negara itu juga boleh menyerahitamkan laman web luar negara selain menapis perisiannya. Tumpuannya kepada isu-isu berkaitan pornografi kanak-kanak, keganasan seksual, aktiviti haram yang hasilnya melalui aduan pengguna.

Di Britain pula, penapisan internet termasuklah menyekat akses pada laman web, menguatkuaskan undang-undang jenayah penerbitan atau pemilikan bahan tertentu. Termasuk fitnah, hak cipta, hasutan keganasan, pornografi kanak-kanak. Diwujudkan satu badan yang bernama IWF yang ditubuhkan untuk menyusun dan mengekalkan satu senarai hitam. Yakni kalau kita lihat di Britain, 98% daripada pelanggan internet komersial negara itu ditapis oleh kerajaan.

## ■1220

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Lenggong boleh celah?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong ]:** Sebab itu – Gerik, jiran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Gerik, sila Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Apa pandangan Lenggong tentang tentera *red bean* ini yang menyebabkan benda tidak betul jadi betul, benda tidak betul jadi tidak betul?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong ]:** Kacang merah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ais kacang mana?  
[Ketawa]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong ]:** Saya pun hairan Tuan Yang di-Pertua, bila sebut mengenai kacang merah ada yang bangun. Macam terlibat saja, macam terasa saja.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya pun hendak tahu ini, saya pun hendak tahu tentang tentera ais kacang.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini mengambil pandangan daripada Gerik, siasat sedalam-dalamnya, bongkar siapa terlibat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Mana datangnya tentera ais kacang?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini gesaan daripada Barisan Nasional.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya pun hendak tahu dari mana datangnya tentera ais kacang ini? Dari UMNO?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak apa, tidak apa. Nanti bercakap waktu Permatang Pauh. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua diharap kerajaan memberikan perhatian mengenai isu ini.

Kebebasan memang perlu kita berikan kepada rakyat tetapi apa maknanya kebebasan jika ianya merosakkan. Apa maknanya kebebasan kalau ia menghancurkan negara. Maka di dalam Dewan yang mulia ini saya mohon agar kerajaan merangka undang-undang penyalahgunaan media sosial. Ia perlu bagi memberi kebebasan dan mewujudkan kebertanggungjawaban terhadap pengguna.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh Yang Berhormat?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang pasti Kerajaan mesti mencari jalan penyelesaian kepada penyalahgunaan media sosial ini dan internet melalui undang-undang baru ataupun mengemaskinikan undang-undang sedia ada. Jangan panjang Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat panjang masa. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jangan panjang sangat Yang Berhormat. Yang Berhormat Lenggong akan berhenti sebelum jam satu nanti.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat, apabila kita hendak mengesyorkan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Banyak Yang Berhormat?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat boleh duduk.

*[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Apabila kita mengesyorkan di negara ini supaya kerajaan memantau media

sosial kita, ramai rakyat kita seolah-olah menyatakan bahawa kita mengongkong ataupun kita hidup dalam apa ini dunia gua batu. Akan tetapi kita lihat bagaimana Singapura, negara-negara maju seperti tadi, Britain, Eropah, Amerika, mereka juga ada kekangan dalam media sosial. Jadi apakah Yang Berhormat berpendirian bahawa kerajaan tidak perlu tunduk dengan tuntutan sebegini sebab saya percaya negara kita ini perlu ada harga yang mahal untuk dibayar sekiranya kita tewas dalam usaha-usaha yang baik sebegini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Setuju Tuan Yang di-Pertua. Masukkan ucapan Yang Berhormat Kinabatangan dalam teks ucapan saya.

Saya hendak beralih kepada lain. Pilihan Raya Umum Ketiga Belas telah membuktikan sekali lagi kita mengamalkan sistem demokrasi yang baik sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang. Kekalnya Selangor, Pulau Pinang dan Kelantan serta kemenangan 89 kerusi Parlimen oleh PAS, oleh PKR dan DAP adalah bukti amalan demokrasi begitu subur dalam negara ini. Ini bukti bahawa tidak ada campur tangan daripada kerajaan yang memerintah. Oleh sebab itu...

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Lenggong, laluan sekali.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Walaupun sebelum ini kita dengar bagaikan ribut besar mahu melanda negara, bagi garuda mahu melanggar negara. Tiba-tiba 24 Jun 2013, Permatang Pauh datang ke depan ini bersama-sama dengan rakan-rakan lain mengangkat sumpah. Itu bukti bahawa saudara sebenarnya menghormati institusi ini dan hormati dan mengiktiraf Pilihan Raya Umum Ketiga Belas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus bangun Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Maka dengan ini Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua Datuk Ronald Kiandee:** Tidak bagi, duduklah Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Bagilah laluan sekali.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Oleh sebab itu semua peristiwa yang berlaku 24 Jun 2013 yang lalu, adalah dengan sendirinya buktikan

bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia dan proses pilihan raya diiktiraf secara berjalan dengan betul.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua Datuk Ronald Kiandee:** Yang Berhormat Shah Alam bangun Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah[Lenggong]:** Justeru itu saya ingin menyebut termasuklah kepada Shah Alam jangan kita *double standard*. Jangan *double standard* Shah Alam. Saya sebut ini bukan saya hendak bagi laluan, hendak sebut kepada Shah Alam jangan *double standard*, dengan izin. Apabila kemenangan berpihak kepada kita, oh! Adil. Apabila kita kalah, tidak adil. Itu tidak betul.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: [Bangun]**

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Menang tidak adil. Sepatutnya menang lagi besar.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Mohon laluan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bagilah laluan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Apabila rakan-rakan kita datang ke Dewan ini untuk mengangkat sumpah...

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Lenggong mohon laluan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kasihan anak-anak muda yang berhimpun di Padang Merbok. Kasihan sungguh Kinabatangan. Kasihan.

**Tuan Nasrudin bin Hassan[Temerloh]:** Beri laluan. Bagilah sekali laluan Lenggong

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dari jauh mereka datang, dari Temerloh pun ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Lenggong tidak bagi jalan. Yang Berhormat sila duduk. Yang tidak berucap sila duduk.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Minta laluan. Kalau kasihan bagilah laluan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya waktu saya keluar daripada Dewan ini, keluar ke bandar, saya bertanya kepada anak muda yang berjalan. Bawa beg, jauh mereka datang.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Beri laluan, beri laluan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya tanya menggunakan bahasa orang muda: "*Bro dari mana bro?*" Dia kata, "*Dari Temerloh*". Ada orang Temerloh.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Beri laluan. Lenggong bagilah sekali, Lenggong.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Kalau kasihan, tidak payah tangkaplah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya tanya: "Bro dari mana bro?", "Pokok Sena" - Oh! Pokok Sena. Pokok Sena pun ada. Saya ingat kasihan mereka.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Akan tetapi dalam kelompok yang ramai saya tanya lagi Tuan Yang di-Pertua, "Bro dari mana bro?", "Saya Surabaya pak".

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Berapa kena tangkap?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Oh! Ada orang Indonesia. Ada orang Indonesia rupanya.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Lenggong laluan sekali.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya ingat semua orang Indonesia Tuan Yang di-Pertua, saya berjalan lagi. Saya pergi ke depan. Saya tengok dalam kumpulan yang lebih ramai. Saya tanya, "Bro dari mana bro, dari mana? Baling kah?" Dia kata apa: "Tara bang, saya bangla juga".

[Ketawa]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dari Bangla, sebab itu Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Lenggong ada buktikah Lenggong? Ada buktikah? Bagi bukti.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab kepada kehairanan Perdana Menteri..

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Lenggong yang kena tangkap 33 orang semuanya rakyat Malaysia.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya hendak beritahu kepada Perdana Menteri yang 40,000 orang itu sebenarnya memang ada saya rasa. Itu pun dibawa oleh Pakatan Rakyat. Agaknya tuan-tuan.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Berilah laluan.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Tidak bagi laluan macam mana. Bercakap seorang sajalah.

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Lenggong tidak bagi langsung laluan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sebab apa, kita lihat dan kita semak daripada petisyen pilihan raya, yang dikemukakan oleh Pakatan Rakyat, tidak ada isu Bangla ini. Tidak ada isu ini. Ini isu yang hanya dimainkan kerana mereka tidak puas hati.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat sebentar Yang Berhormat. Hendak minta jalan, bangun Yang Berhormat. Tidak payah bercakap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bagi saya. Sikit saja, sikit saja.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kerana itu, dalam keadaan apa sekalipun semua pihak, semua pihak mesti menjunjung dan menghormati keluhuran perlembagaan kita. Jika kita belakangkan undang-undang, pasti kita menjuruskan negara ini ke arah kemasuhanan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** UMNO pun bayar petisyen.

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Lenggong bagilah sekali Kuala Nerus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong tidak bagi kebenaran, duduklah Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Semua pihak boleh membantah. Semua pihak boleh tidak menghormati keputusan pilihan raya. Memang itulah undang-undang, Yang Berhormat Ampang.

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Satu soalan saja Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Gunalah saluran yang sah dari segi undang-undang. Tunggulah...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Lenggong satu soalan untuk Kuala Nerus.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sebab itu Tuan Yang di-Pertua ini sebenarnya pilihan raya sudah berlalu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Kuala Nerus duduklah Yang Berhormat, duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** BN pun ada petisyen. Salahkan SPR.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini masa untuk kita bekerja. Marilah kita mencapaikan apa yang dihasratkan oleh kerajaan. Saya ingin ambil apa disebut oleh Tuanku Yang di-Pertuan Agong dalam titah ucapannya, saya petik:

*"9. Kedudukan daya saing Malaysia di peringkat global juga telah meningkat lebih baik seperti yang dilaporkan oleh Laporan Kajian Bank Dunia Bagi Kemudahan Menjalankan Perniagaan tahun 2013 di mana Malaysia disenaraikan negara ke-12 paling mesra perniagaan di dunia dan menduduki tangga ke-10 sebagai destinasi pilihan pelaburan langsung asing dalam Indeks Keyakinan Pelaburan Asing tahun 2012. Laporan Tahunan Bagi Daya Saing Dunia oleh IMD bagi tahun 2013 telah mengiktiraf Malaysia sebagai negara yang paling berdaya saing di kalangan 30 negara dengan keluaran dalam negara kasar per kapita kurang daripada USD 20,000. Malaysia di kalangan negara-negara ASEAN berada dalam di kedudukan kedua terbaik".*

Ini merupakan pencapaian-pencapaian yang amat membanggakan yang sebenarnya telah dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Oleh sebab itu kalau kita rujuk lagi kepada prestasi FBM KLCI mencatat prestasi tertinggi iaitu 1788.4 mata pada 14 Mei 2013. Ini dilengkapkan lagi apabila kerajaan berjaya menarik pelaburan diluluskan sebanyak RM49.3 bilion dalam tempoh tiga bulan pertama 2013. Ini amat membanggakan.

Justeru itu, sepatutnya ini masa untuk kita bekerja dan balas budi rakyat. Pilihan raya telah berlalu. Kalau kita bercakap politik matang, biarlah kita matang betul-betul. Inilah masanya. Ubahlah saudara. Ini masa untuk kita bekerja bagi membala budi rakyat.

## ■1230

Saya percaya Akujanji Barisan Nasional akan dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Berasaskan *track record*, berdasarkan kepada sejarah-sejarah lalu tapi saya yakin berdasarkan kepada apa yang dijanjikan pada tahun 2008 tak mampu dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Saya bimbang rakyat sekali lagi teraniaya kerana tidaknya dijalankan oleh Pakatan Rakyat. Sebab itu lihatlah sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil alih negara ini pada tahun 2009,

kita lihat pelbagai perubahan dan transformasi telah dilakukan. Program transformasi kerajaan, ekonomi, selanjutnya program transformasi politik, program transformasi sosial yang semua ini membentuk Dasar Transformasi Nasional telah dilakukan.

Ini bagi memacu Malaysia ke arah mencapai wawasan kebangsaan menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Kalau kita lihat walaupun berlaku ketidaktentuan persekitaran global termasuk krisis hutang di Eropah secara tidak langsung memberi kesan kepada ekonomi negara kita, namun berkat kerjasama semua pihak yang sebahagian besarnya matlamat yang dirancang telah berjaya dicapai.

Kesannya kita lihat taraf dan kualiti hidup rakyat semakin baik, ekonomi negara semakin makmur, keadaan kewangan kerajaan terus subur. Malaysia berada di landasan yang betul untuk menuju negara maju. Pencapaian bukan hanya membuktikan iltizam terhadap konsep dan falsafah PEMANDU “1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” tapi ia merupakan eksperimen paling berani yang pernah dilakukan oleh mana-mana kerajaan di dunia ini yang mengamalkan prinsip ketulusan dan kebertanggungjawaban.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Mersing bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sila, Yang Berhormat Mersing.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Alah, kawan-kawan sahaja dia bagi, jangan lah *double standard*.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Senyaplah Yang Berhormat Shah Alam, tak bagi itu. Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong cakap tadi dan sebenarnya Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Agong kata kita sepuluh terbaik mudah niaga. No.9, no.8, 7, 6, 5, 4, 3, 2, 1 ini ada tak *ranking* dia itu negara Islam atau negara majoriti Islam yang demokratik? Boleh tak Yang Berhormat Lenggong bersetuju dengan saya bahawa kalau tidak ada, bermakna kita adalah sebuah negara Islam paling mudah niaga, paling moden di mana di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Pekan, kita tak pernah uar-uarkan kita Islam tetapi kita sebenarnya menjalankan aktiviti-aktiviti ke arah itu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya bersetuju apa disebut oleh Yang Berhormat Mersing. Kalau pun ada tapi kita antara negara terbaik. Saya percaya dan saya berharap Yang Berhormat Menteri menjawab dan saya yakin kita adalah antara negara yang terbaik di kalangan negara yang terbaik dalam soal ini.

Sebab itu kita diberi pengiktirafan dan pengiktirafan ini perlu kitakekalkan. Cara mengekalkannya ialah kita memerlukan kerjasama rakyat dan semua pihak supaya apa yang kita impikan untuk dicapai pada tahun 2020 benar-benar berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu kalau kita bandingkan banyak negara yang seusia dengan kita, ianya membuktikan bahawa Malaysia hari ini ialah manifestasi sebuah negara yang berjaya. Semuanya saya sebut tadi hasil daripada perancangan teliti dan rapi melalui pelaksanaan dasar-dasar pembangunan berkesan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Semua dasar dan nikmat pembangunan ini bukan hanya dinikmati oleh rakyat yang menyokong Barisan Nasional sahaja, ia juga dinikmati oleh semua rakyat. Kalau terima BR1M, yang tidak menyokong Barisan Nasional pun awal berbaris di hadapan. Kerajaan Negeri Selangor juga mendapat nikmat. Maknanya, apa yang dilakukan oleh kerajaan hari ini ialah memberi nikmat kepada semua rakyat tanpa mengira latar belakang politik teknologi masing-masing.

Malaysia hari ini kita lihat telah berubah daripada status sebuah negara pertanian kepada sebuah negara perindustrian moden berpendapatan sederhana tinggi. Ternyata kita ialah bukti dan contoh sebuah negara yang amat progresif kerana semenjak kemerdekaan, agenda membasi kemiskinan, reformasi tanah, keadilan sosial, meningkatkan akses kepada tahap pendidikan, perkhidmatan kesihatan untuk semua, penjanaankekayaan nasional menjadi agenda utama kerajaan. Kerana itu saya suka memetik titah Paduka Seri Yang di-Pertuan Agong, saya petik "*Bahawa Tuanku berasa sukacita kerana semasa pemerintahan Tuanku yang terdahulu dan kali kedua ini, Tuanku dapat menyaksikan kemajuan negara yang bergerak secara progresif*".

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ucapan Tuanku cukup ikhlas sekali. Baginda dapat melihat dua generasi memerintah negara ini. Sewaktu kali pertama Tuanku memerintah, beliau dapat melihat bagaimana ayahanda Perdana Menteri kita memimpin negara ini. Ketika itu kita lihat hutan ditebang, tanah hutan diteroka untuk membawa masuk peneroka menjadi peneroka. Hari ini, ketika kali kedua Tuanku memerintah, Baginda dapat melihat bagaimana anaknya memerintah negara. Bukan lagi meneroka hutan untuk membawa masuk peneroka tetapi melancarkan pembinaan bangunan FELDA pencakar langit. Baginda dapat lihat bagaimana syarikat FELDA Global Venture Berhad hari ini diapungkan di Bursa Saham dan bersaing di peringkat antarabangsa. Ini perubahan. Ini perubahan yang dilakukan oleh siapa? Ini dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Sebab itu bersyukurlah Yang Berhormat sekalian.

Kerana ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat nikmat di bawah GTP...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, nak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sekejap lagi ya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Masa dah nak habis dah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Macam nak bercakap waktu saya, tak berani minta daripada Yang Berhormat Permatang Pauh nanti. Ada masalah kah?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya nak minta laluan daripada Yang Berhormat Lenggong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, nak bagi jalan tak Yang Berhormat?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dia tak berani nak jawab.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Gombak, saya nak habis ini. Baru separuh, Yang Berhormat Gombak. Ada lagi berapa minit lagi, saya nak habiskan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau boleh, berilah laluan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Waktu Yang Berhormat Permatang Pauh nanti boleh mintalah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya nak minta penjelasan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tak bagi jalanlah itu, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tak berani. Patut tak dapat jadi Menteri.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sebagai rumusan kepada usaha kerajaan ini, kalau kita lihat melalui program transformasi ekonomi misalnya, saya mengambil contoh tak perlu saya ambil yang lain kerana banyak kalau saya nak sebut satu persatu. Pelbagai kejayaan dicipta oleh kerajaan hari ini tapi kalau kita lihat daripada segi prestasi Program Transformasi Ekonomi terutama kerjasama yang dibuat oleh kerajaan dan sektor swasta, kejayaan dilihat melalui pelaburan. Misalnya pelancongan, pembangunan Greater Kuala Lumpur, projek MY Rapid Transit, minyak, gas, Projek Rapid di Pengerang dan sebagainya. Kejayaan ini

sebenarnya telah membentuk dan mencipta peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat dalam negara ini dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan sampingan. Disebabkan itu saya yakin sasaran kerajaan untuk mencapai 3.3 juta peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini berasaskan kepada prestasi ini dan akan datang, saya yakin memang mampu dilakukan oleh kerajaan.

Sebagai rumusan kepada usaha ini, renunglah. Tidak banyak kerajaan yang berani untuk meletakkan sasaran yang boleh diukur oleh rakyat. Berapa kilometer jalan nak dibuat, berapa biji rumah yang hendak dibina. Ini semua boleh diukur dan dilihat oleh rakyat. Tidak ada kerajaan yang berani selain daripada Kerajaan Barisan Nasional. Tidak ada kerajaan yang berani untuk menggubal undang-undang ISA, Akta Kediaman Terhad, Akta Polis, Akta Penerbitan dan Cetak yang mana sebelum ini merupakan kuasa besar kepada kerajaan, akhirnya kuasa ini diberikan kepada rakyat. Ini menunjukkan bahawa keterbukaan dan keberanian Kerajaan Barisan Nasional. Tidak banyak, ada di negara ini dari dunia. *[Tepuk]*

Namun demikian, sebahagian generasi muda dan rakyat terpengaruh dengan putar belit daripada Yang Berhormat Gombak dan yang lain-lain dan pihak tertentu memesongkan fakta dan hakikat yang sebenar hingga sanggup membuang masa dalam pelbagai perhimpunan yang tidak berfaedah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Lenggong. Kalau berani, beri laluan kepada saya untuk jawab. Jangan buat tuduhan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasihlah Yang Berhormat Tuaran, terima kasihlah Yang Berhormat Pasir Mas yang tak bersetuju dengan perhimpunan haram ini.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Berani atau tidak beri laluan?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Menteri yang jawab, Menterilah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak, tidak. Berani atau tidak saya nak minta laluan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya nak teruskan, tak cukup masa. Sat lagi kita sembang.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Berani atau tidak?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya berani tapi tak cukup masa.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ada lagi beberapa minit.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya memang berani tapi tak cukup masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat nak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Berani tuduh, berani buat fitnah, jalan tidak berani hendak bagi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia hanya berani menuduh, hanya berani menuduh. Bila pihak kami nak mempertahankan kenyataan, *double standard*. Bagi orang BN dia berani, bagi kita dia tak berani, *double standard*.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Membuang masa dalam perhimpunan yang tidak berfaedah. Sebagai pemimpin, sepatutnya kita mengajak rakyat untuk melakukan kebaikan. Betul tak Yang Berhormat Pasir Mas? Betul ya? Ha, senyum. Dia percaya untuk mengajak kepada kebaikan.

#### ■1240

Akan tetapi yang membimbangkan kita apabila pemimpin yang ajak melakukan suatu yang tidak baik apatah lagi memusnahkan apa kebaikan yang telah kita bina pada hari ini. Oleh sebab itu saya berharap rakyat berfikir untuk tidak lagi tertipu dan terpesong dengan fitnah dan perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun kejayaan yang telah dicapai oleh kerajaan, kerajaan mesti terus melipat gandakan usaha tidak henti-henti. Kejayaan yang ada perlu ditingkatkan lagi kerana kita mesti mengurangkan bebanan rakyat. Antaranya ialah perkara-perkara kalau ada berkaitan dengan kenaikan harga-harga barang harian. Kini terdapat keperluan barang-barang harian dinaikkan oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab, bukan kerajaan. Oleh sebab itu perkara ini mesti ditangani, justeru itu saya minta Yang Berhormat Menteri baru kita untuk menguatkuasakan undang-undang...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Minta penjelasan, minta penjelasan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Mesti mengambil maklum...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Serta mengambil langkah-langkah proaktif termasuk menguatkuasakan undang-undang yang tegas, mengenakan denda kepada peniaga termasuk menarik dan membatalkan lesen peniaga selain menguatkuasakan dan memantau perkara-perkara ini. Semua pihak

termasuk persatuan peniaga hendaklah sama-sama dalam isu ini kerana jika tidak ditangani dengan baik ia akan mewujudkan suasana dan kesempatan diambil oleh pihak-pihak yang berkepentingan untuk menjayakan agenda politik mereka. Dalam Dewan yang mulia ini saya ingin minta kepada kerajaan untuk memperbanyakkan lagi program yang baik kepada rakyat, perbanyakkan lagi Kedai Rakyat 1Malaysia. Yang Berhormat Limbang pun hendak satu, Yang Berhormat Gerik pun hendak, apatah lagi Yang Berhormat Lenggong pun hendak. Saya percaya Yang Berhormat Beluran pun tentu mahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Confirm!**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya dengar kerajaan akan memperuntukkan wang yang banyak untuk hendak serahkan projek-projek kecil. Maka saya minta kerajaan untuk mewujudkan pula Kedai *Hardware* 1Malaysia, buat Kedai *Hardware* 1Malaysia. Biar peniaga, usahawan kecil, kontraktor Kelas F benar-benar dapat untung.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Lenggong minta laluan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak dimanipulasi oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Minta laluan, perkongsian bersama. Minta laluan perkongsian bersama. Tidakkan itu pun tidak boleh bagi, tidak berani hendak bagi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Walaupun kita berkawan tetapi banyak lagi yang saya hendak selesaikan.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Masalah itu masalah kedua, masalah pertama hendak penjelasan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada tajuk lain Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Perkongsian bersama Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini berkaitan dengan generasi muda.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Pasir, pasir pula, Yang Berhormat Parit Sulong tolong, tolong kejutkan dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Saya petik, saya petik saya minta dengan penuh berhemat dan hormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi jalan.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dia tidak bagi kerana dia takut hendak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan tidak boleh cakap.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong! ...Kata-kata mu, Yang Berhormat Lenggong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sumbangan setiap lapisan masyarakat termasuk golongan muda yang mewakili 46% penduduk dalam negara ini dan menyedari potensi, inspirasi, peran pentingnya golongan ini dalam negara, transformasi pembangunan belia akan terus dilaksanakan. Justeru itu, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana memberikan perhatian yang cukup baik kepada generasi muda. Malah kerajaan mesti terus melipat gandakan usaha dan membuat pelbagai lagi perubahan dalam membentuk pendekatan khusus untuk menambah baik mekanisme yang ada bagi memberi ruang kepada golongan muda untuk bersama-sama dalam membawakan negara. Ini kerana kehendak, tuntutan, keperluan orang muda sentiasa berubah, sentiasa bertambah dan berbeza setiap ketika.

Oleh sebab itu kita perlu punyai kepakaran membaca kehendak golongan ini sebelum kita membuat suatu keputusan. Ini kerana setengah generasi muda walaupun pelbagai perubahan dibuat oleh kerajaan, mereka masih lagi mengatakan bahawa tidak ada apa-apa kerajaan lakukan. Mengapakah ini berlaku? Ia berlaku sebagaimanya kerana pendekatan kita menyampaikan maklumat masih lagi tidak berubah dan masih lagi menggunakan pendekatan konservatif. Oleh sebab itu saya percaya sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pendekatan baru akan dilakukan dan saya harap ia dilakukan bersungguh-sungguh untuk menggunakan pelbagai pendekatan termasuklah media-media sosial ini. Bagi memastikan semua agenda kerajaan, apa kebaikan yang dilakukan kerajaan diketahui, diikuti oleh segenap lapisan masyarakat terutama sekali generasi muda dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Program IM4U cukup cantik, memang baik. Kebaikan dan kecantikan program ini mesti diperluaskan ke kawasan-kawasan luar bandar. Begitu juga pewujudan Program Parlimen Belia. Memang bagus! Saya bekas pemimpin belia memang menyokong program ini. Walau bagaimanapun pelaksanaannya Yang Berhormat Menteri, mesti ditambah baik. Ia perlu ditambah baik kerana kadang-kadang ada orang muda yang tidak tahu pun kewujudan Parlimen Belia ini. Kalau boleh tengok kembali Majlis Perundingan Belia yang ini juga praktikal untuk diteruskan kerana mekanismenya ada di peringkat negeri hingga ke peringkat daerah. Penglibatannya lebih menyeluruh dan lebih tersusun. Ini juga mesti diperkasakan di samping kita terus menambah nilai pencapaian Parlimen Belia.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Lenggong minta laluan. Sama-sama Yang Berhormat Lenggong, Bukit Katil. Sedikit sahaja, hendak sokong, sokong ini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sebab itu...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya ada sepuluh minit lagi. Saya hendak habiskan sepuluh muka surat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kira sejarah, sejarah pembahas daripada Barisan Nasional yang sudah berdiri lama.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sebab itu saya hendak ambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Rembau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak payahlah Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Di atas pelantikan beliau sebagai Menteri dan saya percaya mampu untuk...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Tidak gunalah pilih wakil Barisan Nasional...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak berani, patut bagi Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Ketereh orang yang berani. Ini apalah? *[Dewan riuh]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya ambil kesempatan untuk meminta yang muda remaja ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan, tidak bagi jalanan Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Untuk memberi nafas baru serta menambah nilai kepada program-program belia.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terutama program-program akar umbi, berikan nafas baru kepada program...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dengan yang baru pun dia tidak berani apatah lagi dengan yang lama. Tidak payahlah. *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dengan yang baru pun dia tidak berani.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bagi laluan Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Ketereh orang berani.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Barisan Nasional tidak berani.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Supaya lahir belia yang berinovasi, yang kreatif, supaya lahir belia-belia yang baik, tidak seperti mana Yang Berhormat Pokok Sena. Saya yakin Kerajaan Barisan Nasional mampu untuk lalukannya, apatah lagi kita ada pendekatan Strategi Laut Biru Kebangsaan. Saya percaya ini amat sesuai dilaksanakan dan kita ada Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia. Inilah jawapan kepada semua persoalan ini. Tuan Yang di-Pertua, kita lihat berlaku ada seolah-olah ada kelesuan di kalangan generasi belia ini. Ia mesti diberikan perhatian, laksanakan apa yang telah dirangka dalam Akta Pembangunan Belia dan Pertubuhan Belia yang diluluskan di Dewan yang mulia ini pada tahun 2006. Di Dewan yang mulia ini...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya harap...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, belia lesu itu peninggalan Yang Berhormat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terus diperkasakan, anak muda di kampung...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pengerusi MBM pun lesu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Peninggalan dia, itu yang lesu itu. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena, duduk Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Program-program yang dibuat di dalam kampung, di desa, di estet, di taman perumahan buat, di Pokok Sena pun buat. Buat program untuk orang muda. Apa yang penting Yang Berhormat Menteri, saya minta program mengantarabangsakan belia ini mesti dilakukan. Program Belia di peringkat ASEAN, di peringkat antarabangsa mesti dibuat kerana ini sejak dahulu Malaysia memang ‘pegagah’ dalam perkara ini. Suatu perkara yang penting saya harap dalam usaha kita membanyakkan program dan aktiviti, kita mesti melahirkan anak Malaysia yang berfikiran rasional. Kita mesti melahirkan anak Malaysia yang patriotik, kenal dan faham sejarah negara. Membuat keputusan berasaskan fakta dan tidak membuta tuli dan mudah terpengaruh. Oleh sebab itu perkara ini mesti ditekankan dalam setiap program dan pendekatan baru oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu program...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak bangun lagi Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Program selain daripada Program Pembangunan Belia, sudah tentu kementerian ini tidak boleh lari...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Daripada tanggungjawab besar iaitu membangunkan sukan negara. Tidak boleh lari tanggungjawab pembangunan sukan negara...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini saya cadangkan Yang Berhormat Arau kena teliti semula siapa wakil Barisan Nasional sebab ini bukan perbahasan ini ceramah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Dan sudah pasti rakyat ingin...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini sesi perbahasan, patutnya ada ruang untuk kita tanya.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Lenggong minta laluan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sudah tentu tanggungjawab Yang Berhormat Rembau...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tanggungjawab Yang Berhormat Arau supaya menegur wakil Barisan Nasional memberi ruang untuk berbahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payahlah Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kita lahirkan lebih ramai...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini ujian pertama Yang Berhormat, selaku Menteri yang menjaga Parlimen.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Saya setuju Yang Berhormat, Kuala Langat setuju 100% tanpa bantahan. *[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1250

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat duduk.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Langsung tidak ada ruang.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak faham maksud bahas.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bagi ruang untuk bahas.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bagilah ruang sedikit, bagilah satu ruang pun cukuplah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya boleh bagi ruang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat, hendak bagi laluan atau tidak beri?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya boleh bagi laluan dengan syarat sambungkan kalau....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak mahu macam itu Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Syarat.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak ada.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kalau tidak saya tidak bagi laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak ada, tidak bagi. Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, selain itu sudah tentu kementerian ini tidak boleh lari dari tanggungjawab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Sebentar. Yang Berhormat Lenggong, sebentar Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru masuk Dewan, pencelahan ini harus dibaca melalui Peraturan Mesyuarat 37(1)(b). Maknanya jika Yang Berhormat Lenggong yang sedang berucap itu tidak bagi laluan, tidak payahlah. Minta tolong, tidak payahlah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bangun]*

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, minta laluan kerana minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payahlah.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ini Dewan Rakyat, ini bukan anak murid. Ini kita berbahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong tidak salah pun. Yang Berhormat Lenggong tidak salah pun tidak bagi jalan, 37(1)(b) jelas dalam peraturan mesyuarat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Memang tidak salah. Tidak salah Tuan Yang di-Pertua tetapi...

*[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Memang tidak salah tetapi kurang bermaruahlah. Kurang bermaruah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya sila Yang Berhormat Lenggong.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Bukan macam pondan dan bapuk, tidak memberikan ruang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita minta Barisan Nasional cari wakil lainlah yang berani sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak mengapa Yang Berhormat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang berani berfakta bukan auta, huh dahsyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Lenggong, kalau macam ini Yang Berhormat Lenggong, belia lesu lagilah. *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak apa, nanti Yang Berhormat berucap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Masa 9 minit Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** 9 minit?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti rakyat inginkan pencapaian cemerlang dalam bidang sukan dalam negara ini. Sudah tentu tanggungjawab Yang Berhormat Menteri besar kerana apa? Ini kerana rakyat mahukan kita lahirkan lebih ramai Datuk Nicol David. Rakyat mahu kita lahirkan lebih ramai Datuk Lee Chong Wei. Rakyat mahu kita kembalikan kegemilangan kita dalam sukan sepak takraw. Tentunya rakyat mahu pasukan bola sepak kita boleh berada dalam pertandingan Piala Dunia.

Oleh sebab itu, semua ini perlu dilakukan dan saya percaya termasuklah tanggungjawab besar kementerian untuk mengembalikan sukan badminton. Saya harap semua pertubuhan-pertubuhan sukan dalam negara ini, FAMkah, BAMkah

kurangkan politiking. Tumpu kepada usaha untuk menaikkan martabat sukan dalam negara ini.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Lenggong, ada berani tegur FAM? Ada beranikah? *[Ketawa]* Tidak bagi pencelahan, terpaksa masuk. Ada berani tegur FAM?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, sektor pelancongan. Saya ingin beralih ke sektor pelancongan. Saya percaya ia akan menjadi peneraju utama dalam ekonomi negara kita kerana sektor ini mampu menjana pulangan tinggi dan kalau kita lihat ia menyediakan pendapatan dan peluang pekerjaan kepada rakyat dalam negara ini.

Kalau kita lihat Malaysia hari ini mencapai kedudukan yang kukuh dalam panca global dan merupakan negara ke-9 paling banyak dikunjungi di dunia dan memperoleh pendapatan RM1 bilion, penerimaan dari pelawat asing setiap minggu RM1 bilion.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Wow, dahsyat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bukan sedikit malah disebut dalam Titah Ucapan Tuanku, Malaysia diiktiraf sebagai destinasi keempat membeli-belah terbaik di dunia. Laporan daripada kajian CNN Travel Tours 2012, Program Inap Desa diiktiraf oleh Pertubuhan Pelancong Sedunia. Ini pengiktirafan besar kerajaan yang kerajaan peroleh.

Oleh sebab itu, antara kejayaan yang mampu dicipta ini kalau kita lihat ialah untuk mencapai sasaran 2020:36:168 iaitu pada tahun 2020 nanti kita menerima kehadiran 36 juta kehadiran pelancong dengan penerimaan pendapatan RM168 bilion. Berasaskan kedudukan semasa, saya yakin apa yang dihasratkan oleh kerajaan ini akan tercapai.

Oleh sebab itu Yang Berhormat Gombak, kita minta kerajaan supaya memperbanyakkan produk-produk pelancongan termasuklah...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak bangun Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Termasuklah membantu membangunkan produk-produk pelancongan dan jangan lupa Tuan Yang di-Pertua, kawasan saya juga...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan edarkan ucapan dia lebih baiklah. Kalau tidak boleh bahas, lebih baik ambil

teks fotostat, kita edarkan. Jadi boleh kita teliti. Ini perbahasan Yang Berhormat Menteri, setuju? Yang Berhormat Menteri setuju, Yang Berhormat Lenggong duduk.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua untuk membangunkan Lenggong sebagai tapak warisan dunia yang diiktiraf oleh UNESCO. Saya harap kerajaan pun mengambil berat tentang tapak warisan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia hendak habis Yang Berhormat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Lenggong, untuk pembangunan sukan Yang Berhormat Lenggong sebelum habis.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Lenggong pembangunan sukan. Yang Berhormat Arau, benarkan Yang Berhormat Arau, celahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh macam itu.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tidak bagi, ini hendak bantu Yang Berhormat Arau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan menggabungkan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi amat tepat pada masanya yang sudah pasti mengalami perkembangan pesat dan mencabar.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tahap kesukanan negara. Apa ini Yang Berhormat Lenggong?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya minta Yang Berhormat Arau agar beri panduan kepada Ahli Parlimen...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Lenggong, lima minit lagi Yang Berhormat Lenggong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Lenggong sudah hendak berhenti.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Apatah lagi Tuan Yang di-Pertua, abad ke-21 ini saya pasti mengalami perkembangan yang cukup mencabar dalam bidang ekonomi, politik dan sosial. Ia akan berlaku di seluruh dunia dan perubahan ini berkait rapat dengan sistem pendidikan dan perkembangan maklumat. Maka bidang pendidikan kita sangat penting...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua bertanggungjawab untuk beri panduan kepada Ahli-ahli Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah beritahu, 37(1)(b).

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** 37?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** 37(1)(b). Dia tidak bagi tidak boleh.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Mengapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi, tidak bolehlah, duduklah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Akan tetapi pada masa Tuan Yang di-Pertua cakap, wakil rakyat kena duduk, Ahli Parlimen. Peraturan mesyuarat pada masa Tuan Yang di-Pertua cakap, Yang Berhormat duduk.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Mesti berupaya untuk melahirkan pelajar yang kreatif, yang mampu menyelesaikan masalah dan mampu berfikir secara kreatif. Tuan Yang di-Pertua, saya ada lima minit lagi?

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Kalau tidak bagi, biarkan. Tidak mengapalah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lima minit saja.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Lima minit lagi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lima minit mahu habis.

*[Beberapa ahli berdiri]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya hendak tanya lagi Yang Berhormat, hendak bagi jalan tidak dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bangun ini?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lima minit mahu habis.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Yang Berhormat duduklah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak mahu dengar pun diam sudah cukup atau pun keluar sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, memang betul pun Yang Berhormat. Jika dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat jangan cakap.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, tentang tadi...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Satu sahaja. Tadi disebut bahawa disebut rakyat Selangor juga menikmati...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Maka...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Nanti, ini soalan tambahan. Ini pencelahan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Mana ada soalan tambahan, ini peraturan mana Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua sudah bagi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Soalan tambahan pukul 10 Yang Berhormat Gombak.

*[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya tanya tadi disebut...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tiada soalan tambahan, penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Penjelasan. Rakyat Selangor disebut menikmati juga kemudahan-kemudahan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat. Cuma saya minta penjelasan...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung. Maka bidang pendidikan ketika ini sangat penting Tuan Yang di-Pertua dan mesti berupaya untuk melahirkan pelajar yang kreatif, yang mampu untuk menyelesaikan masalah dan boleh berfikir secara kreatif. Justeru bidang pendidikan tidak hanya memberikan pengetahuan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Akan tetapi Yang Berhormat Lenggong tidak beri laluan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Bahawa rakyat Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor menyumbang 25% kepada KDNK.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Maka Kerajaan Pusat juga bertanggungjawab untuk menyumbang kembali kepada rakyat Selangor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah, duduklah Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Akan tetapi mesti melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan, mempunyai pelbagai kemahiran dan mampu untuk menghadapi cabaran di abad ini dan akan datang. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, pendidikan perlu...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Akan tetapi sekarang ini Kerajaan Pusat tidak memberikan pulangan yang setimpal dengan apa yang telah disumbangkan oleh rakyat dan Kerajaan Negeri Selangor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh cakap Yang Berhormat, duduklah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jadi tidak adil untuk Yang Berhormat Lenggong menyinggung bahawa rakyat Selangor juga mendapat...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini peraturan mana Tuan Yang di-Pertua, ini peraturan mana ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak, duduk Yang Berhormat. Duduklah Yang Berhormat Gombak. Ya, / sudah minta ...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya ingat Tuan Yang di-Pertua teringin sangat hendak jadi Menteri Besar, inilah fasalnya. Teringin sangat hendak jadi Menteri Besar pasal itu jadi macam ini. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat. Tidak bagi jalan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini *floor* saya Yang Berhormat Gombak. Duduk Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Shah Alam saya tidak bagi laluan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kena tarik balik kenyataan itu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya hendak sambung sedikit.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kenyataan itu kena tarik balik.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Ya, kena tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak ada niat jahat pun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Oleh itu, pendidikan hari ini mesti bersifat holistik yang sentiasa segar tetapi berubah mengikut keperluan masa sekarang. Saya yakin semua ini terangkum dalam pembangunan pendidikan 2013 hingga 2023 yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan pada hari ini.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tidak ada kena-mengena.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** 36(6). Tuan Yang di-Pertua, 36(6)...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya sudah pertimbangkan itu Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu satu kenyataan sangka jahat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak adalah Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu kenyataan sangka jahat. Saya minta Yang Berhormat Lenggong tarik balik kenyataan terhadap Yang Berhormat Gombak yang menuduh beliau teringin sangat menjadi Menteri Besar. Itu kenyataan sangka jahat dan fitnah. Saya minta Yang Berhormat Lenggong tarik balik.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya doakan Yang Berhormat Gombak supaya menjadi Menteri Besar akan datang kalau tidak hari ini. Bukan saya tuduh. Saya doakan Yang Berhormat Gombak supaya kalau tidak jadi hari ini, dia bersabar, akan datang...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bukanlah Yang Berhormat Lenggong. Kalau hendak doa, buatlah cara baik. Itu bukan doa, itu menyindir.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Doa kena baca *Bismillaahir Rahmaniir Rahiim, alhamdulillahir rabbil'alamin*, barulah doa. Ini bukan doa.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Hakikatnya zaman telah berubah dan kini kita di zaman yang memerlukan kerajaan membuat persediaan untuk menghadapi cabaran yang semakin mencabar ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dia tidak kisah orang tidak dengar dia. Laju saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, zaman berubah...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Oleh sebab itu saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran yang saya nampak melakukan usaha bersungguh-sungguh untuk mengangkat kedudukan pendidikan dalam negara ini ke peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya, saya ingin memetik sedikit Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong sewaktu merasmikan persidangan ini sebagai penutup perbahasan saya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Hai, jawablah. Tadi janji hendak beri ruang. Tadi dia janji hendak bagi satu peluang Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Selepas ini Yang Berhormat Tanjong Piai...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya, daripada siapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Piai.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Bila?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** 2.30 petang.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** 2.30? Siapa Yang Berhormat Tanjong Piai? Dia penyokong?

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Yang Berhormat Gombak, kamu pula siapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Sini, sini.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Masa sudah Yang Berhormat. Yang Berhormat Gombak, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Mencelah]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Diam Yang Berhormat, yang lain saya minta diam Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya petik kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, berkhidmatlah kepada rakyat dengan penuh dedikasi, berintegriti dan sentiasa menunjukkan akhlak terpuji demi agama, maruah diri dan institusi Parlimen yang mulia ini dan negara yang tercinta. Sematkanlah - saya baca sedikit ucapan Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Baginda pada 25 hari bulan lalu.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya sambung sematkanlah dalam sanubari bahawa kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat ke Dewan yang mulia ini adalah satu tanggungjawab bagi menunaikan janji-janji kepada rakyat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, sudah pukul 1. Sudah berhenti. Buang masa sahaja.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Semua Ahli Yang Berhormat hendaklah bersama-sama memikul amanah rakyat yang inginkan

kestabilan dan kemakmuran negara berkekalan. Kesejahteraan rakyat terus meningkat serta perpaduan masyarakat pelbagai kaum dan agama kian utuh.

**Beberapa Ahli:** Duduk, duduk.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Oleh itu marilah kita secara bersama berpolitik secara matang...

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Apa masalahnya ini Yang Berhormat?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dan berpegang kepada Titah Yang di-Pertuan Agong supaya - demi kesejahteraan kita semua.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sudah, sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dengan lafaz kata suci *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*, saya mohon mencadangkan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Tuanku Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said) mempergerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin bin Mohamed Said]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Salam sejahtera. Dijemput penyokong bagi usul Titah Ucapan tadi Yang Berhormat Datuk Wee Jeck Seng daripada Tanjong Piai.

## 2.33 ptg.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya turut mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' kerana telah dipilih sebagai Timbalan Speaker Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Parlimen Lenggong. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi junjungan kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas titah ucapan Baginda yang mengandungi aspirasi seluruh rakyat Malaysia terhadap kerajaan yang melangkaui semua bidang.

Bagi memenuhi keperluan rakyat jelata, Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong agar semua pihak menghormati dan menjunjung undang-undang yang sedia ada atau *The Rule of Law* adalah tepat pada masanya. Proses untuk membina negara dan berkhidmat untuk rakyat tidak dapat diteruskan apabila ada pihak membelakangkan proses yang telah termaktub dalam undang-undang dan mempengaruhi orang lain untuk mencabar undang-undang secara tidak sah. Keprihatinan Baginda dalam aspek ini haruslah diambil berat oleh sekalian rakyat secara amnya dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian secara khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, bila semua pihak menghormati keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 yang lalu barulah negara kita dapat memacu ke hadapan bagi mencapai agenda perpaduan nasional dan kemajuan untuk mencapai status negara maju serasi dengan Wawasan 2020. Menghormati keputusan pilihan raya yang lalu bukan sahaja dari segi menerima parti yang dipilih oleh rakyat dapat membentuk kerajaan, menghormati keputusan pilihan raya juga bererti berhenti daripada mengadakan demonstrasi atau perhimpunan haram yang dapat meninggalkan kesan negatif terhadap kestabilan negara.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Minta jalan. Boleh?

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Nanti. Saya habiskan nanti.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Batu Gajah minta jalan.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Menghormati keputusan pilihan raya juga tidak bererti menuding jari kepada mana-mana pihak atau menyalahkan mana-mana pihak di atas pemilihan rakyat. Kita tidak perlu bersikap emosi atau menghukum dalam menghadapi kekalahan di dalam pilihan raya kerana emosi dan sikap menghukum orang lain boleh menyemarakkan perasaan marah atau benci sesuatu pihak terhadap pihak yang lain.

Justeru itu semua pihak haruslah menerima kekalahan dalam proses pilihan raya dengan berhemah. Tidak perlulah memakai pakaian hitam seolah-olah berkabung padahal telah pun menerajui tiga kerajaan negeri. Terimalah keputusan

rakyat sebagai pilihan muktamad. Tidak patut ada demonstrasi atau *double standard* dalam hal ini.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Hendak bagi laluan tidak?

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat tadi berkata rakyat terpaksa terima keputusan pilihan raya tetapi kalau keputusan itu adalah telus, tidak salah. Bagaimana kalau banyak berlaku penyelewengan dan rakyat tidak puas hati? Sebagai contoh dengan apa yang berlaku dalam isu dakwat kekal yang tidak kekal? Apa penjelasan Yang Berhormat berkaitan dengan isu dakwat kekal yang tidak kekal itu, terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: [Bangun]** Yang Berhormat Tanjong Piai mohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Tahniah Timbalan Speaker. Yang Berhormat Tanjong Piai saya hendak tanya, bukankah kalau ikut prosedur undang-undang dalam Malaysia kalau ada apa-apa isu berkenaan dengan pilihan raya perlu dibuatnya petisyen ke mahkamah sepatutnya dan kedua kalau sudah angkat sumpah, sepatutnya boleh kita lihat sebagai pengakuan kepada keputusan pilihan raya tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Piai.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu Gajah perlu ingat bahawa pilihan raya sudah berlalu. Kalau tidak, pembangkang pun dalam tiga kerajaan sudah diterajui dan kalau dibentuk kerajaan, kalau katakan ini dalam satu pilihan raya yang sama. Jadi mengapa boleh terima? Itu saya katakan *double standard*. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pengerang...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Mungkin kalau telus lagi banyak kerajaan negeri yang tumbang dan mungkin Parlimen Yang Berhormat pun tumbang.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Itu pandangan Yang Berhormat sahaja.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Tanjong Piai jangan bagi dia peluang.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** *[Bangun]* Yang Berhormat Tanjong Piai, Yang Berhormat Tanjong Piai.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Cukup. Saya setuju dengan Yang Berhormat dari Pengerang. Jadi Tuan Yang di-Pertua, Parlimen yang mulia ini dibangunkan atas dasar sistem *Westminster*.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Yang Berhormat Tanjong Piai, Yang Berhormat Tenom bangun.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Jadi kerusi Parlimen, nanti. Kerusi Parlimen yang dimenangi yang ditentukan kerajaan dan bukan undian popular. Ini adalah perkara asas atau fundamental? Saya pasti semua Ahli Yang Berhormat faham dengan peraturan sistem *Westminster* yang amat mudah dan jelas. Akan tetapi, ada pihak yang terus mengelirukan rakyat dengan mengatakan mereka memenangi pilihan raya dengan undian popular dan sistem yang sekian lama mereka serta ini sejak pilihan raya yang pertama adalah tidak adil.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Okey, Yang Berhormat Tanjong Piai.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Yang peliknya, nanti. Yang peliknya organisasi seperti Majlis Peguam tidak mengeluarkan apa-apa kenyataan kepada orang awam untuk membetulkan keadaan ini. NGO Bersih pun senyap-sepi. Mereka tahu sistem yang dipakai oleh negara kita tetapi hanya mahu mendiamkan diri daripada membetulkan keadaan dan membiarkan sahaja pihak lain memberikan persepsi dan maklumat yang salah kepada rakyat. Mereka ini beragenda sendiri. Syukur, bukan semua rakyat terpedaya dengan muslihat dan persepsi salah ini. Yang Berhormat Tenom.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Saya undur sedikit Yang Berhormat Tanjong Piai, terima kasih. Terima kasih kepada Timbalan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** *Handsome* hari ini nampak. Yang Berhormat Tanjong Piai kita lihat tadi ini dikatakan oleh Yang Berhormat Batu Gajah tadi, kita telah melalui proses pilihan raya dan kalau rasanya mereka tidak menerima keputusan rakyat selama ini, kenapa mereka angkat sumpah? Kenapa mereka hadir? Bila mereka hadir di sini berpura-pura pula. Sedangkan seperti mana tadi Yang Berhormat Mersing pagi tadi, seronok pula. Di luar mereka mengajar kepada rakyat dengan perkara-perkara yang teruk yang seolah-olah negara kita ini tidak aman.

■1440

Proses demokrasi yang dilaksanakan oleh kerajaan kita, negara kita tidak adil. Penggunaan dakwat itu, cakap tidak kekal. Itu pun telah dibincang dalam suruhanjaya yang lepas, mengatakan kita perlu guna dakwat kekal. Apa tidak kekal? Kekal. Saya kena, tiga hari baru hilang.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Betulkah itu?

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Betul.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Seluruh rakyat Malaysia tahu tidak kekal.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Saya, saya..

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** *[Bangun]*

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Ini seorang. Mungkin seorang sahaja...

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Saya minta laluan.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Saya punya.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Mungkin itu seorang sahaja yang cakap.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Minta laluan.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Jangan tipu. Jangan fitnah sama saya. Jangan bohong.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Jangan bohong!

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Jangan bohonglah.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Minta laluan.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Jangan bohong dalam Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Gajah.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Jangan bohong. Ini fitnah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Gajah.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Cukup, cukup.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Seluruh rakyat Malaysia tahu tidak kekal. Jangan tipu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Tidak boleh macam ini Yang Berhormat.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Tanjong Piai.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Batu Gajah mana hendak dengar ini. Dia berus dengan berus tembaga.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Satu-satu. Saya tidak ada masa banyak sangat juga. Ada diberi masa. Ya lah itu Yang Berhormat Tenom, saya setuju. Kadang kala beginilah. Itulah sebab Tuan Yang di-Pertua hari itu kata ubah. Ini kalilah. Akan tetapi Yang Berhormat tahu rakyat di luar dia kata, tidak mahulah, tidak payahlah. Itu dah terbukti kita Barisan Nasional jadi kerajaan, bentuk kerajaan.

Jadi saya rasa inilah sahaja *chance you* ada. Dah ada tidak dapat, tidak dapatlah. Kena akuilah. Kalau kata tidak setuju dengan apa yang proses pilihan raya ini, hari ini kita melihat mereka...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Kota Bharu bangun...

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Hari ini kita melihat..

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Sikit sahaja.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** ...Nanti, kena selesaikan dahulu. Sabar, sabar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Tidak bagi laluan ya?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Belum lagi. Belum lagi. Sekejap sahaja

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Tidak lama sangat.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Bila melihat pemimpin-pemimpin pembangkang datang, dia seronok datang angkat sumpah. Akan tetapi minta pengikut-pengikut mereka di luar terbaring atas jalan tar yang panas. Ikutlah semua Ketua Pembangkang pergi. Jangan buatlah cara macam itu. Itulah yang berlaku ya.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Tanjong Piai, Kuala Kangsar minta mencelah.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *[Bangun]*

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Jadi kata-kata peribahasa Melayu, dalam dua muka, cakap tidak serupa bikin. Itulah yang berlaku. Jadi...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Tanjong Piai, Yang Berhormat Kuala Kangsar mohon...

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Nanti-nanti. Saya...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar mohon mencelah.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Kalau banyak nanti saya sudah... Saya banyak lagi. Sekejap lagi, sekejap lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang mana satu hendak bagi laluan Yang Berhormat Tanjong Piai?

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Sikit lagi. Sabar, sabar. Sekejap saya selesaikan. Nanti saya bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Bharu dengan Yang Berhormat Kuala Kangsar?

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Dua-dua tidak bagi.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Tanjong Piai.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Sebagai sebuah kerajaan kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Dua-dua tidak bagi. Duduk, duduk.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Tanjong Piai, Yang Berhormat Kuala Kangsar mohon mencelah.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Seperti apa yang dihajati oleh rakyat, saya berpandangan rakyat terus memberi mesej yang jelas kepada kerajaan iaitu rakyat masih lagi tidak puas hati kerana tidak memenuhi permintaan mereka sepenuhnya. Jelas sekali pengundi-pengundi muda di kawasan bandar masih lagi ramai tidak memilih Barisan Nasional. Ini merupakan tsunami orang muda.

Tuan Yang di-Pertua, muda-mudi yang baru sahaja melangkah ke alam pekerjaan ataupun yang sukar mendapat pekerjaan, hidup dalam tekanan yang tinggi. Harga-harga barang keperluan yang tinggi, kos-kos pengangkutan dan kos untuk mendapatkan tempat kediaman tidak padan dengan gaji yang mereka terima. Mereka...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *[Bangun]*

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** ...Sekejap, saya habiskan dahulu. Mereka harus berhutang untuk menyara kehidupan mereka di bandar-bandar besar. Hidup sedemikian adalah seperti hidup di dalam '*pressure cooker*'. Jika dahulu orang muda bekerja memberi wang kepada ibu bapa di kampung, kini orang muda di bandar

pula yang meminta wang dari ibu bapa mereka untuk menyara kehidupan. Senario yang saya amati ini tidak memuaskan hati rakyat, terutama golongan muda. Okey.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tadi Yang Berhormat ada sebut mengenai keputusan pilihan raya yang dikatakan yang dipertikai oleh pembangkang ini, kononnya Majlis Peguam pun tidak buat apa-apa kenyataan. Itu *statement* Yang Berhormat.

Okey saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar walaupun mungkin belum ada *statement* rasmi daripada Majlis Peguam, sebahagian besar Ahli-ahli Majlis Peguam mempertikaikan keputusan PRU Ke-13 ini sehingga di setengah-setengah tempat Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan pihak Barisan Nasional yang hendak buat *petition* pilihan raya pun cari peguam tidak jumpa. Minta dijelaskan... *[Dewan riuh]*

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Nanti Yang Berhormat-Yang Berhormat.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Tanjung Piai, bila Yang Berhormat Kuala Kangsar...?

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Itu boleh rujuk kepada Menterilah. Akan tetapi yang saya hendak tekankan, saya hendak tekankan kepada sistem. Sistem hari ini yang saya tekankan. Saya...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Tanjung Piai. Yang Berhormat Kuala Kangsar mohon mencelah.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** ...Itulah nanti.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Tanjung Piai.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Mana, Yang Berhormat mana?

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar. Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sila.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Jadi saya pun rasa hairan, kenapakah sekiranya kalau ada penyelewengan sebagai contohnya, sekiranya ada 40,000 pengundi Bangladesh, mengapa tidak dinyatakan

dalam *petition* di pihak pembangkang? Jadi jikalau tiada, bukankah ini satu pembohongan yang besar? Apa pandangan Yang Berhormat Tanjong Piai?

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Itulah saya cakap. Saya katakan tadi itu saya tekankan. Sistem, dia mempertikaikan. Apa yang berlaku, ini kenyataan. bukan saya cakap untuk saya sahaja. Semua tahu. Dalam surat khabar, media sosial. Rakyat tuluh untuk membuat keputusan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tanjong Piai, adakah Yang Berhormat mengetahui bahawa sebelum pilihan raya lagi, persoalan ketelusan pilihan raya ini telah menjadi pertikaian? Ianya bukan satu isu yang ditimbulkan hanya selepas pilihan raya. Banyak isu yang telah dibangkitkan memang tidak diuruskan dan tidak ditangani oleh pihak SPR.

Dalam soal daftar pengundi, Kerajaan Negeri Selangor telah melakukan satu *exercise* yang begitu *extensive* di mana 137,000 nama pengundi-pengundi yang berada dalam Buku Daftar Pengundi di Selangor tidak dapat dikenal pasti dan seluruh senarai 137,000 itu telah pun diserahkan kepada pihak SPR. Jawapan Pengerusi SPR ialah, itu bukan kerja kerajaan negeri.

Maka ini merupakan satu sikap yang menunjukkan bahawa SPR itu sendiri tidak mempunyai satu niat untuk mengadakan pilihan raya yang bersih dan telus. Apabila nama orang-orang ini tidak dapat dikesani, orang-orang ini tidak dapat dikesani oleh ketua kampung, oleh JKK, nazir masjid, ahli majlis dan sebagainya. Mereka telah cari tetapi tidak jumpa. Akan tetapi apabila diserahkan senarai nama ini kepada SPR, SPR jawab, ini bukan kerja kerajaan negeri.

Lalu bagaimana kalau ini semua telah dilakukan sebelum pilihan raya, ia adalah bukti, ia bukanlah alasan untuk kita menolak kebersihan ataupun ketelusan pilihan raya yang telah diadakan. Hakikat bahawa dalam soal angkat sumpah ianya bukan satu pengiktirafan. Ia merupakan pengiktirafan bahawa kami daripada Pakatan Rakyat, kami telah menang walaupun telah terpaksa berhadapan dengan penipuan.

Ini menunjukkan bahawa sebenarnya, sepatutnya majoriti yang diperoleh oleh kami adalah jauh lebih tinggi daripada apa yang telah tercapai. Oleh kerana ramai nama-nama dalam daftar pengundi... *[Dewan riuh]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam. Ringkaskan, ringkaskan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sabarlah... Apa ini? Belum makan lagikah, lapar?

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Cukuplah, cukuplah. Biar, biar...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya punya *point*, soalan saya yang terakhir.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Okey, okey.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bagaimana hujah yang mengatakan bahawa kita datang angkat sumpah bererti bahawa kita mengiktiraf pilihan raya ini bersih? Ianya bukan satu hujah yang mempunyai asas yang kukuh. Kehadiran kita ialah untuk hendak menolak proses pilihan raya yang kita telah nyatakan tidak bersih daripada awal sebelum pilihan raya itu sendiri.

**Dato' Seri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Tanjong Piai.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Tanjong Piai. Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Tanjong Piai.

**Dato' Seri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Tanjong Piai, saya hendak tanya Yang Berhormat Tanjong Piai.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Hendak Yang Berhormat Parit Sulongkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ini hendak bagi yang mana satu ini, Yang Berhormat Pengerangkah, atau Parit Sulong?

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Yang Berhormat Parit Sulong dululah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit Sulong.

**Seorang Ahli:** Osom, osom!

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih, terima kasih banyak Tanjong Piai..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Setujukah tidak Yang Berhormat Tanjong Piai apa isu yang kita bincangkan sekarang ini banyak berkait rapat dengan SPR, tidak percaya dengan itu, tidak percaya dengan ini. Ini adalah satu persepsi yang sentiasa dibawa dan dibuat oleh pembangkang. Setujukah tidak Tanjong Piai dengan perkara itu? Terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Tanjong Piai. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Tanjong Piai satu soalan. Kalau betullah kata Yang Berhormat Shah Alam itu, kenapa pula negeri-negeri di Selangor, Kelantan dan juga Pulau Pinang pun pemimpin-pemimpin parti Exco mereka dan juga Ketua Menteri dan Menteri Besar angkat sumpah? Kalau mereka kata bahawa keputusan pilihan raya ini semua keputusan yang palsu, jadi negeri-negeri itu tidak payahlah diperintah oleh kerajaan pembangkang. Terima kasih.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Itulah...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu saya jawab kot. Dia tanya saya.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Tidak payah jawablah. Itu tidak perlu saya jawab. Saya teruskan perbahasan saya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Tanjong Piai. Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Oleh itu saya berharap Kerajaan Barisan Nasional harus merealisasikan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Gantang ini hendak bagi laluan atau tidak, hendak bagi jalan?

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Jangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Belum bagi jalan lagi.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** ...Merealisasikan Manifesto Pilihan Raya Ketiga Belas dengan tersusun, dan secepat mungkin untuk membuktikan bahawa kebijakan rakyat benar-benar menjadi keutamaan kerajaan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Jawablah dulu.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Jawab nanti masa Yang Berhormat Shah Alam bahas. Inilah tempat untuk dibahas untuk dijawab nanti kerajaan. Itu saya bukan Menteri.

## ■1450

Akan tetapi itulah saya katakan, yang penting datang Parlimen untuk bahas, untuk kebaikan tetapi bukan untuk kepuasan, kepentingan sendiri atau mengikut nafsu, itu penting.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting rakyat sudah bersuara dan menjalankan hak mereka yang...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Tanjong Piai, Bukit Gantang minta laluan.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Rakyat telah memberikan mandat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk mewakili harapan, aspirasi dan kebimbangan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Belum diberikan laluan lagi.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** ...Atau *concern* mereka, dengan izin, untuk lima tahun akan datang. Oleh itu jangan pula kita mengkhianati mandat yang diberikan dengan mengaburi mata rakyat, menyebarkan fitnah dan penipuan untuk membangkitkan kemarahan rakyat dengan *misinformation*, dengan izin.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Putatan.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** *Blackout* tidak ada, mereka kata ada *blackout*, pengundi Bangladesh tidak ada, mereka kata ada pengundi Bangladesh. Inilah yang berlaku pada pilihan raya umum yang lalu.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Tanjong Piai.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Hentikan semua ini.

**Datuk Dr. Marcus Makin @ Mojigoh [Putatan]:** Belakang, belakang.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Tuan Yang di-Pertua... Nanti. Jadi, pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan pilihan raya telah pun memfaiklan petisyen pilihan raya mengikut lunas undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan, belum diberikan laluan, duduk.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Inilah yang sepatutnya dilakukan, bukan dengan menjalankan perbuatan yang mengganggu-gugat kestabilan negara. Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Dr. Marcus Makin @ Mojigoh [Putatan]:** Hah, ini kawan, itulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila-sila.

**Datuk Dr. Marcus Makin @ Mojigoh [Putatan]:** Bukan macam Yang Berhormat Shah Alam, bagi laluan Yang Berhormat Shah Alam, dia salah guna dia punya *floor*, ini Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Tanjong Piai, jawapan Menteri Penerangan dan Multimedia pagi tadi. Responden yang menyokong perpaduan negara - 30,000 dan yang bersetuju kepada perpaduan adalah lebih daripada 80%. Setuju, tapi tidak pakai *badge* 1Malaysia. Yang Berhormat Shah Alam, saya suruh kau pakai 1Malaysia punya *badge*, tidak pakai. Dia bilang 2Malaysia!

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: [Menyampuk]**

**Datuk Dr. Marcus Makin @ Mojigoh [Putatan]:** Ini keputusan pilihan raya dipertikaikan, memperalatkan golongan-golongan muda supaya menghasut, membenci perpaduan negara, itu dia. Tidak setuju dengan keputusan pilihan raya, Yang Berhormat Shah Alam, malulah Yang Berhormat Shah Alam. Akan tetapi kalau menang di Selangor tidak bersuara pun, menang Kerajaan Negeri Selangor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan, ringkaskan, ringkaskan.

**Datuk Dr. Marcus Makin @ Mojigoh [Putatan]:** Ya, Kelantan menang, tidak ada bersuara pun. Hanya satu tujuan sahaja, cubaan untuk merampas kuasa di Putrajaya, itu cubaan. Ya, betul-betul, bukan main-main mereka mahu cuba. Akan tetapi gagal. Jadi, apabila gagal, beginilah keadaan kucar-kacir. Berdemonstrasi, berhimpun, baring di tengah jalan, itu kah? Rakyat Malaysia ini bawa Bangladesh, kononnya. Yang Berhormat Tanjong Piai, bersetuju tidak?

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Tanjong Piai minta laluan, Bukit Gantang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Piai kerana berani memberikan laluan berbanding dengan Yang Berhormat Lenggong. *[Ketawa]* Yang Berhormat Lenggong itu adik-beradik, dia malu sikitlah. Tadi Yang Berhormat Tanjong Piai menyebut tentang orang muda tolak BN kerana tidak cukup makan ataupun kerana mereka berada di dalam kalangan yang kesempitan hidup.

Akan tetapi pada pandangan saya ialah orang muda menolak BN adalah kerana mereka didekah dengan maklumat, bukan kerana soal mereka tidak cukup makan. Kedua, soalan saya ialah Yang Berhormat Tenom tadi ada mengatakan dakwat kekal. Dakwat kekal tetapi sedangkan akuan yang dibuat oleh Tan Sri Aziz yang mengatakan "Berduka Di dalam Kebenaran", di dalam tajuk *Sinar*. Ini kerana atas isu berkenaan dengan dakwat kekal yang tidak kekal. Ketiga ialah terdapat 5,467 nama yang dibuktikan dalam pertemuan dengan SPR...

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Sebab itu sudah...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Saya hendak meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Tanjong Piai kerana tadi isunya ialah isu yang mengatakan kami tipu.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Yang Berhormat, itu pandangan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Gantang, ringkaskan.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Itu pandangan Yang Berhormat sahaja.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Ringkasnya macam ini, selalu dok menuduh mengatakan kenapa kami menang kalau SPR tipu.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Cukuplah.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Kami menang tiga negeri sahaja sebab tipu, kalau tidak tipu 13 negeri kami menang, sekian. *[Tepuk]*

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Yang Berhormat, tadi saya kata ubahlah, ini kalilah. Rakyat di luar sudah kata, tidak payahlah, cukup-cukuplah. Jadi, tidak perlulah pusing balik, pusing sini, sama sahaja cakap begitu, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Minta mencelah Yang Berhormat Tanjung Piai.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Saya setuju kita...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *[Menyampuk]* Bagi laluan.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** ...Perlu bahas lebih kepada kemajuan negara, pembangunan negara, keharmonian rakyat, kepentingan orang ramai, itu yang penting. Akan tetapi yang itu sudah berlalulah. Kalau politik, dekat luar sahaja, bukan di Parlimen.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apabila negara kita mengalami bencana alam seperti jerebu yang serius barulah kita sedar betapa pentingnya kita memelihara alam sekitar. Jerebu yang melanda kebelakangan ini jika berlarutan dan kadar IPUnya meningkat ke tahap yang membahayakan kesihatan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** ...Bakal melumpuhkan ekonomi negara kita. Laporan yang menyatakan Malaysia kerugian RM9 bilion akibat jerebu. Saya ingin tahu berapakah kerugian sebenar yang ditanggung akibat fenomena jerebu itu? Selain daripada itu, impak jerebu kepada kesihatan rakyat yang menjadi kebimbangan. Ibu bapa tidak pasti sama ada selamat atau tidak untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Oleh sebab tahap IPU yang diakibatkan oleh jerebu beralih mengikut tiupan

angin, kadar IPU mungkin sihat pada pagi hari dan akan menjadi tahap bahaya pada waktu petang.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar harus memberikan gambaran cuaca jerebu yang lebih tepat supaya ibu bapa kepada murid-murid sekolah yang paling mudah terdedah akibat jerebu dapat mengetahui sama ada mereka patut tinggal di rumah atau ke sekolah. Terdapat ibu bapa yang mengatakan kepada saya, jika anak-anak mereka sakit akibat jerebu dan amaran tidak dikeluarkan supaya sekolah ditutup, siapakah yang bersalah? Justeru itu, saya memohon Kementerian Kesihatan sebagai *custodian of public health*, dengan izin, harus memantau keadaan jerebu dan mengeluarkan amaran yang sepatutnya demi keselamatan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon Kementerian Luar memberi desakan kepada Kerajaan Indonesia melalui saluran diplomatik untuk mengesahkan perjanjian ASEAN mengenai pencemaran jerebu merentasi sempadan yang telah diguna pakai pada tahun 2003.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Piai. Tentang jerebu ini memang satu isu yang cukup penting dan saya menyokong apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tanjong Piai. Saya rasa kita kena tegaskan juga bahawa pihak-pihak yang bertanggungjawab ke atas pencemaran ini perlu juga kita kenal pasti. Sekiranya ia melibatkan syarikat-syarikat besar daripada Malaysia itu sendiri. Sama ada Sime Darby ataupun sebagainya yang mempunyai ladang yang beratus-ratus ekar di Indonesia itu. Maka, kita berharap bahawa pihak kerajaan akan bertindak tegas terhadap mereka dan menentukan bahawa perkara yang seperti ini tidak berulang lagi.

Ini sudah menjadi satu fenomena yang berulang Timbalan Yang di-Pertua. Di mana hampir setiap tahun ada sahaja masalah jerebu yang dihadapi. Saya rasa sudah tiba masanya di mana syarikat-syarikat Malaysia menunjukkan contoh yang paling ke depan dalam soal pertanggungjawaban kepada alam sekitar dan kesihatan.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Ini yang patutlah, boleh diterima Yang Berhormat Shah Alam. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memperkenalkan Dasar Transformasi Nasional. Dasar ini merangkumi Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), bersama-sama program transformasi

politik dan program transformasi sosial. Dasar ini harus diteruskan kerana setelah diperkenalkan, kejayaan demi kejayaan dikecapi walaupun pada masa yang singkat.

Dasar Transformasi Nasional adalah wadah untuk menunjukkan iltizam kerajaan bahawa kerajaan ini adalah kerajaan yang mengamalkan prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban terhadap rakyat.

■ 1500

Melalui GTP dan ETP, rakyat boleh menilai prestasi kerajaan menerusi laporan tahunan. Saya mencadangkan pihak kerajaan seharusnya memberi penekanan yang lebih serius untuk memastikan program-program yang dijalankan oleh pelaksanaan dasar ini difahami oleh rakyat jelata. Terdapat kemungkinan besar dasar transformasi nasional yang telah pun membawa hasil ini tidak dihayati oleh rakyat keseluruhan atas sebab rakyat tidak dapat memahami hasrat tersebut.

Sukar bagi saya untuk menerangkan GTP dan ETP kepada orang kampung saya, orang-orang di bandar pun tidak dapat gambaran yang benar-benar jelas. Oleh itu untuk kerajaan mengurus jangka kehendak rakyat atau *manage the expectation of the rakyat*, penjelasan yang lebih mudah mengenai GTP dan ETP harus diberikan.

Kita mungkin ada statistik yang kita telah berjaya, akan tetapi kejayaan dasar ini akan menjadi sia-sia jika rakyat jelata tidak dapat merasai keberhasilan dan kejayaan dasar tersebut. Sekarang ini rakyat tidak nampak perubahan, tidak nampak kaitan statistik kejayaan yang dikatakan oleh kerajaan dengan kehidupan seharian dan peningkatan kualiti hidup mereka. Apa yang kita mahu ialah supaya statistik ini menjadi cermin kepada peningkatan taraf hidup rakyat yang dapat mereka benar-benar rasai. Inilah maklumat yang saya dapat daripada akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah jenayah di negara adalah masalah yang menjadi kebimbangan rakyat jelata...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Yang di-Pertua..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Tanjong Piai membangkitkan soal dasar transformasi. Mengikut Yang Berhormat bahawa ia tidak berjaya difahami oleh rakyat. Apakah dasar ini dan juga konsep 1Malaysia masih lagi relevan selepas daripada PRU-13 ini. Apabila kita lihat ianya dengan jelas ditolak oleh rakyat kerana berdasarkan undi popular yang didapati

oleh Barisan Nasional adalah sebanyak 47% berbanding dengan Pakatan Rakyat 51%.

Dasar ini menurut konsep 1Malaysia ini pun kita lihat telah digagalkan sendiri oleh Perdana Menteri, apabila menang sahaja, apabila membentuk sahaja kerajaan antara kenyataan pertama Perdana Menteri itu adalah mempersoalkan tentang apakah ini, “*Tsunami Cina*” ataupun, “*Apa lagi Cina mahu?*”. Apakah ini sama dan selaras dengan Yang Berhormat Tanjong Piai maksudkan dalam ucapan sebentar tadi?

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Yang Berhormat Bukit Katil, konsep 1Malaysia ini memang relevan. Saya tidak tahuhah pandangan daripada sebelah sana, bagi saya penting. Saya sudah katakan negara kita adalah negara majmuk, apa-apa perancangan, apa-apa pembangunan, kita tidak kira siapa latar belakang, tidak kira agama, tidak kira bangsa, apa yang penting bangsa Malaysia.

Jadi saya rasa bersama-sama lah kita mesti berganding bahu baik di sebelah sini dan baik di sebelah sana, yang penting saya tekankan yang penting ialah kemajuan negara dan pembangunan negara. Jadi jangan mempersoalkan, itu pandangan Yang Berhormat, bagi saya relevan dan patut kita teruskan supaya memajukan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, masalah jenayah di negara ini adalah masalah yang menjadi kebimbangan rakyat jelata. Hari demi hari kita dapat membaca di dada akhbar dan juga di media sosial bahawa terdapat jenayah di tempat orang awam termasuk di kedai-kedai makan tidak kira siang atau malam. Ini telah memberikan kesan yang negatif kepada persepsi keselamatan rakyat jelata. Rakyat difahamkan pihak Polis Diraja Malaysia sedang berusaha dengan gigih untuk memastikan kadar jenayah di negara ini terkawal.

Menurut statistik PDRM melalui program *omnipresence* 40% jenayah jalanan dapat dikurangkan dan 20% kes tangkapan dihadapkan ke muka pengadilan. Semua statistik ini menunjukkan bahawa pihak PDRM berusaha...

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Piai, Yang Berhormat Kuala Nerus bangun, hendak bagi laluan atau tidak?

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Ya.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Tanjong Piai bersetuju kalau kita katakan bahawa kadar jenayah semakin meningkat seperti kita lihat di dada akhbar menunjukkan bahawa

pertamanya kerajaan masih lagi lemah atau pun bahasa yang lebih keras sedikit gagal dalam mengendalikan sistem pendidikan di Malaysia, itu yang pertama.

Kedua dalam memanfaatkan media-media yang dimiliki oleh kerajaan bagi membina masyarakat yang lebih sedar tentang jenayah yang kita katakan tadi.

Ketiga, adakah Yang Berhormat Tanjong Piai bersetuju kalau saya katakan bahawa undang-undang yang sedia ada pada hari ini gagal untuk menguruskan atau mengekang jenayah-jenayah berat seperti mencuri, merompak dan juga membunuh.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Terima kasih Yang Berhormat, saya berpandangan beginilah, kalau kita kurangkan perhimpunan haram, mungkin kita boleh kurang kadar jenayah... *[Tepuk]* Itu ikhlas. Lain-lain..

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Tanjong Piai saya sudah lama berdiri.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Nanti.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya sudah lama berdiri. Orang lain kamu beri, saya kamu tidak beri.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Kota Raja.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Mencelah ini, mohon mencelah.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Semua ingin menunjukkan pihak PDRM berusaha untuk memastikan negara ini lebih selamat. Akan tetapi terdapat banyak pihak yang mencabar kesahihan statistik yang telah diberikan oleh PDRM kerana masyarakat di luar sana masih percaya bahawa jenayah amat berleluasa.

Kerajaan harus menangani perkara ini supaya rakyat akan berasa lebih selamat dan memastikan setiap saluran yang ada sama ada dari segi tenaga kerja atau kelengkapan adalah mencukupi untuk pihak PDRM melakukan tugas mereka dengan baik. Hakikatnya rakyat tidak merasai dan mempercayai kadar jenayah telah turun dan ini telah dibuktikan apabila kedudukan Malaysia dalam *Global Peace Index* telah susut.

Saya ingin tahu bagaimana kerajaan dapat meyakinkan rakyat yang kadar jenayah telah turun.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua Sungai Petani.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Saya tidak yakin bagaimana pelabur luar akan yakin dengan negara kita sudah selamat.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Tanjong Piai, Sungai Petani.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Piai hendak bagi laluan atau tidak?

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Perkara ini semestinya merupakan keyakinan pelabur untuk datang ke negara ini. Saya mohon kerajaan memberikan penjelasan yang sewajarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya sila.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tanjong Piai sedar atau tidak sedar bahawa banyak NGO-NGO khususnya NGO-NGO yang melihat tentang penglibatan anak-anak India yang khususnya daripada remaja yang makin hari makin banyak terlibat dalam gengsterisme. Banyak NGO menyuarakan bahawa ada sesuatu program khusus mesti dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah ini, itu yang pertama.

Kedua, banyak NGO-NGO Melayu yang berasa bimbang di mana anak-anak remaja Melayu yang terlibat dalam jenayah-jenayah kecil dan dadah di kawasan-kawasan luar bandar khususnya di FELDA, yang bab Cina ini sudah selesai sudah tetapi yang India dan Melayu ini makin hari makin banyak. Saya dimaklumkan oleh kementerian, kes-kes dadah untuk orang Melayu sudah mencapai 92%. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat Tanjong Piai, harus ada program qariah khusus daripada kita bercakap tentang hal yang mendatar sahaja, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Kota Raja. Yang Berhormat Kota Raja dahulu Yang Berhormat Tanjong Piai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Piai, Yang Berhormat Kota Raja.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Saya memang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Dia tidak mahu beri laluan.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Saya sedar bukan tidak sedar tetapi itu saya katakan yang penting kita bagilah pandangan di dalam Dewan ini. Hari ini, begitulah nanti tiba giliran Yang Berhormat bagilah pandangan apakah program yang sesuai maka dipertimbangkan oleh kerajaan. Saya rasa ini bagus. Saya terima pandangan sedemikian...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya, Yang Berhormat Tanjong Piai.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Nanti ya. Tuan Yang di-Pertua, soalan keselamatan komuniti setempat dan masyarakat bukan harus digalas oleh PDRM sahaja. Masyarakat dan komuniti setempat harus berganding tenaga dan usaha bersama pihak polis untuk memastikan kawasan mereka selamat dan tidak menjadi prospek bagi penjenayah melakukan jenayah. Di dalam buku *Beyond Policing The Strategic Ship*, kerjasama orang awam dan polis diutarakan sebagai satu senjata yang paling berkesan untuk memerangi jenayah.

Keperluan untuk menjadikan *community policing* sebagai cara hidup di mana polis melihat diri mereka sebagai rakan kongsi kepada rakyat. Sekiranya kerjasama polis dan orang awam dapat dibentuk pada peringkat akar umbi, ia akan meneguhkan sistem pengawasan dan akan menjadi penghalang kepada kegiatan jenayah. Justeru, kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri harus mengambil inisiatif bagi menggalakkan lagi kerjasama polis awam melalui pelbagai saluran dan rangkaian yang berteraskan akar umbi walaupun banyak program telah pun diadakan tetapi keberkesanan program-program tersebut tidak dapat dilihat secara menyeluruh...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Tanjong Piai.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Tuan Yang di-Pertua, peranan masyarakat dalam memerangi jenayah tidak boleh dikecikikan. Teori tingkap pecah menyatakan bahawa mengekalkan dan memantau persekitaran bandar supaya teratur boleh menghentikan vandalisme, melanjutkan dan peningkatan ke dalam jenayah yang lebih serius.

## ■1510

Ini bermakna kawasan bandar yang diselenggarakan dengan baik, kawasan dalam keadaan bersih dan cantik dapat menghentikan jenayah kecil dan vandalisme kerana naluri manusia adalah hidup di kawasan yang teratur.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Tanjong Piai. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Tanjong Piai telah menyentuh tadi tentang keselamatan terutamanya di bandar. Saya sebenarnya di awal tadi hendak balik kepada persepsi indeks jenayah ini. Pertama, saya hendak sebut bahawa ia adalah persepsi tetapi sebenarnya tahukah Yang Berhormat Tanjong Piai bahawa ramai di antara rakyat kita tidak melaporkan kejadian jenayah kepada pihak

polis kerana mereka mengatakan pihak polis tidak boleh menyelesaikan masalah mereka. Itu pertama.

Kedua, apabila menyebut tentang peningkatan jenayah, ini bukan mengenai persepsi, ia benar-benar berlaku. Kalau Yang Berhormat Tanjong Piai lihat di Selangor, di semua kota besar, semua taman perumahan sekarang menuntut untuk membina *guarded and gated* yang menyalahi undang-undang peraturan kecil PBT dan ini berlaku. Ini menunjukkan ia bukan persepsi. Ia adalah realiti. Jadi, bagaimana Yang Berhormat Tanjong Piai?

Saya fikir jumlah polis sebenarnya tidak mencukupi untuk menangani jenayah sebaliknya polis dihalakan atau ditujukan kepada aktiviti-aktiviti lain yang kita kira tidak membahayakan atau tidak meningkatkan insiden jenayah.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Okey Yang Berhormat. Itu pandangan Yang Berhormatlah. Saya faham.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Tidak perlu saya jawab. Oleh itu, untuk membantu menangani jenayah masyarakat harus meneruskan budaya mengambil berat antara satu sama lain dan juga mengambil berat terhadap penyelenggaraan persekitaran tempat mereka hidup dan mencari rezeki. Justeru, persepsi negatif yang disemai oleh sesetengah pihak terhadap PDRM harus dihentikan supaya rakyat dapat membantu pihak polis untuk menangani jenayah sebagaimana sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, PDRM harus mengenal pasti kaitan jenayah penyeludupan dan jenayah terancang dengan menyekat pembiayaan kerja-kerja jenayah dan sedikit terancang. Sindiket-sindiket sekarang lebih berani. Ada pula yang bersaing memiliki senjata-senjata api untuk menguasai kawasan-kawasan untuk mengedar dadah. Ini berlaku di kawasan-kawasan di ibu kota dan di kawasan seperti negeri Selangor. Kementerian Dalam Negeri harus memberikan penjelasan mengenai hal ini.

Saya juga ingin tahu kesan kadar jenayah melibatkan warga asing kepada kadar jenayah yang sedia ada. Saya menyarankan semua pasukan polis untuk meningkatkan disiplin jati diri dan kuatkan semangat serta moral untuk menjalankan tugas dengan cemerlang walaupun didepani dengan keadaan yang amat mencabar. Kematian suspek semasa di dalam tahanan polis tidak patut terjadi. PDRM harus menganggap setiap nyawa suspek sebagai suci dan hak-hak mereka dihormati semasa menjalankan siasatan dan semasa reman.

Demi meningkatkan disiplin sukan, Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM telah mengesyorkan penubuhan IPCMC. Jadi PDRM harus mengemukakan cadangan bagaimana IPCMC boleh diterima pakai dan bukan sekadar menolaknya dengan mengatakan ia tidak diperlukan. Walaupun Menteri pada pagi ini, pada sesi soal jawab ada memberikan penjelasan, tetapi saya masih berharap jika IPCMC tidak diterima, kerajaan harus memberikan justifikasi yang kukuh dan memberikan bukti undang-undang yang sedia ada adalah memadai dan dilaksanakan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 2008, kerajaan telah mengguna pakai dan mengimplementasikan sistem parol untuk mengurangkan kesesakan penjara. Saya ingin mengetahui selepas lima tahun pelaksanaannya, apakah kesan kepada bekas banduan yang melalui sistem ini daripada segi integrasi bersama masyarakat? Apakah statistik *recidivism* bekas banduan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, pembaharuan sistem pendidikan amatlah penting bagi memastikan kelestarian dan kesinambungan kecemerlangan rakyat Malaysia untuk bersaing dengan masyarakat antarabangsa sesuai dengan wawasan negara. Komitmen kerajaan melalui Kementerian Pendidikan untuk menghasilkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia atau *Malaysia Education Blueprint* amatlah dipuji. Menurut PPPM terdapat lima aspirasi sistem pendidikan Malaysia iaitu aset, kualiti, ekuiti atau kesamarataan, perpaduan dan kecekapan. Kesemua aspirasi yang dirujuk di dalam PPPM tadi haruslah mengambil kira semua ahli dalam pendidikan sama ada aliran kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina, Tamil, sekolah agama rakyat dan sekolah mualigh. Anjakan-anjakan yang terdapat di dalam PPPM dapat melonjakkan keberkesanan sistem pendidikan negara dalam membentuk modal insan yang berkualiti dan berdaya saing tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin merakamkan sokongan terhadap dasar kerajaan dalam memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah bantuan modal perbagai aliran demi meningkatkan lagi mutu pendidikan di sekolah-sekolah tersebut. Inilah keunikan sistem pendidikan negara kita yang mengetengahkan pelbagai aliran. Negara ini memberikan hak yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan kepada sekolah-sekolah vernakular supaya bahasa ibunda murid boleh digunakan sebagai medium perantaraan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Ya, panjang lagi. Keunikan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Piai. Minta penjelasan sedikit.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Ini juga telah ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa sekolah-sekolah vernakular ini tidak akan dimansuhkan dan akan terus diberikan bantuan yang sewajarnya kerana ia merupakan satu aset...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Beri jalan atau tidak?

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Tidak. Tidak cukup masa nanti. Sekejap ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap sahaja.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Saya berharap kumpulan-kumpulan NGO dan pihak-pihak tertentu jangan sekali-kali membangkitkan isu untuk memansuhkan sekolah-sekolah vernakular ini atas alasan ia menjadi penghalang perpaduan. Kita perlu lihat kepada bahasa itu adalah aset negara dan merupakan alat untuk meningkatkan daya saing negara. Bahasa Mandarin sekarang merupakan satu bahasa yang mempunyai nilai ekonomi memandangkan negara China telah muncul sebagai kuasa ekonomi dunia yang disegani.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Itu pro NGO Barisan Nasional lah itu.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa MCA tidak bersetuju sama sekali dan mengutuk cadangan Bekas Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mohd. Noor Abdullah agar menjenamakan semula SJK(C) kepada sekolah pengajian bahasa yang terbuka kepada semua rakyat Malaysia. Cadangan tersebut tidak membantu kerajaan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Piai, saya hendak sokong ini.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** ...Dalam membuat pembangunan negara malah mengakibatkan ketidakpuasan dan ketidakharmonian antara kaum di Malaysia.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Piai, saya hendak sokong Yang Berhormat Tanjong Piai ini. Berilah laluan.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Saya ingin menegaskan bahawa pewujudan SJK(C) atau SJK(T)...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Tidak beri. Tidak beri jalan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hendak sokong pun tidak hendak beri laluan.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Tidak patut... *[Disampuk]* Malahan kewujudan dijamin oleh Akta Pendidikan 1996 langsung tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua ...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Piai. *[Ketawa]* Berilah laluan. Nampak baik ini.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Sebagai seorang yang arif tentang Perlembagaan Persekutuan terutama Perkara 152, cadangan beliau itu boleh mencetuskan gambaran bahawa SJK(C) tidak mengambil pelajar daripada kaum bukan Tionghoa. Pada hakikatnya, tiada halangan daripada peringkat SJK(C) untuk mengambil pelajar selain daripada kaum Tionghoa untuk belajar di sekolah tersebut seperti yang saya jelaskan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya sekolah jenis kebangsaan ini,...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Piai, berilah sedikit.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** ...Murid-murid bukan sahaja dapat mempelajari bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris malah boleh bertutur dalam satu lagi bahasa. Keunikan sistem ini seharusnya diterima oleh semua pihak sebagai satu kelebihan yang dapat mendatangkan faedah dan aset kepada negara.

Mengenai kekurangan guru dan tenaga pengajar di SJK(C), saya ingin memohon Kementerian Pendidikan menggunakan pendekatan baru iaitu Jawatankuasa Khas Meja Bulat untuk mengatasi masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah ini. Kualiti pendidikan murid akan terjejas jika nisbah guru di sekolah berkurangan berbanding nisbah murid akibat pertambahan murid. Ini adalah masalah yang menjadi satu kekusutan di peringkat SJK(C). Pihak Kementerian Pendidikan perlulah membuat perangkaan dan unjuran yang tepat untuk membantu menyelesaikan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, akhbar *Sinchew Jit Poh* 23 Jun 2013, melaporkan lawatan kerja pegawai pelajaran Daerah Pekan yang telah memaklumkan secara lisan cadangan beliau supaya SJK(C) Kee Wha di Pekan, Pahang dan SJK(C) Kemasul di Mengkarak, Pahang digabungkan ataupun dicantumkan menjadi sebuah sekolah disebabkan kedua-dua sekolah tersebut merupakan sekolah kurang murid. Seorang

pegawai pelajaran tidak sepatutnya mengetengahkan cadangan sedemikian. Tindakan disiplin perlu diambil.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan telah memberikan hala tuju yang positif mengenai hal ini yang mana terdapat lebih 2,000 buah sekolah yang dikategorikan sekolah kurang murid di seluruh negara. Kerajaan akan memberikan perhatian sewajarnya untuk meningkatkan lagi kualiti sekolah kurang murid untuk berada setanding dengan sekolah yang ramai murid.

■1520

Tuan Yang di-Pertua, untuk memelihara aset negara yang dimanifestasikan oleh sistem pendidikan vernakular seperti yang saya katakan tadi, saya ingin mencadangkan juga kepada pihak kerajaan mengkaji untuk mengiktiraf sijil *United Examination Malaysians Certificate* (UEC). Ini merupakan satu cara kerajaan dapat meneruskan agendanya untuk menaik taraf kualiti pendidikan di negara ini.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, UEC memang diiktiraf oleh ratusan universiti terkemuka di dunia. Malahan sejak tahun 1996, semua IPTS di Malaysia menerima UEC sebagai kelayakan memasuki IPTS. Mulai tahun 2011, kelayakan UEC turut diterima oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia untuk mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda Perguruan. Oleh itu, pengiktirafan sijil UEC adalah merupakan satu langkah ke hadapan dengan mewujudkan sistem pendidikan yang komprehensif.

Tuan Yang di-Pertua, kadar...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Tanjong Piai, bagi laluan boleh? Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Piai kerana banyak menghujahkan isu-isu yang dibawa oleh rakyat Malaysia dan juga Pakatan Rakyat dan terutamanya tadi IPCMC yang telah memperjuangkan tentang *check and balance* terhadap polis yang lebih profesional. Saya rasa ini satu isu yang begitu penting dan hari ini ada hakim Mahkamah Tinggi yang juga bersetuju memujuk dan mendesak supaya kerajaan tubuhkan IPCMC dengan segera untuk memastikan polis bertindak dengan adil dan tidak ada lagi orang yang mati dalam lokap dan sebagainya.

Isu yang kedua adalah UEC yang begitu penting kepada masyarakat Cina di Malaysia. Saya ingin kepada Yang Berhormat Tanjong Piai. Bolehkah kita sama-sama, Yang Berhormat Tanjong Piai dengan Bayan Baru, kita buat satu usul untuk menujuhkan IPCMC dan juga UEC bersama-sama? Terima kasih.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Yang Berhormat, saya tadi sudah bahas IPCMC.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat, saya nak ingatkan, lapan minit lagi.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Tidak sempat, tunggu nanti Menteri jawab. Berkaitan dengan UEC Yang Berhormat, itu sudah diperjuangkan. Kita sudah tahu bagaimana kita nak uruskan. Oleh sebab itu saya menyeru kepada kerajaan mempercepatkan proses untuk pengiktirafan tersebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kadar perkembangan ekonomi Malaysia perlu dipertingkatkan lebih-lebih lagi selepas Pilihan Raya Umum Ke-13. Keadaan politik negara sejak 2009 yang mana terlalu banyak politiking telah menyebabkan banyak pelabur menunggu pasca pilihan raya umum untuk menentukan sama ada ingin melabur atau tidak di negara ini. Cuaca politiking yang melampau belum terbela lagi. Perlu masih lagi berwaspada. Rancangan dan pembaharuan kerajaan juga tertangguh kerana setiap perancangan dan pembaharuan tersebut dipolitikkan oleh pihak tertentu. Pada masa ini marilah kita bersama-sama berganding tenaga dan bekerja untuk memastikan keadaan ekonomi negara lebih stabil dan hentikan politiking. Sedarlah, kita di ambang kelembapan ekonomi negara China, negara Eropah. Jika kita tidak bersatu, tidak mungkin rakyat Malaysia mencapai pendapatan yang tinggi dan Malaysia tidak akan menjadi negara maju hanya tujuh tahun dari sekarang.

Untuk mengembangkan ekonomi negara, kira harus memberi keyakinan kepada rakyat dan pelabur asing untuk melabur di negara kita. Jika keadaan masih lagi tidak memberangsangkan, bukan sahaja pelabur asing tidak akan melabur malah rakyat dan perniagaan yang berpusat di Malaysia akan melabur di negara lain. Laporan Bank Malaysia menyatakan ekonomi negara akan berkembang sebanyak 4.1% pada suku pertama 2013 dan dijangka mencapai 5% hingga 6% bagi tahun 2013. Jika ini benar, maka ia adalah satu yang positif untuk negara. Akan tetapi kerajaan harus memastikan tiada keciciran di sebalik perkembangan ekonomi yang pesat ini. Perbezaan jurang antara yang kaya dengan miskin harus dikecilkan bagi memastikan semua rakyat Malaysia menikmati perkembangan ekonomi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, adalah harapan saya supaya kerajaan mengkaji semula pembaharuan peraturan kewangan dan rejim percukaian untuk membantu perkembangan perniagaan, pelaburan dan keusahawanan. Kerajaan juga harus memberi tumpuan kepada perusahaan kecil dan sederhana (SME) kerana lebih 90% syarikat yang beroperasi di Malaysia merupakan SME yang menyumbangkan 33% kepada GDP.

Polisi-polisi kerajaan haruslah membantu SME, sebagai contoh polisi pelaksanaan gaji minimum. Walaupun pelaksanaan gaji minimum pada masa yang akan datang dilihat sebagai satu langkah yang baik dan menguntungkan pihak pekerja dan akan menggambarkan kemajuan masyarakat yang bersifat eksklusif, kerajaan juga harus mengkaji kesan pelaksanaan gaji minimum kepada pihak SME pada masa kini. Terdapat rungutan di mana pihak SME mengatakan pelaksanaan gaji minimum ini membebankan mereka dan ada yang ingin membuang tenaga kerja kerana tidak berkemampuan. Dari sudut pandangan aliran keluar wang negara pula, Malaysia akan kerugian kerana warga asing akan mengirimkan lebih banyak wang mereka keluar negara.

Saya cadangkan Kementerian Sumber Manusia mengenakan manfaat atau *benefits* kepada pekerja seperti pengangkutan, kediaman atau elauan boleh diambil kira sebagai gaji supaya tidak terlalu membebankan SME. Bagi menguatkan kedudukan SME di negara ini, kerajaan jangan terlepas pandang kerana SME domestik sudah banyak menyumbang kepada pembentukan modal dan daya tahan ekonomi negara. Untuk itu, saya menyarankan kerajaan supaya memberi bantuan kepada SME dengan menyediakan pelan induk yang menyeluruh untuk melonjak SME ke hadapan sambil bersaing di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu pengeksportan sarang burung ke negara China, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah menghantar satu rombongan yang diketuai oleh Duta Khas Perdana Menteri ke Republik Rakyat China, Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting serta rombongannya yang dianggotai oleh pegawai-pegawai kerajaan dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Kesihatan pada bulan Mac yang lalu ke Beijing untuk memudahkan penyelesaian isu tersebut.

Saya difahamkan bahawa susulan dari segi rundingan tersebut, sebahagian perbincangan telah mendapat hasil yang mana baru-baru ini negara China telah bersetuju menarik balik sekatan produk sarang burung Malaysia, jenis sarang burung mentah yang telah dibersihkan. Kelulusan secara bersyarat kepada sembilan syarikat pemprosesan tempatan yang telah diperiksa oleh pasukan dari Jabatan Pentadbiran Akreditasi dan Persijilan Kebangsaan China.

Akan tetapi isu sarang burung mentah belum dibersihkan yang turut dibincangkan dalam rundingan tersebut yang telah pun mencapai persefahaman untuk dieksport dengan syarat tertentu antara Kerajaan Malaysia dan negara China masih

tiada perkembangan yang menggalakkan. Saya difahamkan juga bahawa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia sedang menyediakan jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh agensi Kerajaan China sebagai dokumen rujukan sebelum mereka melakukan penilaian risiko dan seterusnya berunding mengenai protokol yang harus diguna pakai untuk pengeksportan sarang burung mentah yang belum dibersihkan. Memandangkan hampir 95% dari pengusaha-pengusaha sarang burung yang merangkumi 60,000 premis sarang burung adalah terlibat dalam pengeluaran sarang burung mentah yang belum dibersihkan. Saya berharap Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia boleh mempercepatkan kerja persiapan tersebut supaya sarang burung tersebut boleh dieksport dalam masa yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu keraguan pelaksanaan RFID, ramai pengusaha masih lagi kurang jelas sama ada sistem ini adalah wajib atau sistem pengesahan lain dibenarkan. Persatuan pengusaha sarang burung masih lagi menimbulkan isu ini di dalam surat khabar dari semasa ke semasa. Oleh itu, saya berharap Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani boleh mengumumkan keputusan mengenai isu ini supaya pengusaha-pengusaha dan pegawai-pegawai kementerian mendapat penjelasan yang difahami.

Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Piai, sila gulung.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Ada lagi. Sedikit lagilah. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila gulung.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Bagi sedikit masa, Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan perbahasan saya dengan isu harga rumah. Saya risau jika harga rumah dan kediaman tidak dipantau. Kebanyakan rakyat terutama di bandar-bandar besar tidak akan dapat memiliki rumah. Harga rumah melambung tinggi akibat spekulasi dan pembelian dari pelabur harta tanah secara pukal. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membendung spekulasi harta tanah.

#### ■1530

Tuan Yang di-Pertua, bagi meneruskan perbahasan saya, saya ingin memetik petikan daripada manifesto Barisan Nasional yang berbunyi, "*Kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat adalah di matlamat akhir kita*". Jelaslah hala tuju Kerajaan Barisan Nasional adalah untuk menangani kos sara hidup orang ramai yang semakin

meningkat, usaha yang menjana hasil seperti Kedai Rakyat 1Malaysia, Klinik 1Malaysia dan sebagainya. Jabatan Kebajikan Malaysia harus meneruskan agenda supaya kehidupan rakyat bertambah selesa.

Oleh itu, saya ingin mengesyorkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat agar menyelaraskan kadar bantuan baru kepada penerima JKM berikutan inflasi yang menyebabkan bantuan JKM dilihat tidak begitu berkesan dalam membantu golongan tersebut khususnya bagi kategori bantuan OKU yang tidak bekerja, bantuan orang tua dan bantuan kanak-kanak. Sebagai contoh, dari segi bantuan OKU yang tidak bekerja. Penerima yang tidak bekerja hanya akan menerima bantuan JKM sebanyak RM150 sebulan. Saya mohon pertimbangan kementerian agar meningkatkan kadar bantuan ini kepada RM300 setiap bulan. Ini adalah memandangkan mereka sepatutnya dikategorikan seperti orang yang menerima bantuan Elaun Pekerja Cacat atau EPC kerana kecacatan mereka yang menyebabkan mereka tidak dapat bekerja, bukan disebabkan sikap tidak mahu bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, kadar minimum bagi bantuan kanak-kanak pula adalah RM450 sebulan bagi keluarga yang melebihi empat orang kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah. Bagaimanapun, saya berpendapat kadar RM450 yang sedia ada tidak mampu membantu keluarga tersebut secara keseluruhan sekiranya keluarga tersebut hanya ditanggung sepenuhnya oleh seorang ibu. Mana mungkin seorang ibu tunggal dapat menanggung segala kos kehidupan kesemua anak-anak jika anak-anak yang masih bersekolah atau berumur kecil memerlukan penjagaan dan perhatian penuh daripada ibu tersebut. Ia hanya akan menyebabkan ibu tunggal berkenaan terpaksa melepas peluang untuk bekerja demi menjaga anak-anak.

Dengan situasi tersebut, saya ingin syorkan kerajaan supaya satu perhatian khas perlu diambil untuk memenuhi keperluan kategori PKK agar bantuan tambahan sebanyak RM300 dapat diberikan kepada ibu tunggal secara berasingan bagi menampung kehidupan mereka yang masih terikat dengan penjagaan anak secara sepenuh masa. Bagi bantuan orang tua pula, saya mencadangkan supaya kadar yang ditetapkan sekarang pada RM300 setiap bulan ditambah ke RM500 sebulan kerana kita sedia maklum orang tua yang tinggal bersendirian kemungkinan memerlukan kos rawatan bagi penyakit-penyakit yang dikaitkan dengan umur yang lanjut.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga harus meneliti *standard operating procedure* (SOP) yang sedia ada agar piawai kepuasan pelanggan yang kita tekan mampu dilaksanakan bagi mengelakkan orang ramai berhadapan dengan proses...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila habiskan ayat tersebut.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Bantuan yang mengambil masa yang panjang. Jadi, saya harap kementerian dapat memberi perhatian dalam apa yang saya telah bangkit dalam perbahasan ini. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, berilah beberapa minit untuk saya bawa isu-isu Parlimen saya, kalau tidak orang Parlimen saya kata saya tidak kerja ini. Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Dua minit sahaja.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Dua minit, okey. Tuan Yang di-Pertua, kepesatan pembangunan Wilayah Iskandar telah melimpah ke kawasan Parlimen Tanjung Piai. Jadi, pembinaan loji Janakuasa Tanjung Bin Power, Hub Petrokimia telah mewujudkan permintaan yang tinggi untuk jalan raya yang lebih baik dibina. Jalan utama Pontian ke Johor Bahru kini mengalami kesesakan dan kesibukan selain dari keadaan jalan yang rosak, tidak rata dan sempit. Keadaan ini tidak memuaskan pengguna jalan raya. Ini menyebabkan laluan ke Daerah Pontian tidak popular kepada pelabur. Jadi, pada pengetahuan saya boleh dikatakan keseluruhan jalan raya di semua jalan di negeri Johor telah dinaik taraf ke empat lorong. Malangnya, jalan utama Pontian ke Johor Bahru yang mempunyai kadar pengguna jalan raya yang tinggi masih lagi dua lorong.

Jadi saya harap - saya difahamkan ada satu laluan baru Johor Bahru ke Pontian sejauh 26 kilometer bernilai RM145 juta *bypass* dapat dikotakan. Jadi saya minta kalau boleh buat pembinaan dengan segera sebab saya ingin tahu, kerana projek tersebut saya telah menanya Kementerian Kerja Raya mengenai soalan lisan saya pada 22 Oktober 2012.

Selepas itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan isu projek Kementerian Kesihatan di Pekan Nanas iaitu KK3 yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan. Ini akan dilengkapi dengan pusat hemodialisis. Akan tetapi tender bagi projek ini belum dikeluarkan. Saya ingin tahu bila tarikh tender dan bila boleh mulakan projek ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengetengahkan isu mengenai permohonan pembinaan SJK(C) Yu Meng 2 yang menelan belanja RM21 juta. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, atas usaha semua pihak termasuk kerajaan negeri dan begitu sesama dalam membangunkan sekolah vernakular, maka SJK(C) Yu Meng 2 telah memperoleh dua lot tanah mempunyai keluasan 71 ekar dan

kini sekolah telah mengemukakan permohonan peruntukan untuk buat pembinaan sekolah baru yang di mana pihak sekolah memerlukan RM20 juta merupakan kos pembinaan bangunan sekolah, RM1 juta untuk kos pembinaan perabot untuk pelajar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Piai.

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Jadi dengan kata-kata ini, saya sekali lagi memohon menyokong Usul Menjunjung Kasih atas Titah Diraja. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat dari Lenggong sekarang ini terbuka untuk dibahas. Dengan itu saya menjemput Yang Berhormat Permatang Pauh. Sila.

### 3.36 ptg.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyatakan penghargaan atas peluang yang diberikan dan untuk bersama mengambil bahagian Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah. Titah Baginda walaupun sekarang ini dijadikan isu baru media UMNO, isu fitnah baru harus diberikan penjelasan kerana ada yang menganggap Titah Diraja itu tidak boleh ditegur dan dipertikai.

Saya tidak tahu mereka ini mewakili sistem mana sebab dari tarikh kemerdekaan kita tahun 1997, Tuanku Agong memang hadir menyampaikan titah dan setiap kali disampaikan titah, pihak kerajaan dan pembangkang membahaskan. Pihak pembangkang sementara menjunjung kasih, tetap memberikan teguran yang tegas terhadap beberapa saranan yang dianggap bercanggah atau tidak menepati fakta. Akan tetapi kali ini kerana nampaknya kehilangan modal...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ini dibangkitkan sebagai satu soal yang dianggap sebagai satu soal...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Duduk dahulu Yang Berhormat, baru hendak mula ini.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ya. Sebagai satu soal yang dianggap menderhaka atau tidak menghormati Raja. Oleh sebab itu, orang yang membicarakan hal ini kena tahu apa dia praktik demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Sekejap Yang Berhormat, sekejap Yang Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Habis ayat ini boleh, habis ayat ini. Hendak jadi Melayu pun kena faham juga tentang sejarah Melayu dan kebudayaan. Ini juga dijelaskan oleh...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Yang cakap...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat Sepang sebentar tadi dari segi kaedah undang-undang. Dalam *practice Parliamentary Democracy* ini dikatakan pidato atau Titah Diraja (*Speech from the Throne*). Bukankah pengalaman saya dalam kerajaan, Kabinet menyediakan jawatankuasa yang dipengerusikan oleh KSN, kemudian ucapan itu diserah kepada satu tugas Kabinet. Pada ketika itu dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri. Yang Berhormat Arau tahu dan kemudian kita siapkan naskhah itu. Bila diputuskan, dibentangkan kepada Perdana Menteri dan dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Lazimnya melainkan beberapa isu teknikal sahaja, *substantive issues policies* itu adalah kerajaan. Oleh sebab itu dari segi formatnya Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Yang Berhormat sekejap, sekejap sahaja.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Perdana Menteri kemudian mempersembahkan ucapan kepada Agong. Berbeza dari hari keputeraan umpamanya di mana di negeri-negeri tidak dipersembahkan oleh Menteri Besar melainkan dalam isu yang melibatkan perasmian Dewan Undangan Negeri.

#### ■1540

Dalam kes ini sengaja ditunjuk terang ucapan dibawa, dipersembahkan kepada Perdana Menteri untuk dibaca sebagai Titah Tuanku. Peranan kita sebagai rakyat junjung kasih kerana kehadiran Tuanku.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ya, apa-apa saranan umum, kita harus beri pertimbangan wajar. Akan tetapi, ini bukan satu sistem beraja

yang berkuasa mutlak di mana rakyat tidak boleh persoal, pertikai. Akan tetapi, kalau kita faham...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Seminit Yang Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terutama kita orang Melayu faham, dalam sistem beraja di mana kuasa mutlak pun peranan Menteri dan penasihat...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Seminit sahaja.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Bukan mengampu, tetapi memberi teguran dan saranan untuk menjadikan Raja itu bertakhta dan adil. Ya, sila-sila.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Ya, Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Cuma, persoalannya ialah apakah kita memberikan gambaran – cara Yang Berhormat cerita, apakah kita memberi gambaran yang Seri Paduka membaca perkara yang dia tidak faham? Apakah itu gambarannya? *[Dewan riuh]*

Bahawa apabila dia membaca daripada Barisan Nasional, daripada kerajaan, maksudnya Seri Paduka terpaksa baca? Dipaksa baca ataupun terpaksa baca? Kita tidak ada, kita boleh bahas. Kita memang boleh bahas tetapi memberi kata-kata yang memperbodohkan Seri Paduka bahawa konon-kononnya Seri Paduka hanya membaca memberi gambaran yang Seri Paduka tidak faham apa yang dibaca dan tidak boleh tidak bersetuju dengan apa yang dibaca? Mohon pendapat Yang Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Kena baca sejarah Melayu, bukan sejarah Cina, sejarah India tidak cukup. Baca sejarah Melayu, kemudian Perlembagaan negara kita itu jelas. Bila kita beri teguran, sejak tahun 1957, semua orang beri teguran. Ia tidak umpamanya menderhaka atau menghina. Ucapan itu adalah Titah Diraja atas nama kerajaan yang memerintah. Allah, itu kalau tidak faham susah. Jadi, yang ini, yang mentafsirkan untuk menghina tidak.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat Menteri Arau tahu masa saya sama santapan dengan Tuanku, cara hormat saya, semua kita ikut. Akan tetapi, tidak pernah kita bagi gambaran seolah-olah semua yang disebut itu, tidak boleh ditegur. Tuan Yang di-Pertua, kalau itu lah maksudnya, tidak payah debat lah.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Jawab soalan, soalan. Soalannya apakah Yang Berhormat memberi pandangan...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tidak, kalau itu maksudnya...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Konon-kononnya Yang di-Pertuan Agong...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tidak ada konon, itu tafsiran.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Hanya membaca dengan tidak... tidak salah untuk kita menegur. Persoalannya kita memalukan...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Kononnya Tuan Yang di-Pertua, dia tanya biar saya jawablah.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Kita memalukan. Kita memberi gambaran Paduka Raja tidak faham apa yang dibaca.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, bagi peluang Yang Berhormat Permatang Pauh jawab dahulu. Bagi peluang.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Kononnya itu tafsiran jahat. Kononnya apa yang saya kata? Saya kata Titah Tuanku kami junjung kasih. Akan tetapi, kalau rujuk kepada pilihan raya, izinkan kami untuk memberi teguran kerana fakta yang menunjukkan dan membuktikan beberapa fakta penipuan yang dilakukan oleh SPR yang kita sebagai wakil rakyat... *[Dewan riuh]*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Minta penjelasan.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Menipu sebab pembangkang kalah.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Siapa jerit, saya bagi laluan. Siapa nak jerit, bangun-bangun. Siapa nak - saya akan bagi ruang. Tidak payah jeritlah.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Saya minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin bin Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Kuantan dan juga Yang Berhormat Ketereh. Mana satu hendak bagi?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Boleh-boleh. Saya bagi habis Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, Yang Berhormat Ketereh boleh. Akan tetapi, biar saya jawab soalan dia. Dia kata saya hendak tanya, bolehkah tidak kita bahas titah? Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin bin Mohamed Said]:** Duduk dahulu Yang Berhormat Kuantan, duduk dahulu.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Bukan Yang Berhormat Kuantan. Saya Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin bin Mohamed Said]:** Duduk dahulu Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Boleh tidak kita persoal debat titah? Yang disebut dalam sini dalam jadual kita ialah perbahasan titah. Bahas ini maknanya apa? Ampun Tuanku, kami menjunjung kasih, sokong. Duduk. itu bukan bahas namanya.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Saya cuba cakap Melayu ini Yang Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** No. Berbahas ini maknanya sudah menyokong...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Saya cuba cakap Melayu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, Yang Berhormat Permatang Pauh tidak bagi laluan lagi.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Tidak. Dia menjawab soalan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya bagi. Tidak apa, saya bagi. Saya bagi sebab ini...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Dia menjawab soalan tetapi saya minta penjelasan. Kita tidak mempertikaikan perbahasan. Kita mempertikaikan kata-kata bahawa...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Biarlah saya jawab dahulu. Faham prosedur urutannya, kita jawab.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Yang di-Pertuan Agong...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Apa ini? Duduk dahulu.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Jawablah, jawab. Jawab.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Duduk dahulu, duduk dahulu. Dengar penjelasan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi kursus sedikitlah.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ini masalah Ahli Parlimen. Bahasa Melayu pun tidak faham-faham! *[Dewan riuh]*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Yang tidak faham itu...

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, saya Yang Berhormat Indera Mahkota minta laluan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Faham sedikit bahasa Melayu. Bahasa Melayu bila kita kata ada soalan, biar kita jawab. You hendak bahas tidak setuju, boleh bangunlah kemudian. Sekarang ini soalnya, Titah Tuanku ada perbahasan atau tidak? Jawabnya ada perbahasan.

Apa makna perbahasan? Ada hal kita setuju, ada hal kita tidak setuju atau kita beri teguran. Kalau tidak, ia tidak jadi perbahasan. Ia jadi titah yang kita patuh dan turut perintah. Prinsip perbahasan ini yang disebut. Jadi, soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu ialah bila kita kata, Tuanku beri nasihat, apa jawapan saya? Kita junjung kasih dan kita akan beri pertimbangan yang serius usul Tuanku tetapi kami juga berhak untuk memberikan bukti dan fakta mengapa Tuanku harus juga menimbangkan pandangan sebahagian daripada rakyat. Kalau ini tidak jelas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin bin Mohamed Said]:** Ya, ada dua orang berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, saya dari Indera Mahkota.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Kalau tidak jelas, maka kami dalam Pakatan Rakyat akan membawa bukti-buktinya dan persembahkan ke Istana Negara. Itu yang saya jawab. Yang Berhormat Indera Mahkota...

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Indera Mahkota minta laluan dahulu.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Kemudian Yang Berhormat Ketereh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin bin Mohamed Said]:** Okey, Yang Berhormat Indera Mahkota dahulu, selepas itu Yang Berhormat Ketereh.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Okey, saya hendak bertanya Yang Berhormat Permatang Pauh, dia pernah dengar tidak kata-kata seorang pujangga, **Sachman** daripada England. Dia kata dengan izin, '*let this assembly be assembly of legislators rather than assembly of flatterers?*' Dia pernah dengar tidak benda-benda macam ini?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Ia ada perbezaan. Kalau makna kata, *yours is not to question why, but to do and die*. Ini kemudian dirumuskan dalam *The Charge of the Light Brigade, you are right*. Akan tetapi, soalnya sekarang ialah perbahasan. Jadi, kalau kita guna Titah Tuanku dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional kemudian hendak gunakan kaedah itu untuk menafikan hak rakyat, yang juga dipilih untuk menyuarakan pandangan dan teguran, saya tidak fikir tafsiran itu tepat.

Akan tetapi yang jahatnya ialah Tuan Yang di-Pertua, bila ini digunakan untuk masukkan jarum dan mengatakan bukti tidak taat setia. Maknanya sejak 1957, tiap kali orang berbahas di Parlimen, dia tidak bersetuju dengan beberapa pandangan termasuk tadi, maknanya mereka ini sudah derhaka kerana tidak bersetuju.

Tuan Yang di-Pertua, saya betul-betul kesal kalau peringkat Parlimen ini pun soal *basic* seperti ini dalam semangat perlombagaan tidak difahami. Datang sini hendak jadi *joke*, kemudian hendak mengatakan berucaplah dan ikutlah apa yang dikatakan. Jadi, saya ingat kita tukar. Saya minta Yang Berhormat Menteri tukar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ketereh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Perbahasan diganti sebagai majlis untuk patuh kepada titah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin bin Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang ini adalah *devil that we know*. Saya pun sama-sama juga dalam Kabinet dengan beliau dan beliau masih tidak berubah. Tidak ada siapa pun dalam Dewan ini yang mempertikaikan soal hak termasuk pembangkang untuk membahaskan ucapan Titah Diraja. *[Tepuk] It's none issue* Tuan Yang di-Pertua.

Yang dibangkitkan di sini adalah kerana ada beberapa orang daripada kalangan pembangkang membuat komentar kepada media dalam bentuk dan gaya seolah-olah menghina ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Kita tahu ucapan itu memang tidak payah Ketua Pembangkang berkuliahan bahwasanya ucapan itu adalah ucapan yang diperbincangkan oleh kerajaan dibawa kepada Perdana Menteri, lalu secara simboliknya diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong. Tiada siapa pun mempertikaikan itu.

Yang dipertikaikan ialah *insinuation* yang dibuat seolah-olah ucapan itu adalah ucapan Barisan Nasional sedangkan Yang di-Pertuan Agong berangkat dan merasmikan Dewan ini atas sifatnya sebagai sebahagian daripada Parlimen adalah Yang di-Pertuan Agong, itu tidak dihormati...[Tepuk]

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Permatang Pauh...

■1550

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Apa isunya Yang Berhormat? Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon pertanyaan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tidak, yang isu dia apa? Yang Berhormat Kulim-Bandar Baru mengatakan ada pertikaian mempertikaikan Titah Tuanku. Yang Berhormat Ketereh menyebut tidak salah bahas kerana ada orang cakap di luar. Kononnya ada *insinuation*. Siapa dia? Sebut sahajalah, ini Parlimen. Siapa yang sebut yang menghina Tuanku? Yang saya tahu, disebut tadi Ketua Pembangkang. Ketua Pembangkang, Permatang Pauhlah sementara inilah dan sebab itu saya ulang apa yang saya sebut. Media tanya, saya kata, pertama, junjung kasih dan semua rakyat junjung kasih atas keberangkatan Tuanku, kemudian beberapa isu soal ditanya.

Maknanya, kamu setuju. Tuanku arah, Tuanku titah dah, setuju, setuju. Saya kata Tuanku titah dan kita akan bahas dan kita akan bawa bukti menunjukkan ada penipuan di SPR. Itu sahaja. Apa yang kata *insinuation*, siapa dia? Bagi tahu dan biar orang itu kena jawab kerana menderhaka dan menghina Raja-raja tidak boleh. Ini tatacara umum. Ada orang, ada orang-orang mana? Ini yang kita *devil*, yang saya

tahu, kalau ikut Tun Mahathir, *devil* itu kita tahu dah siapa? *[Ketawa] [Tepuk]* Tak apa, biar saya sambung, saya sambung.

Jadi, ini saya hendak jelaskan supaya jangan terus dipermainkan. Kalau tidak, tradisi perbahasan di Parlimen itu tidak bermaruah dan apa isu Kerajaan Barisan Nasional? Kerajaan, Barisan Nasional. Pembangkang, Pakatan Rakyat.

Jadi bila sebut ini tak betul. Barisan Nasional - pun kerajaan mana lagi? Kerajaan Barisan Nasional bahawa Titah Tuanku itu adalah titah yang dipersembahkan oleh Perdana Menteri Kerajaan Barisan Nasional. Saya pertegaskan, apa masalah dia? Tak mahu dengar pula Barisan Nasional. Sebab apa? Jadi ini soalan yang pertama saya hendak sebut sebelum...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat...

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Oh, soal yang tadi ini...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Bukit Katil.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Bukit Katil.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Bukit Katil kemudian Pokok Sena.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Katil, sila.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Permatang Pauh. Ada satu peruntukan yang jelas di dalam seksyen 4 Akta Hasutan. Walaupun secara prinsipnya kita tidak bersetuju dengan Akta Hasutan tetapi memandangkan itu undang-undang yang sekarang ini sedang giat dipergunakan. Di dalam undang-undang tersebut menunjukkan bahawa dengan jelas bahawa sebarang perbuatan ataupun ucapan-ucapan kita yang bertujuan menunjukkan bahawa Raja telah dikelirukan atau tersilap dalam apa-apa langkah yang diambil olehnya, maka itu dibolehkan dan tidak dikenakan Akta Hasutan.

So, saya teringat sekarang perbahasan ini seolah-olah kita tidak boleh memberikan pandangan yang sedikit berbeza seperti mana yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya rasa isu itu terlalu kecil sangatlah kalau kita hendak bahas. Akan tetapi ada orang, dia boleh *pi tabal Raja*. Raja *dok* ada, *pi tabal Raja* di bawah pokok Ketapang. *[Ketawa]* Hak itu lagi teruk saya ingat, bukankah? Okey...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih. Bagus juga Yang Berhormat Pokok Sena memperingatkan dengan sejarah. Sekarang semuanya hendak jadi juak-juak baru kononnya hendak mempertahankan kuasa Raja.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, minta laluan tambahan Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Akan tetapi kita tahu juga seluruh polemik soal Raja selama ini termasuk beberapa langkah yang agak melampau. Akan tetapi takkanlah Peguam Negara hendak ambil tindakan kerana Peguam Negara itu reti ambil tindakan hanya kepada pembangkang. Dia tak reti hendak fikir tindakan kepada orang-orang yang menyalahi undang-undang di sebelah sana. Sila.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Ini pun sejarah juga. Selepas Pilihan Raya Umum ke-12 tahun 2008, ada di sebuah negerilah di Pantai Timur, ada satu kumpulanlah yang dia menang dalam pilihan raya, dia hendak satu orang daripada ADUN dia itu jadi Menteri Besar. Dia sebut dalam banyaklah, *banners* dan sebagainya.

Saya quote, "Kami mahu Deris natang". 'Natang', tak tahu 'natang' itu apa? Binatanglah boleh, ditujukan kepada orang yang sepatutnya melantik Menteri Besar. Adakah ini tidak suatu penghinaan, penderhakaan kepada Raja Melayu? *[Dewan riuh][Tepuk]*.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ya, kita faham pengalaman Terengganu, sebelumnya Kelantan dan juga pindaan perlembagaan di sini. Saya tidak berhajat untuk meneruskan tetapi sekarang ini tidak semena-mena hendak dijadikan isu raja seolah-olah UMNO sahaja yang mempertahankan kuasa Raja. Kita pertahankan kuasa Raja berperlembagaan. Ini tidak kita mempertikaikan. Setakat yang saya tahu dalam Pakatan Rakyat, prinsip ini dimeterai, ditandatangani oleh ketiga-tiga parti, PAS, DAP, Keadilan. Tidak ada timbul. Soal hendak digunakan sebagai isu politik itu, silakan. Akan tetapi yang saya hendak tegaskan di sini ialah

tidak semena-mena dengan sewenang-wenang isu ini kemudiannya jadi besar dan semua rujukan termasuk teguran kita dalam ucapan Titah Tuanku itu pun dianggap sebagai menghina Raja-Raja. Yang hina terang-terang, yang rampas kuasa, yang kenyataan-kenyataan yang cukup biadab itu mahu dilupakan. Apa yang anehnya, orang-orang yang hendak pertahankan itu tokoh-tokoh yang terlibat. Ini yang kita rasa aneh sedikitlah. *[Tepuk]*

Baik, saya hendak juga ambil kesempatan ini untuk ucap tahniah kepada Tan Sri Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan-timbalan Yang di-Pertua yang dipilih dan kami di Pakatan Rakyat menerima keputusan itu walaupun saya hendak jelaskan memang sebelum ini kita usulkan bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Abdul Kadir Sulaiman sebagai calon Tuan Yang di-Pertua atau Speaker atas dasar mengembalikan kewibawaan Parlimen sebagai suatu sistem yang bebas dan pengendalian Parlimen itu kita anggap harus bebas, tidak mewakili kepentingan parti tetapi menjaga Parlimen.

Datuk Abdul Kadir Sulaiman ialah bekas Hakim Mahkamah Persekutuan dan kita tahu tentang prestasi beliau dan pengalaman beliau menasihati beberapa negeri dan juga dalam kapasiti menasihati kerajaan dalam beberapa suruhanjaya. Akan tetapi yang kita harus tegur di sini sekurang-kurangnya Tuan Yang di-Pertua dengan Menteri yang baru, ialah untuk mencari kaedah *reform* Parlimen ini. Speaker yang ada sejak tahun 2008 telah mengumumkan hasrat beliau membawa beberapa perubahan reformasi Parlimen. Ini tidak berlaku sehingga akhir sidang Parlimen.

Sekarang sidang Parlimen baru. Maka harus ada kaedah-kaedah tertentu. Kalau kita mahu pastikan Parlimen itu berfungsi, maka Speaker harus mengepalai pasukan atau sistem kuasa untuk melaksanakan *reform* dan *reform* itu bukan sekadar mempertahankan kenaikan, kemudahan dan elau Speaker dan Ahli-ahli Dewan Rakyat tetapi yang lebih utama ialah tentang perjalanan Parlimen itu sendiri.

Saya syorkan supaya ini diberikan perhatian yang segera kerana sepanjang lima tahun lalu ini telah tidak dilaksanakan. Akan tetapi saya harus secara objektif sambut baik ucapan ulung Speaker tatkala mengambil alih penerimaan jawatan yang mempertahankan semangat kebebasan dan kemurnian Parlimen dan menjaga dan mengawal supaya tingkah laku Ahli-ahli Parlimen sama ada daripada BN ataupun Pakatan Rakyat itu dikawal supaya tidak ada sikap yang dianggap keterlaluan.

Kita tegur memang secara yang agak serius kerana perkara ini kita buat perundingan demi rundingan dan elok Dewan ini tahu bahawa kita juga menghantar wakil menemui Menteri berkenaan. Sebelum itu menemui Setiausaha dan

Jawatankuasa di Parlimen untuk meminta supaya beberapa proses pengendalian pengundian itu lebih teratur dan telus. Kalau di Parlimen sendiri pun tidak boleh kita jamin semangat peraturan ialah undi sulit. Walaupun disebut di situ ada tandatangan tetapi Parlimen, Setiausaha menambah dengan meletakkan nama untuk memastikan supaya tidak lari undi daripada BN. Akan tetapi saya ingin menegaskan bahawa kalau Parlimen sendiri pun tidak boleh jamin sistem pengundian yang sulit dan telus maka kita biar fahamlah perjalanan SPR. Jadi sebab itulah saya ingin mengusulkan prosedur 4, 41, 44 yang dibawa dalam perbincangan itu diperbaiki supaya Ahli-ahli dari kedua-dua pihak BN dan Pakatan Rakyat mendapat kesempatan untuk membuat pilihan yang sulit dan telus.

**■1600**

Dalam Titah Tuanku Yang di-Pertuan Agong, ada satu hal yang saya anggap tertinggal nyata iaitu kes jerebu. Saya faham dalam proses mempersembahkan Titah Diraja ini kita berikan seminggu atau beberapa hari sebelumnya. Akan tetapi seminggu sebelum Titah Tuanku, sudah berlaku ancaman darurat jerebu. Ternyata kelembapan kerajaan, Perdana Menteri dan Kabinet untuk segera dalam tempoh dua tiga hari sebelumnya. Mempersembahkan kepada Tuanku, satu halaman atau satu para, bahawa kita sekarang menghadapi masalah jerebu. Jadi, masalah yang menyangkut kepada kepentingan kesihatan dan keselamatan rakyat itu tidak dapat disebut dalam permasalahan terkini. Kalau berlaku pagi tadi atau sehari sebelumnya, saya dapat mengerti. Akan tetapi jurangnya satu minggu. Jadi, ternyata ada kelemahan besar kerana isu jerebu yang serius dan mendesak yang melibatkan ratusan ribu rakyat...

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** ...Di negara kita yang telah diabaikan dalam Titah Tuanku.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Permatang Pauh, bersetujukah Yang Berhormat Permatang Pauh kalau saya katakan di sini bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh sendiri sebenarnya tidak langsung prihatin kepada masalah jerebu dan kemerbahayaannya apabila Yang Berhormat Permatang Pauh sendiri bersetuju dan mengarahkan orang ramai supaya berhimpun di Padang Merbok. Sedangkan pada ketika itu jerebu telah pun melanda ibu kota kita sejak beberapa hari sebelumnya. Jadi, nampaknya dalam

hal ini Yang Berhormat Permatang Pauh macam *double standard* menyalahkan pihak kerajaan. Akan tetapi di pihak Permatang Pauh sendiri telah melakukan kesalahan kepada rakyat, terima kasih.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor. Pertama, saya sebut tentang Titah Diraja yang harus menyentuh isu keselamatan rakyat di negara ini yang telah tidak ditangani, tidak disebut, tidak dibawa untuk pengetahuan Tuanku dalam Titah Diraja. Itu suatu kesilapan kerajaan. Yang kedua, dibangkitkan soal perhimpunan di Padang Merbok. Perhimpunan di Padang Merbok mengambil waktu dalam sekitar satu setengah, dua jam dan rakyat yang faham tentang penipuan mahu melahirkan sikap dan pendirian mereka. Ini kerana semua proses dan media yang dikuasai oleh UMNO dan BN memadamkannya sama sekali. Yang Berhormat Tasek Gelugor harus tahu, saya ucapkan tahniah di atas kemenangan di Tasek Gelugor. Dia kena faham bahawa apa pun boleh disebut. Memang majoriti kerusi dimenangi oleh BN.

Akan tetapi tidak ada sesiapa yang boleh sangkal dengan segala penipuan dan tipu helah ini, Pakatan Rakyat memenangi 51% suara rakyat Malaysia. [*Tepuk*] Jadi, hormatlah sedikit kalau ia pun. Tidak apa. Sekarang kerusi dimenangi oleh BN tetapi jangan ketepikan 51% dalam keadaan penipuan. Bayangkan kalau kita ada ruang setengah jam di media, 24 jam kita diserang, difitnah, dimaki hamun, bagi ruang setengah jam di media yang kita minta. Tidak dapat, 10 minit, tidak dapat. Kalau adapun *pre-recorded*. Ikut Menteri Penerangan dahulu yang bakar jambatan. Jadi, ia disiarkan di tengah malam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Akan tetapi kalau diberikan 10 minit *live*, boleh. Tidak ada. *Electoral roll*, saya sebagai Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Tasek Gelugor tidak ada pada masa itu, Timbalan Yang di-Pertua ada. Bahawa dalam *electoral roll*, itu dibangkitkan dalam PAC, dalam mesyuarat ini, di Parlimen. Bukan sekarang, bukan selepas pilihan raya, sebelum pilihan raya kita bangkitkan satu persatu. Saya ada bukti di sini. Tan Sri Aziz, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya menyebut ada 60,000 nama berasal dari Sabah yang disebut dalam kategori *dubious*, yang masih samar. Akan tetapi dia kata tidak boleh buat apa sebab sudah dimasukkan dalam senarai undi, senarai *electoral roll*, daftar mengundi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempergesekan Mesyuarat]

Jadi, dia kata tidak boleh buat apa. Ini kita bangkitkan sebelum pilihan raya, bukan sesudah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Jadi, saya minta Yang Berhormat Tasek Gelugor faham masalah ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bangun]

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ramai bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat Shah Alam dahulu, selepas itu Yang Berhormat Ketereh.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan himpunan di Padang Merbok, saya rasa pada hari itu kadar indeks pencemaran udara adalah di bawah 200 dan pada ketika itu masalah pencemaran lebih di belah Selatan. Tindakan kami, saya rasa jauh lebih mesra rakyat beranding dengan tindakan yang dilakukan oleh pihak Barisan Nasional yang sehingga ke tahap mengugut untuk menurunkan tentera untuk menghalang berlakunya perhimpunan itu. Saya agak pelik dengan sikap Barisan Nasional yang kononnya begitu prihatin tentang kesihatan rakyat. Tidak hendak orang turun kerana kononnya jerebu tetapi pada ketika itu pun belum lagi tahap bahaya. Akan tetapi pada masa yang sama sanggup untuk mengugut hendak turunkan tentera untuk halang perhimpunan.

Adakah dengan adanya, turunnya tentera dan ugutan untuk bertindak keras dan kasar terhadap rakyat, maka ianya merupakan satu sikap yang prihatin akan kesihatan rakyat. Kalauumlah benar ianya merupakan satu permasalahan, saya rasa masalah jerebu ini sudah lama pihak kerajaan mengambil tindakan dengan mempunyai tindakan *in advance*, mendahului, kerana ini merupakan satu masalah yang kita hadapi setiap tahun. Akan tetapi kita lihat ianya berulang setiap tahun apabila tiba masanya untuk melakukan pembersihan kawasan dan sebagainya. Saya yakin bahawa sekiranya ianya merupakan satu masalah, bukan sekadar ianya

sepatutnya dimasukkan di dalam ucapan Titah Diraja malahan tindakan yang *pre-emptive*, sebelum peristiwa ini berlaku telah pun dapat dikesani dan diambil tindakan. Apa pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, kita harus ucapkan tahniah kepada rakyat. Pelbagai ugutan dan serangan oleh media, mereka masih berani dan ini rujuk juga kepada soalan awal Yang Berhormat Tasek Gelugor, ia belum tahap 300 yang dianggap agak berbahaya. Jadi, masih terkawal. Akan tetapi itu pun selesai awal dan saya ucapkan terima kasih kepada pasukan keselamatan kerana tidak mengganggu. Kalau pasukan keselamatan tidak ganggu, maka semua aman. Cuma kalau ganggu sahaja bergaduh. Yang Berhormat Pasir Salak tahu, sekarang menjadi Timbalan Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, saya hendak...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Itu yang pertama saya hendak sebut. Walaupun kami melahirkan rasa kesal sebab cara keesokannya pihak polis mengendali kes anak-anak muda itu agak kasar. Sepatutnya mereka lakukan cara yang dibuat pada hari pertama. Ini kerana keadaan terkawal dan semua perhimpunan walaupun ditegur oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pagi tadi. Dalam semua perhimpunan ini tidak ada satu pun insiden pergaduhan. Ini melibatkan kalau seluruh negara, ada jutaan orang, aman pun. Kalau tidak ada Pemuda UMNO atau Perkasa kacau, ia aman. Ya, Yang Berhormat Ketereh. Yang Berhormat Ketereh dahulu, kemudian Yang Berhormat Sepang.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Terima kasih Ketua Pembangkang. Saya ingin dapatkan penjelasan lanjut daripada Ketua Pembangkang yang membangkitkan soal keupayaan Pakatan Pembangkang meraih 51% undi popular. Bersetujukah Ketua Pembangkang kalau saya katakan Barisan Nasional mendapat 47% atau 48% atas nama satu parti, satu lambang, satu dasar. Sementara Pakatan Rakyat mendapat 51% tetapi masih tidak berani menggunakan satu lambang, bukan di bawah satu dasar, bukan di bawah satu parti.

■1610

*[Dewan riuh]*

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Confirm tidak tahu sejarah, tidak tahu fakta!/*Ketawa!*

**Seorang Ahli:** Ini sarkaskah apa Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, minta diam Yang Berhormat!

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat!

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Beginakah UMNO bangkitkan mayat semula masuk balik dalam Parlimen!

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Tiba-tiba panas punggung, saya belum habis. Saya belum habis.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Kita sudah pohon ROS tidak terima, apa boleh kita buat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, minta diam Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Ketua Pembangkang kata hendak beri peluang kerana kita hendak debat.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Veteran UMNO bawa balik. Mayat hidup semula!

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Tadi kata hendak minta masa untuk hendak debat. Sekarang ini kita *ready* hendak debat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Bukan debat!

*[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Janganlah bawa hujah bodohkan diri!

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Tiga lambang. Dasar pun tidak sama antara satu sama lain.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Hakikat tidak tahu!

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Soal undang-undang hudud pun tidak selaras satu sama lain.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tidak payah hendak bawa lain-lain, tengok fakta dahulu!

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Saya hendak tanya...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Jonker Street MCA apa pendirian? Sama tidak? Jonker Street MCA dan UMNO pendirian sama atau tidak?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Diamlah. Ini baru tidak tahu apa-apa.

[Dewan riuh]

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Jawab! Jangan takut!

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Apa baru lama?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Tidak payah begitu. Mayat hidup semua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat. Saya minta Ahli Yang Berhormat yang lain tidak campur. Habiskan Yang Berhormat Ketereh.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** [Menyapuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Yang Berhormat Ketereh sedang mencelah Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** DAP lawan, PKR lawan, PAS lawan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Tidak ada prinsip.

**Seorang Ahli:** Ahli Bebas.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Bebas itu orang yang lari. Kami tidak mahu orang yang lari.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Berapa ramai calon UMNO kena pecat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam. Ya Yang Berhormat Ketereh.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** 200 lebih? Ha!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, boleh ringkaskan Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Terima kasih Yang Berhormat. *Alhamdulillah*, nampaknya berjaya juga ya. [Ketawa] Sekali lagi saya minta supaya Ketua Pembangkang menghuraikan tentang mereka bertanding bukan atas satu parti. Mereka tidak berhak untuk mendabik dada kerana mereka tidak dapat sokongan atas dasar yang sama, parti yang sama, lambang yang sama. Tidak valid untuk mereka *claim* sebagai *popular vote*. [Tepuk]

Kedua saya hendak minta Ketua Pembangkang sebagai rakan yang lama berada dalam kerajaan apabila Yang Berhormat Permatang Pauh menyatakan

kerajaan yang ada pada hari ini tidak memberikan cukup waktu kepada pembangkang untuk bersama-sama dalam media milik kerajaan. Saya ingin bertanya kepada Ketua Pembangkang selama lebih daripada satu dekad Ketua Pembangkang berada dalam kerajaan berapa lamakah Ketua Pembangkang memberikan masa kepada pihak pembangkang dalam media-media milik kerajaan waktu Yang Berhormat berada dalam kerajaan dahulu?

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Cerita lama!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Soalan itu yang pertama soal pendaftaran Pakatan Rakyat. Bukti bagaimana seorang yang pernah menjawat jawatan tinggi bekas Menteri, maklumat yang diperolehi tentang perkembangan dalam negara ini hanya dari *Utusan Malaysia*. [Tepuk]

Dia langsung tidak ada maklumat bahawa lebih dari dua tahun setengah atau tiga tahun yang lalu Pakatan Rakyat telah mengemukakan kepada Pejabat Pendaftaran mahu daftar satu badan atau parti gabungan yang bernama Pakatan Rakyat yang tidak diluluskan sampai sekarang. [Tepuk]

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Sudah fahamkah?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ini yang dikatakan..

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** [Menyampuk]

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** ...Tuan Yang di-Pertua, yang dikatakan...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** [Bangun]

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Masih tidak puas hati lagi.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** ...*Political elit* yang *disconnect* dengan *stuck social reality*...

**Datuk Seri Reezal Marican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, mohon laluan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** ...Yang hidup dalam penjara terkepung sendiri. Dia baca yang itu, dia faham yang itu. Dia tidak tahu bahawa tiga kali surat dikemukakan kepada pendaftar termasuk bulan lalu kepada pendaftar pertubuhan mengapa tidak ada jawapan yang jelas permohonan tiga-tiga parti menubuhkan Pakatan Rakyat.

**Datuk Seri Reezal Marican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Permatang Pauh mohon laluan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tidak ada jawapan dan Yang Berhormat Ketereh bangun mengapa tidak pakai nama. Macam mana hendak pakai nama hendak ikut undang-undang siapa? Okey, itu soalan yang pertama.

**Datuk Seri Reezal Marican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Permatang Pauh mohon laluan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Laluan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ya, ya sudahlah. Saya jawablah pula.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya hanya sekadar hendak mengatakan bahawa walau apa sekalipun ianya tidak menafikan hakikat dan fakta BN hanya mendapat 47% undi. *[Tepuk]*

Dia hendak putar belit macam mana bolehlah hendak cuba putar belit. Kita ini banyak partilah, itulah, inilah. Hakikatnya BN 47% a *minority government*. *[Tepuk]* Sekiranya lambang yang sama diluluskan terlebih awal mana tahu kemungkinan, lagi banyak kita dapat, lagi kurang BN dapat. Itu di antara strategi yang digunakan untuk mengurangkan gambaran dan memberikan persepsi bahawa kononnya kita berpecah. Kita tidak berpecah. *[Tepuk]* Luluskan sekarang. Menteri ada.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Menteri tidak ada. Tidak apa.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Permatang Pauh sedikit sahaja.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Minta mencelah.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Sedikit sahaja Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Seri Reezal Marican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, mohon laluan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Macam mana pun kami dituduh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat yang lain minta duduk Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** ...Disabotaj dan dihina oleh pelbagai puak Barisan Nasional...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Oh, sedih.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** ...Kami telah mendapat mandat dan kepercayaan rakyat tahun 2008 dan *we repeated history* dengan izin 2013. Jadi, walaupun Barisan Nasional dengan lambang dacingnya satu yang dikongsi bersama oleh parti-parti komponen masih tidak dapat undi popular. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Ini bukan sistem undi popular.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, Jelutong minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Cuma sebagai satu penegasan kalau Barisan Nasional dia menang dia kata dia menang atas satu simbol, satu dasar dan juga satu parti, namun kalau kita banding dengan keputusan 2008, 140 kerusi dia menang. Akan tetapi kali ini dia hilang tujuh lagi. Jadi tinggal 133. Itu hakikat yang pertama. Apa yang mereka bawa balik adalah bangkai dan mayat yang hidup semula. *[Tepuk]*

Ada juga dalam Dewan ini, ada bekas Ahli Dewan Rakyat yang telah mengancam supaya *the Chinese Town Hall* di Kuala Lumpur dibakar dan mayat itu hidup semula di sini. Siapa? Kita tahu semua.

Jadi Yang Berhormat yang saya hormati Yang Berhormat Permatang Pauh biarlah kita tangani kes tentang jerebu. Janganlah jerebu politik yang telah mengaburi mata mereka. Itu sahaja.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Reezal Marican [Kepala Batas]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ada dua bangun lagi Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Dia hakikatnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

*[Dewan riuh]*

Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Hakikatnya...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi tahu...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Sedikit sahaja Yang Berhormat Permatang Pauh, setengah minit sahaja.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** ...Terutama Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu ini baru. Dengar Tuan Yang di-Pertua dahulu saya *have the floor*. Saya bagi laluan baru bercakap.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Setengah minit sahaja.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ini bukan Perhimpunan Pemuda UMNO.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Setengah minit sahaja, setengah minit.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ini bukan pemuda UMNO ini, ini Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, tolong tegur sekejap.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Setengah minit.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Saya mohon laluan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya bagi laluan dahulu baru boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat. Kena minta izin selalu kepada yang sedang berucap dahulu.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ha, minta izin dahulu, minta izin dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Permatang Pauh bagi laluan setengah minit.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ha, okey sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tapi insiden begini berlaku pagi tadi juga Yang Berhormat dari sebelah sini yang tidak minta izin untuk bercakap. Sila Yang Berhormat Kulim-Bandar baharu.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Kira apa pun, kira macam mana pun boleh tidak kita terima hakikat bahawa Barisan Nasional menang. Betul tidak? *[Tepuk]*

Ibarat kita tengok *game* badminton. Kalau Thomas Cup pertandingan antara negara dia tidak kira markah tiap-tiap set. Kalau main Malaysian Open barulah dia kira ikut set.

#### ■1620

Jadi kalau kita masuk pertandingan, kita dah kira siapa yang dapat majoriti daripada 222 ini akan menang, kita semua setuju tidak? Jadi apa hendak cerita, saya dapat undi lebih, saya dapat undi lebih ini, itu hakikat. Akan tetapi tetap kalah, hakikat betul tetapi kalah tetap kalah. Bila dah kalah, belajarlah terima, belajarlah terima, *gentlemen* lah. Ini tidak, bila buat Himpunan 505, Himpunan 505 ini Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk menyatakan bahawa pilihan raya tidak betul, tidak boleh diterima tetapi pada masa yang sama, Pulau Pinang tubuh kerajaan, dalam masa yang sama Selangor tubuh kerajaan, masa yang sama Kelantan tubuh kerajaan.

Soalannya, kalau hendak *challenge*, tidakkah kita, kalau kita hendak *challenge* pilihan raya, kita hanya boleh *challenge* ikut kawasan, ada undang-undang, ikutlah, habis cerita, *let's move forward*. Itu yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang tadi yang saya dari dulu, kini dan selamanya tetap menghormati, masih bos walaupun berbeza.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, saya minta laluan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih. Penting itu, saya ingat ini bola tanggung sebab dia kata badminton ialah *Thomas Cup*, tidak ada orang pertikai. Ini pilihan raya, '*one amal cup*'. Dialah *linesman*, dialah *referee*, Yang Berhormat Ketereh pakar bola, dia tahu. Sampai bergaduh-gaduh dengan FAM sebab apa, Yang Berhormat Ketereh mahu *rule difollow*. Jadi kalau bola *follow rule*, SPR tidak *follow rule*, kita bantahlah.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Ahli Yang Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Dari segi bola, saya hormat juga sahabat saya Yang Berhormat Ketereh ini sebab dia berprinsip, dia tidak mahu tolak ansur.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa [Ketereh]:** Tuan Yang di-Pertua, tak perlu cakap hal sukan sebab Ketua Pembangkang ini tidak reti sukan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Bila badminton ikut Thomas Cup, bila mari pilihan raya '*one amal cup*' memang *out* lah *referee* nya.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Wangsa Maju minta laluan.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Sebenarnya SPR ini tajuk lain, saya bincang tajuk jerebu. Boleh saya sambung Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Okey, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, tadi daripada Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu kata kalau tidak puas hati kita pergi mahkamah. Saya hendak beritahu kepada semua Ahli Parlimen termasuk daripada Kulim-Bandar Baharu bahawa Barisan Nasional juga failkan petisyen pilihan raya dan juga menyalahkan SPR. Jadi kalaulah kita kata pilihan raya ini tidak tipu, buat apa UMNO hendak failkan petisyen menyalahkan SPR dan melakukan penipuan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Sebab itu kita...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini menunjukkan bahawa...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Sebab itu kita ada mahkamah, bukan mahkamah di Padang Merbok, ada mahkamah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu menunjukkan bahawa UMNO juga sedar bahawa apa yang kita katakan, berlakunya penipuan dalam pilihan raya seperti gagalnya kita mengendalikan dakwat kekal itu adalah satu dakwaan yang memang ada fakta, kita tidak reka-reka.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Kita tidak demolah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kita terpaksa demo sebab kita tahu Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah dengar pun lalu mahkamah, dia hanya faham bahasa demo sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kepala Batas bangun Yang Berhormat, hendak bagi?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Jiran tu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Kepala Batas.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Terima kasih Ketua Pembangkang. Pertama sekali saya berterima kasih kerana kita boleh berbahas berasaskan fakta dan *al-haq*. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketereh bukan persoalan tentang permohonan Pakatan Rakyat sebagai parti yang hendak masuk dalam PRU-13. Kita persoalkan tentang soal undi popular yang sering

digunakan sebagai hujah untuk menyatakan bahawa Barisan Nasional ditolak oleh rakyat. Yang saya hendak nyata, kalau boleh kita dengar sebab kita hendak dengar juga jawapan daripada Ketua Pembangkang.

Barisan Nasional memang benar masuk sebagai sebuah parti tetapi Pakatan Rakyat masuk sebagai sebuah parti yang *fragmented, stand alone*, bukan *consolidated coalition*. Jadi sebab itulah berlaku pertembungan PKR dan PAS dalam banyak tempat. Damansara, Bukit Besi, Kota Putra, Seberang Takir, Panti, Labuan. Malahan bila ditanya kepada Yang Berhormat Marang, kenapa berlaku pertembungan, Yang Berhormat Marang yang juga Presiden PAS mengatakan mana mungkin kita menyokong calon PKR yang menjadi penjual kepada pil kuda. Ini menunjukkan bahawa sememangnya kemasukan parti ataupun Pakatan Rakyat dalam bentuk yang *fragmented*. Maka sebab itulah kalau hendak diambil perkiraan populariti mengikut dimensi yang sedikit berbeza, Ketua Pembangkang. Kalau kita ambil secara *stand alone*, UMNO bertanding 120 *seat*, menang 88, bererti UMNO kalah 33 *seat*. PAS bertanding 73, menang 21, kalah 56 *seat*. DAP bertanding...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Apa soalan ini?

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** 51, sebentar-sebentar.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Giliran dia bercakap, dia ulaslah. Ini kalau dia hendak tanya penjelasan, saya bagi, kalau hendak bagi ucapan, tunggu giliranlah.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Peraturan ini kadang-kadang orang baru tidak berapa faham.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Saya faham.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Kalau faham peraturan, boleh mencelah, tanya soalan, bagi sesuatu pandangan, kalau nak bagi ucapan, tunggu giliran.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Menang 38, kalah 13. Saya hendak tambah sedikit, sedikit lagi Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Kalau benarlah di pentas ini, kita sanggup hendak mendengar benda yang bersifat *al-haq* dan benar.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Okey, tipu pilihan raya pun *haq* juga, susah. Baik Tuan Yang di-Pertua, soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepala Batas ialah pertama yang saya jawab Yang Berhormat Ketereh

betul, kita buat permohonan tidak dijawab, tidak ditolak tetapi tidak dijawab oleh pendaftar pertubuhan. Itu fakta dan kita ada rekod dan sebagainya walaupun tidak dilapor dalam TV3. Jadi Yang Berhormat Ketereh tidak pernah ikutilah.

Soal kedua ialah soal undi majoriti. Kenyataannya bagilah alasan apa seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Shah Alam, undi majoriti diperolehi oleh Pakatan Rakyat. Kata tidak sama, tidak betul, satu manifesto untuk satu negara dan di semua kawasan, ada satu dua, saya akui, itu akan diperbaiki. Satu dua kawasan yang ada pertindihan tetapi semua kawasan, kawasan yang ditandingi PAS ...

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Tujuh-tujuh kawasan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** ...Semua DAP, Keadilan dan PAS kerjasama. Kawasan ditandingi oleh DAP pun semangat yang sama. Jadi bagi rakyat pertembungannya itu adalah di antara BN dan Pakatan Rakyat. Baik, saudara mendabik dada, kami menang, kami banyak kerusi, dengarlah hujah, tipunya di mana. Bagaimana hendak jawab bila Pengerusi SPR mengatakan ada 60,000 dari Sabah sahaja *dubious*. *Dubious* ini maknanya yang masih samar pertikai dan masuk dalam *electoral roll*. Bagaimana hendak jawab bila undi pos yang kita keluarkan, nama daripada senarai SPR, saya cakap fasal jerebu tetapi oleh kerana ditanya, yang menunjukkan nama *nationality* Bangladesh, *nationality* India tetapi undi pos bawah kategori tentera dan polis. Ini rekod yang dikemukakan, ini tidak boleh *didefend*, SPR tidak boleh jawab. Jadi ini yang kita katakan penipuan yang nyata yang berlaku. Kalau dikatakan ini tidak menjaskan undi dan sebagainya, tidak apa, kita boleh terima, tetapi hendak menafikan penipuan, tidak betul.

Saya hendak terus dengan jerebu dulu Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Wangsa Maju bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Yang akhir sebelum saya ubah.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini tentang soal *game* badminton dan juga sikap peranan SPR. Dua tahun dahulu, saya dan Ahli Yang Berhormat Batu hadir satu taklimat Bersih di PJ. Di depan para wartawan, Datuk Wan Ahmad, Timbalan Pengerusi SPR diminta apakah peranan SPR Thailand, India berbanding dengan Malaysia dan saya masih boleh ingat jawapan Datuk Wan Ahmad.

Dia kata peranan SPR Thailand bagus, peranan India bagus dan peranan SPR Malaysia, saya minta izin jawab dalam bahasa Inggeris “*SPR Malaysia, we just do what the BN government wants us to do*”. *Thank you. [Tepuk]*

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Fuh! Dahsyat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ya, itu sahaja dan beberapa kenyataan lain. Saya tidak mahu rujuk, hanya khusus kepada kenyataan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju. Baiklah, kenyataan-kenyataan yang umpamanya *hypocritical*. Tidak boleh.

Sebagai ahli suruhanjaya, tidak setuju bagaimanapun dia bukan orang politik. Dia kena jawab berdasarkan fakta tetapi dia jawab begitu ‘*combative*’ seolah-olah dia itu mewakili parti. Ini masalahnya, dia tidak tahu. Bagi saya, tidak layak, tidak ada kewibawaan untuk dipertahankan sebagai ahli SPR. Oleh sebab itulah secara konsisten kami tuntut pengurus, timbalan dan ahli-ahli suruhanjaya letak jawatan kerana gagal. *[Tepuk]*

Baik, soal jerebu ini saya ucapkan terima kasih kerana Perdana Menteri dan Menteri-menteri berkenaan telah pun isytiharkan darurat bencana jerebu mulai di Muar dan Ledang apabila IPU mencecah 746. Kemudian, dalam portal Jabatan Alam Sekitar, Muar catat 507. Dari segi media internasional dengan laporan itu tentunya menjelaskan kepentingan dan kedudukan negara kita. Maka, langkah-langkah harus diambil segera.

Mengapa saya tegur kelemahan memasukkan dalam Titah Diraja menunjukkan tidak ada *sense of urgency in dealing with an emergency*. Jadi, kalau ada darurat pun tidak ada *urgency*. Jadi, kita bimbang perkara ini dan perkara ini bukan baru sebab saya masih ingat bila jerebu parah di tahun 1997, beberapa langkah diambil. Sekarang pun nampak di peringkat negara dan juga peringkat internasional. Keputusan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk meminta supaya beberapa sekolah ditutup melainkan kawasan-kawasan yang dianggap selamat. Akan tetapi...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, pohon...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Kebimbangan kita ialah umpamanya kita beri contoh macam IPU di Klang catat 461 pada waktu 6 petang, 26 Jun. Jadi, sekolah ditutup. Akan tetapi masalah tentang rakyat terutama kalangan berpendapatan rendah, diminta bekerja seperti biasa tanpa apa-apa kemudahan. Itu

kita anggap kerajaan harus memberi perhatian kerana nampak ada kesenjangan tentang masalah yang dihadapi oleh mereka.

Yang lain ialah soal supaya lebih telus, apakah isytihar darurat jerebu itu automatik apabila IPU mencecah 500 atau tidak, seperti mana pernah diumumkan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi. Jadi, garis panduan kalau jelas maka ia akan membantu rakyat dan juga pegawai awam dan swasta mengendalikan perkara ini. Ada langkah-langkah lain yang harus diambil termasuk peringkat *regional*. Saya ikuti penjelasan dibuat oleh Presiden S.B. Yudhoyono yang memohon maaf atas perkara yang berlaku kerana kebakaran banyak berpunca dari kawasan...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, sebelum...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** ...Sumatera tetapi saya ingat Kerajaan Malaysia sementara itu harus ambil langkah tempatan, domestik dan juga mengenal pasti syarikat-syarikat yang berpangkalan dari Malaysia yang terlibat dalam kebakaran. Kalau tidak, ia jadi saling salah menyalahkan. Kita kena kenal pasti syarikat mana yang terlibat dan mereka harus dipertanggungjawabkan. Yang Berhormat Kuantan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Kita ada satu pelan. Pelan Tindakan Menangani Jerebu Kebangsaan. Akan tetapi, pelan ini tidak diberi maklum kepada umum. Malah Ahli Parlimen pun tidak dapat tengok Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan ini. Hanya MKN bertanggungjawab terhadap menghadapi bencana seperti jerebu. Satu garis panduan dikeluarkan pada 24 Jun iaitu seminggu selepas bermulanya bencana.

Pada ketika itu, Indeks Pencemaran Udara (IPU) mencatatkan 760 di Muar. Jadi, Yang Berhormat Permatang Pauh... dan pada ketika itu juga *website* Jabatan Alam Sekitar *down*. Orang ramai tidak boleh tengok pun bagaimana bacaan dan apa yang harus dibuat. Kementerian Penerangan, TV, radio, surat khabar, tidak beritahu apa hendak buat. Pelajar-pelajar pergi ke sekolah di Muar pada hari Jumaat. Pada ketika itu bacaan IPU ialah 500.

Sedangkan dalam garis panduan Tindakan Menghadapi Darurat Bencana Jerebu yang dikeluarkan pada 24 Jun memberi garis panduan yang jelas. Kalau 100 apa dia, 200 apa hendak buat, 300 sekolah tutup. Jabatan-jabatan kritikal sahaja yang tidak boleh ditutup dan sebagainya. Akan tetapi itu semua tidak diikuti dan kemudian hendak umum sekolah tutup pula seharusnya Menteri Pendidikan tetapi Menteri

Kesihatan pula yang umum. Jadi, macam cacamarba betul sistem ini sedangkan jerebu ini berlaku tiap-tiap tahun.

Macam *haywire* dengan izin, tidak ada langsung sistem SOP. Ada SOP tetapi tidak ikut. Jadi, ini persoalan yang saya hendak dengar Yang Berhormat Permatang Pauh, macam mana kita *run the country* macam ini?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Saya difahamkan dari peringkat Kabinet ada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara. Sepatutnya mereka bertindak segera supaya ada penyelarasan. Umpamanya Menteri Alam Sekitar tidak payah banyak bicara soal panda tetapi tumpu soal alam sekitar dalam keadaan begitu. Akan tetapi dia punya tumpuan, jadi media pun besarkan soal panda dari negara China bukan masalah ini. Kalau panda itu dibawa sekarang pun tidak boleh hidup dengan cuaca yang ada sekarang.

Akan tetapi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuantan itu tepat kerana saya lihat dan saya tidak pertikai dan bersetuju dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara kerana mereka menyenaraikan langkah-langkah yang agak terperinci, yang melibatkan banyak kementerian dan jabatan peringkat nasional dan juga menyebut tentang langkah-langkah yang diambil oleh Menteri-menteri Alam Sekitar, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sejak tahun 2002 langkah-langkah ini diambil di peringkat negara dan juga peringkat ASEAN. Akan tetapi malangnya, seperti mana yang kita tahu dalam kes ini ada kesamaran dan tidak ada ketegasan di dalam mengendalikan. Tentunya kelemahan paling besar manakala dalam Titah Tuanku pun tidak dimasukkan. Maknanya nyata tidak ada *sense urgency* dalam menghadapi isu ini.

Jadi, kita harap kerana ini menyentuh keselamatan, Pakatan Rakyat akan memberikan kerjasama yang perlu, menyokong langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan segera untuk menangani masalah ini kerana ini melibatkan masalah kesihatan dan keselamatan rakyat. Cuma, satu hal yang memerlukan ketegasan negara berhubung dengan berlaku secara terus menerus kebakaran meluas di Kalimantan dan kini di Sumatera.

Walaupun Presiden S.B. Yudhoyono memberikan kenyataan memohon maaf tetapi ini bukan satu penyelesaian kerana ia berlaku secara besar dari tahun 1997 sampai sekarang, walaupun tidak tiap tahun dalam kadar dan bahaya yang sama. Saya mengesyorkan supaya kerajaan khususnya peringkat Perdana Menteri untuk bersedia memberikan pandangan dan secara tegas mengendalikan masalah ini. Akan

tetapi bermula dengan ketegasan kita dalam menentukan syarikat-syarikat besar dari Malaysia juga tidak terlibat seperti mana dituduh sekiranya benar.

Ada dalam media UMNO diusul, dia kata oleh kerana saya diundang bertemu dengan Presiden S.B. Yudhoyono, patut sayalah pergi jumpa. Saya belum jadi Perdana Menteri. Sebaik-baiknya Perdana Menteri sekarang lah pergi. Media UMNO suruh saya pula.

■1640

Baik, saya hendak merujuk sekarang ini Tuan Yang di-Pertua ialah soal SPR tadi dan ini saya hendak minta kesabaran Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk rakan-rakan dari Barisan Nasional untuk mendengar kerana ini yang kita sendiri menjawab tohmahan yang menyatakan mana ada bukti orang asing seperti yang disebut oleh Perdana Menteri.

Pengerusi SPR dalam kenyataan kepada awam mengatakan dari Sabah sahaja, dari lebih 100,000, 60,000 itu ialah angka yang masih dipertikai. Dia guna istilah dalam bahasa Inggeris tetapi masuk dalam *electoral roll*. Jadi bagaimana SPR boleh mengesahkan senarai yang dianggap samar atau tidak boleh dipertahankan. Ini rekodnya ada dan kita siapkan supaya dibentangkan kepada SPR secara *procedural*. Siapa tidak percaya sudah SPR ini kerana kita sudah bagi bertahun. *Parliamentary Select Committee* yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri pada masa itu Yang Berhormat Maximus Ongkili dengan jawatankuasa yang juga diwakili oleh Pakatan Rakyat. Kita bagi kerjasama penuh.

**Tuan Ignatius Dorrel Leiking [Penampang]:** [Bangun]

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Akan tetapi apa yang berlaku ialah cadangan Bersih ditolak, cadangan PSC yang diterima besar yang menjadi suatu kebanggaan SPR ialah dakwat kekal pun tipu besar. Bayangkan anak Tingkatan Lima mampu membezakan di antara dakwat kekal dengan dakwat biru. Akan tetapi SPR tidak mampu buat begitu kerana niat mereka hendak menipu dari awal. Inilah sebabnya mengapa kita katakan, kita rujuk balik kepada PSC...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Yang bersidang di sini dan diluluskan oleh Parlimen.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak membangkitkan tentang dakwat kekal sebab saya baru mendapat jawapan daripada SPR. Saya tanya kepada SPR dan kepada Perdana Menteri untuk menjawab kos untuk penggunaan dakwat kekal dan siapakah pembekal dakwat kekal tersebut.

Jawapan yang saya baru terima tadi ialah belanja sebanyak RM7.1 juta untuk dakwat kekal. Saya tanya siapa pembekal dia? Jawapan yang diberikan ialah "Pada masa ini, SPR tidak bercadang untuk memaklumkan maklumat pembekal dakwat kekal kepada umum atas sebab keselamatan." Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh, adakah dakwat kekal ini lebih bahaya daripada C4 sehingga pembekalnya tidak boleh diberitahu kepada orang ramai atau kepada rakyat Malaysia. Apa pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ya, Yang Berhormat Seremban. Ini maknanya percanggahan di antara apa yang diuar-uarkan sebagai satu dasar dengan kenyataannya. Tidak telus. Apa masalahnya? Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional tidak semua setuju dengan jawapan itu. Saya boleh tengok Yang Berhormat Pasir Salak geleng kepala, terkejut dengan jawapan SPR. Ada munasabah. Setelah pilihan raya, dia jadi isu besar di peringkat dalam negara dan luar negara. Kemudian tanya siapa pembekal, rahsia.

**Tuan Ignatius Dorrel Leiking [Penampang]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Oleh sebab itu kita pertahankan bahawa daripada awal memang niat mereka tidak menggunakan dakwat kekal kerana ini bukan satu perkara yang sukar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ada Yang Berhormat yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Ignatius Dorrel Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, boleh minta izin? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menambah sedikit yang telah diulas oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Dalam siasatan Diraja Malaysia (RCI) di Sabah, bukti-bukti sudah didedahkan bahawa pendatang tanpa izin ini telah menjadi warganegara dan telah mengundi dalam beberapa pilihan raya. Soalan kepada Yang Berhormat Permatang Pauh ialah apakah cadangan yang Yang Berhormat ingin membawa kepada kerajaan berkenaan dengan penyelesaian bukti-bukti yang sudah didedahkan oleh saksi-saksi yang mengaku telah menjadi warganegara Malaysia dan telah mengundi dalam pilihan raya yang telah diadakan yang lepas. Terima kasih.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat dari Penampang dan saya percaya Tuan Yang di-Pertua dari Beluran lebih maklum tentang perjalanan RCI. Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengikuti secara terperinci, secara halus perjalanan RCI Sabah yang tertangguh itu akan tahu bahawa ramai yang diberikan kewarganegaraan itu telah diberikan dengan proses penipuan

dan ini disahkan dalam saksi, di rekod dalam perjalanan RCI. Oleh sebab itulah ditangguhkan dan diberi pengakuan tidak ada tindakan diambil untuk membetulkan senarai. Saya fikir mungkin setelah kenyataan itulah mengapa Pengerusi SPR mengatakan tentang kelemahan dan kejanggalan dalam nama-nama yang dimasukkan.

Tentunya dalam proses pilihan raya, bukan tanggungjawab kita untuk membetulkan. Tanggungjawab SPR untuk membersihkan. *Fundamental rule* dalam mana-mana proses pilihan raya ialah untuk ada *electoral list*, senarai daftar pengundi yang sah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]**

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: [Bangun]**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ini daripada awal dipertikaikan. Oleh sebab itulah maka bila laporan PSC dikemukakan di Parlimen yang juga diwakili oleh Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Gombak dan Yang Berhormat Kuala Krai, kita mengemukakan *minority report*. *Minority report* itu memberikan angka-angka yang perlu dan ini saya hendak sebut sekali lagi enam bulan sebelum pilihan raya. Tidak ada sebab mengapa perkara ini, SPR mengatakan mereka tidak tahu. Saya tidak katakan semua senarai tidak betul. Saya juga tidak mengatakan semua langkah-langkah yang diambil dalam pilihan raya tidak benar. Akan tetapi perkara yang asas ialah senarai daftar pengundi.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada pada ketika itu dengar. Saya masih ingat pada masa itu Ahli Yang Berhormat Sri Gading bila saya baca senarai itu, dia kata Yang Berhormat Permatang, dari senarai mana ini nama-nama yang tidak betul dibaca ini, yang bercanggah? Bila saya sebut dari senarai SPR, dia pun terus duduk kerana dia ingat senarai itu saya ambil daripada senarai lain. Saya tunjuk daripada senarai SPR dan dia tidak membantah selepas itu. Oleh sebab itu, setelah laporan PSC, apa yang dikatakan dalam kenyataan rasmi Bersih, dengan izin. Ini sebelum pembubaran Parlimen yang lalu. Apa yang disebut? '*It is highly likely that the electoral fraud in other irregularities that are currently being perpetrated in Malaysia and which has been and continue to be the concern of decent fair-minded and peace loving-Malaysians will continue unabated*'.

Sebelum Yang Berhormat Pokok Sena, saya hendak sebut inilah yang menyebabkan media dalam negara dan *international* laporkan. Jadi bila saya diserang oleh kerana setelah diundang oleh Presiden Republik Indonesia, S.B. Yudhoyono yang mendengar dan meminta saya berikan penjelasan. Mengapa saya hendak diserang?

Saya diundang, dijadikan tetamu kemudian ditanya bagaimana tohmahan tentang kecurangan besar *pemilu* pilihan raya Malaysia, maka saya keluarkan *petition* yang dikemukakan dalam mahkamah dan juga laporan PSC sebelum itu Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak bawa laporan yang bercanggah. Ini adalah laporan PSC yang diluluskan oleh Parlimen, *majority report and minority report*. Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya merujuk balik kepada isu dakwat kekal yang tidak kekal ini. SPR buat lawak bodoh bila isu pengundi awal membuat laporan, mereka membuat pendedahan mengatakan dakwat itu tidak kekal. Dia kata kerani itu tidak goncang. Macam hendak minum ubat batuk Cap Ibu dan Anak, hendak kena goncang dahulu. Hendak kena goncang dahulu. Akhirnya apabila kita desak, kita dedah dan sebagainya, dia mengaku dia rasa sedih. Mengakui bahawa ada kelemahan, ada kekecewaannya, ada kelemahan isu berkaitan dengan dakwat kekal.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Akan tetapi isu yang saya hendak bangkit ialah ada kes berlaku dalam Kementerian Pertahanan iaitu seorang mejar tentera bernama Mejar Zaidi bin Ahmad daripada Pulau Pinang, dia antara orang yang awal membuat laporan polis berkaitan dengan dakwat kekal yang tidak kekal sewaktu beliau membuang undi. Dia ditukar ke Kuala Lumpur, kemudian ditukar balik sekarang ini ke Butterworth. Dia diberikan ugutan akan diambil tindakan atas undang-undang atau akta yang berkaitan dengan Undang-undang Akta Angkatan Tentera. Jadi isunya Tuan Yang di-Pertua ialah bagaimana tidak ada kebebasan hatta kepada sama ada orang awam ataupun kepada pegawai tentera.

## ■1650

Dia hendakkan mengundi sebagai orang yang bebas dan memberikan undi yang terbaik untuk rakyat kerana isu dakwat kekal itu...

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Dia menipu saja tu.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ialah isu yang fundamental, yang pokok untuk menjamin pilihan raya bersih. Sekarang pilihan raya tidak bersih, orang yang membuat laporan pula akan dikenakan tindakan disiplin.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pandan bangun Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Pandan minta izin laluan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada pendedahan yang dibuat oleh Yang Berhormat Seremban sebentar tadi mengenai jawapan yang diberikan oleh SPR mengenai kontraktor pembekal yang setakat ini masih dirahsiakan. Saya hendak maklumkan kepada Dewan tetapi yang lebih penting kepada Datuk Wan Ahmad di luar bahawa oleh kerana kita sudah agak mereka akan cuba menyembunyikan identiti pembekal ini, kita sudah pun belek-belek dan siasat sebelum itu. Saya hendak sebut kepada Yang Berhormat Permatang Pauh bahawa kita tahu tender itu diberikan secara rundingan terus. Tender itu juga diberikan kepada sebuah syarikat milik seorang yang berasal daripada Singapura. Saya juga boleh sebut bahawa syarikat yang mendapat tender itu oleh kerana tidak ada pengalaman dan oleh kerana tidak ada modal sebanyak RM7 juta itu, saya dimaklumkan telah pun berjumpa dengan seorang lagi ahli perniagaan dari Kampung Baru untuk meminjam RM7 juta itu.

Jadi saya hendak sebut kepada SPR, jangan tunggu lama-lama, nanti kita dedah. Soal pembekal dakwat kekal ini adalah soal yang cukup penting kerana dakwat kekal telah menyebabkan seluruh sistem pilihan raya kita dijadikan bahan lawak jenaka.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** *[Bangun]*

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Sedangkan mengikut perlembagaan, saya rujuk artikel 114, perkara 2 bahawa dalam soal melantik Suruhanjaya Pilihan Raya, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong hendaklah mengambil kira soal melantik SPR yang boleh mengekalkan keyakinan rakyat. Apabila ada SPR yang tidak boleh mengendalikan dakwat kekal sehingga hilang kepercayaan rakyat terhadap sistem pilihan raya kita, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Bersetujukah Yang Berhormat Permatang Pauh terutamanya selepas beribus ribu laporan telah dibuat terhadap kegagalan SPR itu, bersetujukah Yang Berhormat Permatang Pauh supaya kita pastikan kesemua ahli SPR yang ada sekarang ini terus ditekan untuk meletak jawatan. *[Tepuk]*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, sedikit sahaja.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Boleh, boleh. Saya akan benarkan tetapi biar saya jawab juga Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Pandan dahulu mengenai isu dakwat kekal ini.

Pertamanya, sudah diakui oleh Pengerusi SPR memang ada kelemahan. Kita tambah penipuan. Mustahil di Malaysia tahun 2013 tidak reti hendak beli dakwat kekal melainkan tujuannya dari awal ialah untuk menipu dengan muslihat untuk membantu satu pihak.

Keduanya, kita tahu bahawa pengakuan dakwat kekal ini, pengakuan SPR dan Menteri dalam Parlimen.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** *[Bangun]*

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Jadi Ahli Parlimen patut merasa bertanggungjawab memastikan apa yang diperakui itu dilaksanakan dengan baik dan tidak di sebaliknya.

Ketiganya, oleh Yang Berhormat Pokok Sena bermalah...

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Saya hendak minta penjelasan.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya akan bagi selepas ini. Yang Berhormat Pokok Sena bangkitkan masalah sekarang ini ialah mengugut orang yang bagi bukti. Sebenarnya tidak perlu lagi bukti utama. Saya menonton umpamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan isteri selepas mengundi semua dengan bangga tunjuk tangan. Selepas itu bila diisyiharkan menang, baca doa semua hitam sudah tidak ada. Jadi tidak perlu rakyat beri penjelasan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan isteri pun tidak ada kesan hitam itu kerana apabila difokus jari mereka memohon doa selepas diisyiharkan kemenangan oleh SPR malam itu, memang tidak ada, tidak kekal. Dia tahu. Jadi kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam isu dakwat kekal pun sah akan pastikan ada penjelasan yang teliti oleh SPR. Mereka gagal berbuat demikian jadi mesti tuntut mereka bertanggungjawab dan meletakkan jawatan melainkan ada muslihat bersama '*'gua tolong lu, lu tolong gua'*'.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Boleh minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat Pandan menyebut tentang... Pasal tindakan yang disebut oleh Yang Berhormat Pokok Sena ya, ugutan mengambil tindakan kepada pegawai tentera. Saya mahu penjelasan dan jawapan langsung dari Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Apakah wajar tindakan diambil kepada seorang pegawai tentera semata-mata kerana bercakap benar. Dia tidak ada unsur politik. Dia kata saya diberi pengakuan dakwat kekal tetapi tidak kekal

sekarang dan prosesnya ialah membuat laporan kepada polis. Malangnya ini telah menyebabkan beliau di bawah pengawasan untuk tindakan diambil oleh pihak tentera.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Ketua Pembangkang boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya jelaskan Yang Berhormat Pandan tadi ya. Bila Yang Berhormat Pandan sebut, saya hendak bagi ingatan ya. Lebih baik SPR jawab segera. Kalau tidak nasib jadi NFC lembu. Ini lebih payah dari lembu. Lembu punya kes itu bila kita serah pada Yang Berhormat Pandan, dia bongkar keluar cerita lembu sehingga Menteri bersara.

Kes syarikat Singapura tiada modal dengan pinjaman daripada orang Kampung Baru, ini adalah maklumat kita. Cuma kita hendak tengok apakah telus yang diberi pengakuan oleh Yang Berhormat Pekan. Kemudian ketelusan yang kemudian disebut dalam Titah Diraja itu berlaku di dalam kes yang sangat penting iaitu di dalam pengendalian pilihan raya.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat boleh? Pendek sahaja Yang Berhormat.

Yang Berhormat, mungkin kita setujulah mungkin ada kelemahan di dalam dakwat kekal yang tidak kekal tetapi Yang Berhormat mengatakan dengan dakwat tidak kekal boleh berlaku penipuan. Akan tetapi adakah bukti yang menunjukkan ada pengundi yang mengundi dua kali disebabkan dakwat tidak kekal? Ini saya minta penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Tambahan sedikit boleh?

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Jadi saya minta bukti. Adakah bukti mana-mana pengundi yang tertangkap yang telah mengundi dua kali? Terima kasih.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Ketua Pembangkang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada jawapan yang diberikan oleh kerajaan kepada Yang Berhormat Segambut dalam menjawab mengenai kandungan kimia di dalam dakwat kekal. Seperti yang saya baca dalam laporan, kata Menteri yang berkenaan tidak ada bahan kimia di dalam dakwat kekal itu tetapi *food coloring*, dengan izin. Pewarna makanan. Jadi kalau ini betul ini sudah satu

jawapan yang kelam kabut ya. Saya ada satu jawapan yang diberikan hari ini. Untuk makluman yang diberikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri tetapi jawapan ini diberikan oleh SPR sendiri.

Dia mengatakan bahawa mengambil maklum akan pengalaman Kementerian Kesihatan dalam menggunakan *silver nitrate* untuk rawatan penyakit kulit tanpa memudaratkan pesakit adalah sekitar 0.5% hingga 1%. Atas dasar mengutamakan keselamatan pengundi yang pertama kali menggunakan dakwat kekal, SPR mengambil pendekatan melalui prinsip penggunaan bahan kimia pada paras terendah seterusnya memutuskan kandungan *silver nitrate* 1% bagi penggunaan dakwat kekal yang pertama kali diperkenalkan. Ini bukan *food coloring* Tuan Yang di-Pertua. Ini kimia dan jawapan Menteri ini bercanggah. Ini soalan yang sama. Saya terkejut Yang Berhormat Permatang Pauh, dalam TV apabila Penggerusi SPR berkata *silver nitrate* ini boleh menyebabkan kanser kulit, boleh menyebabkan sakit buah pinggang. Hanya mencalit hujung jari, sekali, satu *event*, takkanlah kita boleh ditipu dengan maklumat sedemikian. Sampai hari ini bercanggah dengan Kementerian Kesihatan.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh mengenai kekeliruan yang sengaja ditimbulkan ini. Ini jelas kekeliruan.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, sedikit sahaja.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, Bukit Gantang, Bukit Gantang.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuantan. Yang lain duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Kuantan.

**Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]:** Terima kasih. Berkenaan dengan dakwat kekal Yang Berhormat Permatang Pauh, ada satu laporan polis dibuat di IPD Kuantan berkenaan dengan seorang pengundi yang mengundi di Sekolah Sungai Isap yang pergi mengundi pada pukul 10 pagi kemudian balik ke rumah, basuh tangannya dan mendapati dakwat kekal itu hilang.

## ■1700

Tidak puas hati, anak muda yang bernama Fadli ini pergi semula untuk menguji sama ada bolehkah tidak beliau mengundi kali kedua. Beliau pergi pada pukul 1 tengah hari dan beliau dibenarkan masuk di saluran yang sama untuk mengundi dan diberikan kertas undi lagi sekali. Jadi SPR menjawab tidak mungkin perkara ini berlaku kerana SPR mengatakan bahawa tentu sekali nama telah dipotong.

Apabila kita membuat kajian, kita dapat bahawa SPR telah pun mengeluarkan satu garis panduan dua hari sebelum mengundi dan tidak pun diuar-uarkan, tidak dipanggil kepada calon, tidak dipanggil wakil calon iaitu garis panduan itu untuk membenarkan saluran tambahan dibuka di dalam saluran. Maksudnya ada *envelop* tambahan di mana ketua pusat mengundi boleh membuka saluran tambahan dalam saluran.

Jadi dalam buku itu ada daftar pemilih baru yang tidak bertanda. Maka ada dua kerani yang memegang buku daftar pemilih. Jadi itu yang berlaku apabila ketua pusat mengundi menyebut nama. Ini bab, ini bab...

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Bolehlah kita komen sikit ini.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Dengar, ini ada laporan polis.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Ya, *dok* cerita lama, bohong sahaja.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ini ada laporan polis yang dilakukan.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Soalan-soalan. [*Dewan riuh*]

**Beberapa Ahli:[Menyampuk] [Dewan riuh]**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Dengar dulu. *Check* balik dengan SPR sama ada garis panduan itu telah dikeluarkan atau tidak. Memang garis panduan itu telah dikeluarkan Tuan Yang di-Pertua dan memang perkara itu berlaku.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Dia reka itu.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kali kedua apabila kita *check* balik dengan *polling agent*, memang kita dapati ada dua kali bertanda. Jadi adakah Permatang Pauh merasakan ini satu rencana SPR untuk membolehkan dengan dakwat kekal itu hilang kemudian membolehkan ia untuk mengundi dua kali.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Ya Permatang Pauh, sikit saja, tanya soalan sikit saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Padang Besar.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Pertama sekali ini, ada mengatakan bahawa SPR menghantar surat tidak tahu pembekal siapa. Kalau boleh bukan apa. Saya ini macam ini, dalam Permatang Pauh kata tadi tentang BN menipu, kita pun rasa pembangkang ini menipu juga ini. Jadi pertama sekali, tentang siapa pembekal SPR yang hantar surat itu. Sila bagikan nama. Jangan cerita saja SPR surat, pembekal tidak tahu siapa yang sain surat itu. Jadi kita pun hendak tahu bukti.

Yang keduanya saya hairan kenapa tidak ada calon di sini pun yang rasa dakwat kekal itu menipu. Tidak akan boleh tukar pula. Saya pergi mengundi, okey dakwat kekal lain lepas itu orang lain mengundi dakwat kekal lain. Kalau kata Ketua Pembangkang adalah salah seorang yang tipu, dapat tangkap. Kita semua bertanding pilihan raya. Tidak akan kita tidak tahu orang tipu. Kita pergi mengundi dan kita pun dakwat kekal. Tiba-tiba Zaidi tu pula tahu seorang sahaja dan membuat laporan. Benda tidak logik, ini tidak logik. Kalau calon itu sendiri yang tadi yang cakap, saya pergi dakwat tidak betul, hah! betul lah tu. Saya sendiri pun kalau kata saya kata pergi mengundi dakwat kekal tidak betul. Tidak akan kita pergi mengundi lain. Semua kawasan sama ada bertanding pembangkang.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Pandan pohon, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Semua kawasan pembangkang ada bertanding. Tidak akan hendak tukar dakwat. Pengundi lain, calon lain, tidak betul. Akan tetapi kalau tuan-tuan dapat tangkap yang dakwat kekal itu tipu, saya boleh percaya. Ini tipu lagi, kata kita menipu. Ingat senang menipu ini adalah pembangkang.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Pandan, pohon...

**]Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Permatang Pauh sikit saja Permatang Pauh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, soal tadi dibangkit Tanah Merah tanya dan Kuantan sudah bagi nama pun, Fadli di Sungai Isap undi dua kali, dijawab. Tapi soal saya hendak sebut di sini yang Kangar kata itu betul. Saya tidak kata semua orang ditipu, tidak. Soalnya Parlimen, Menteri, PSC, SPR bagi pengakuan diluluskan di Parlimen, dakwat kekal. Kalau hendak buang kena kerat jari baru hilang kata Datuk Wan Ahmad. Itu kita punya *point*. Saya setuju dengan Kangar. Saya tidak kata semua dakwat lain-lain, tidak! tidak timbul. Dakwat mungkin sama, syarikat yang sama tapi memang boleh basuh. Berbeza daripada jaminan yang diberi oleh Parlimen dan juga oleh SPR. Itu saja. Kalau itu pun tidak dapat dilaksanakan, ia menyebabkan orang pertikai.

Sebab mengapa diperkenalkan dakwat kekal? Ia dibahaskan di sini sebabnya ialah untuk mengelak bahaya mengundi dua kali. Ini dilakukan di India, di Turki, Indonesia, banyak negara dan tidak ada masalah. India pun pandai beli dakwat kekal, akan tetapi Malaysia tidak boleh, itu isu dia. Apabila dibangkitkan ada tidak bukti tanggungjawab ini tanggungjawab SPR. Kebetulan Yang Berhormat Kuantan ada

laporan polis berkaitan dengan seorang yang undi dua kali. *It is on record.* Maknanya kalau ia mungkin bagi satu orang, dia ada kelemahan besar dalam sistem itu. Itu yang dibangkitkan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Pandan mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Kulim sikit saja.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Pohon beri laluan, izin laluan, Pandan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Pandan, Pandan sebab dia buat kajian. Kulim-Bandar Baharu tidak.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Hendak tanya Pandan sahaja, hendak tanya Pandan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Hendak tanya Pandan kena buat kajian.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Saya hendak...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Hendak tanya Pandan kalau sudah ada...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Nanti dulu. Tuan Yang di-Pertua kalau saya boleh menjawab soalan yang dibawa...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Jawab siapa itu? Kalau hantar ke Singapura?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tidak boleh menjawab. Minta penjelasan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Saya mohon pandangan Permatang Pauh bersabit dengan soalan yang dibawa oleh Tanah Merah tadi bahawa adakah ada apa-apa bukti yang menunjukkan bahawa telah ada orang yang mengundi dua kali oleh kerana dakwat itu tidak kekal. Perkara ini boleh dibuktikan dengan kita melihat kepada satu borang yang dinamakan Borang 10A.

Borang 10A adalah borang yang dikeluarkan secara rasmi oleh SPR apabila orang yang berhak untuk mengundi itu tidak dapat mengundi kerana telah ada individu lain yang mengundi sebelumnya. Saya boleh memaklumkan kepada Permatang Pauh bahawa kita telah mendapat maklumat contohnya di Parlimen Kuala Kedah. Seorang pengundi yang bernama Lim Teik Hong telah mendapat Borang 10A secara rasmi oleh

SPR kerana dia tidak dapat mengundi pada hari itu kerana telah ada orang lain yang menggunakan identitinya yang mengundi.

Perkara yang sama juga dilaporkan satu Borang 10A juga telah dikeluarkan di DUN Machap di Melaka. Jadi Permatang Pauh, apa pandangan Permatang Pauh tentang kepercayaan sebahagian besar rakyat Malaysia yang menyatakan bahawa dengan adanya Borang 10A ini yang dikeluarkan dan Borang 10A ini dihasilkan oleh SPR untuk menangani masalah dakwat kekal yang akhirnya menyebabkan orang boleh mengundi dua kali, apabila adanya borang-borang 10A ini dikeluarkan, itulah buktinya bahawa dalam pilihan raya umum yang lepas telah ada orang yang mengundi lebih daripada sekali. Jawapan daripada Permatang Pauh.

**Tuan Idris bin Ahmad [Bukit Gantang]:** Permatang Pauh, Bukit Gantang minta penjelasan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih. Yang Berhormat Pandan telah jelaskan. Bukan sahaja Borang 10A tetapi juga seperti mana yang berlaku di Kuantan nama orang yang mengundi pun sudah di sediakan. Saya mintalah rakan-rakan bukan sahaja di Pakatan Rakyat begitu juga daripada BN dalam kes-kes yang spesifik begini, yang nyata sekurang-kurangnya minta SPR jelaskan dan jangan ketepikan begitu sahaja.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Permatang Pauh sikit saja, seminit fasal apa ada kajian sikit.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Kalau kenyataan itu bersifat umum, tidak ada bukti maka Ahli-ahli Yang Berhormat berhak untuk mengatakan ini hanya suatu andaian. Akan tetapi kalau ada bukti dengan borang dengan nama orang sepatutnya adalah kesediaan untuk memperbetulkan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Permatang Pauh ada...

**Datuk Zabidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Permatang Pauh minta maaf. Penjelasan. Sikit saja, sikit saja hendak penjelasan. Saya tidak faham pertama sekali sekarang ini pembangkang tidak puas hati dakwat kekal kah, ada penipuan dakwat kekal. Sebab itu saya tidak faham.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Saya punya *floor* Yang Berhormat,

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Baik, baik. Bagi saya jelaskan yang itu tadi. Jelaskan yang Padang Besar bangkitkan. Dua isu, pertama dakwat kekal, tidak kekal dan ini disahkan sekarang oleh SPR dan kita anggap ini

perkara serius, sebab pengakuannya di Parlimen dan juga oleh Suruhanjaya Pilihan Raya, itu pertama.

Keduanya disebut oleh Kuantan ialah seorang yang diberikan dakwat kekal boleh mengundi kali kedua. Nama Fadli di Sungai Isap. Itu dua kes yang berkaitan dengan kegagalan. Ketiga disebut oleh Pandan tentang penggunaan Borang 10A di mana ada kemungkinan orang yang telah mengundi kemudian mengundi sekali lagi nama orang yang lain, yang kemudian kehilangan hak dia mengundi, maka diberikan Borang 10A. Kalau Yang Berhormat saya teruskan.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *[Bangun]*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Kota Bharu sikit saja.

■1710

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat, sebentar. Saya minta Yang Berhormat habiskan sehingga 5.30, maknanya Yang Berhormat habiskan masa dua jam dah, dah dua jam dah Yang Berhormat. *By 5.30 it would be 2 hours, so bolehlah move kepada topik yang lain sebelum 5.30.*

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, sebelum kita balik malam ini...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya selesaikan SPR kemudian esok saya sambung. Hanya sikit sahaja soal Melayu dan kemudian saya tutup. Kalau boleh diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, satu minit sahaja, setengah minit sahaja, setengah minit sahaja Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ada *convention* Ketua Pembangkang, saya bagilah sikit dan saya akan bagi laluan. Saya hormat, maka saya akan kurangkan pencelahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, terlalu banyak pencelahan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Yang Berhormat, satu sahaja, satu sahaja.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat, Kota Bharu sikit sahaja, Kota Bharu, Yang Berhormat. Minta Yang Berhormat Pandan bagi tahu siapa nama...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Bukit Gantang, sikit sahaja.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ada kajian sikit.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya nak bagi *full name*, saya nak bagi *full name* tadi. Saya nak bagi *full name for the record*.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya rujuk kajian Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Sebut nama penuh untuk rekod.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Nama penuh untuk rekod *Hansard*, Mohd. Fadhli Kaharudin.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Mohd. Fadhli Kaharudin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Nak bagi jalan, Yang Berhormat?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya diberi laluan tadi, Kota Bharu.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Itu orang PKR.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Saya ada buat kajian mengenai beberapa negara demokrasi yang besar di dunia ini yang mana pilihan rayanya menggunakan dakwat kekal ini. Yang pertamanya, India yang mempunyai 750 juta pengundi, Indonesia mempunyai 130 juta, Pakistan mempunyai 120 juta orang pengundi, Bangladesh mempunyai 80 juta orang pengundi, Filipina mempunyai 50 juta orang pengundi, Mexico mempunyai 60 juta orang pengundi dan Malaysia mempunyai 13,268,02 orang pengundi. Jadi, kesemua enam negara yang saya sebut tadi kita tidak pernah mendengar pertikaian mengenai pelaksanaan penggunaan dakwat kekal ini apatah lagi dalam Parlimen mereka tetapi ini berlaku di Malaysia.

Saya nak tanya Yang Berhormat Permatang Pauh, adakah amat wajar kita di Malaysia ini mendesak sehabis-habisnya supaya pemegang jawatan SPR ini meletakkan jawatan atas dasar kegagalan yang menjelaskan imej negara kita dalam melaksanakan pilihan raya ini, terima kasih.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, Bukit Gantang. Banyak kali minta ini. Sampai *last* dia tak bagi juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk minta penjelasan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh. Ini satu bukti yang agak berat yang dilakukan oleh pihak SPR. Apabila Jabatan

Pilihan Raya Negeri Selangor bertemu dengan pihak SPR untuk bertanya berkenaan dengan daftar pemilih induk yang dibuktikan dengan secara *proof*. Bukti, fakta dan data yang menunjukkan dalam daftar pemilih induk tersebut, nama yang terdapat di dalam daftar pemilih induk tersebut memang penamanya tidak pernah isi borang tetapi namanya ada di dalam daftar pemilih induk. Apabila ditanya kepada pihak SPR, pihak SPR kata dia masuk tak boleh keluar. Hak Sulu pula, masuk pun boleh, keluar pun boleh.

Yang keduanya, berkenaan dengan dakwat. Kalau 7.1 juta tak kekal, kita nak cadangkan kepada SPR ini beli dakwat Parker sahajalah, RM3 sebotol. Boleh kekal sampai tiga hari. Sekian.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Isu-isu ini sebahagiannya memang telah pun dikemukakan dalam Laporan PAC dan juga dibahaskan di Parlimen. SPR telah mengelirukan Dewan dan memberikan pengakuan palsu bahawa hal-hal ini diperbetulkan tapi tidak diperbetulkan sehingga pilihan raya. Hal yang berkaitan juga dengan kelemahan pilihan raya ini kerana dengan sendirinya saya telah jawab. Bukan sahaja teguran-teguran dibangkitkan juga oleh Perdana Menteri, mempunyai senarai nama pengundi dengan menyebut kenyataan Pengerusi SPR tadi ialah tentang undi awal dan undi pos yang tidak ada pengawasan walaupun dijanji oleh Parlimen. Dijanji di dalam Parlimen, dijanji oleh SPR. Semua pengundi awam boleh dipantau, dicheck sampaikan Datuk Wan Ahmad mengatakan, ‘Kalau nak peluk peti pun tak apa, peluk. Tunggu dalam lokap polis’. Akan tetapi bila diminta untuk masuk, tidak dibenarkan.

Jadi maknanya, hal ini walaupun YB. Kangar kata tidak semestinya ini penipuan kerana itu dijaga oleh polis. Akan tetapi yang dijanji di dalam Parlimen dan dijanji oleh PAC tak dilaksanakan. Ini melibatkan ratus ribu pengundi. 500,000 pengundi awal dan undi pos. Jadi, sebagai contoh. Tentu rakan-rakan Ahli Yang Berhormat UMNO terutamanya, selalu ulanglah FPTP (*first past the post*) seolah-olah kita tidak faham. Kita faham tentang proses pilihan raya dan juga undi majoriti, minoriti di beberapa kawasan. Akan tetapi soal yang lebih pokok ini ialah cara pendaftaran pengundi dan beberapa kejanggalan yang kita sebut sebentar tadi. Maka, ini berkaitan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pandan. Apakah yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan? Titah Tuanku Yang di-Pertuan Agong ialah kita, SPR ini melaksanakan tugas yang diamanahkan oleh perlembagaan. Maka, kita harus setuju tapi Perlembagaan juga menetapkan pelantikan itu oleh Yang di-Pertuan Agong untuk apa?

Untuk melaksanakan pilihan raya yang *enjoys public confidence* dan sekarang ini secara meluas. Tentu Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana akan mengatakan ini kerana hasutan. Akan tetapi hasutan ini kalau tidak berlakukan angka, dengan angka dan kenyataan seperti dakwat kekal. Pengalaman saya di Permatang Pauh, sebaik sahaja keluar mengundi, terus di kedai-kedai kata, '*Datuk, boleh basuh, boleh basuh, bersih*'. Semua tahu dan ini sahaja akan menimbulkan persoalan kerana janji itu tak dapat ditunaikan dan dilaksanakan. Saya tidak akan ulang usul yang dibawa oleh PAC di Parlimen yang diluluskan setelah perbahasan panjang dan panas, keluar *majority/minority report*. Jadi, kita anggap sekurang-kurangnya- walaupun kita tidak setuju dengan laporan itu, sekurang-kurangnya yang diusulkan oleh Parlimen dengan persetujuan majoriti Ahli-ahli BN dilaksanakan, itu tidak dilaksanakan.

Ini yang menyebabkan kita pertikai lebih-lebih lagi kerana kewibawaan ahli-ahli suruhanjaya yang membuat kenyataan yang agak keterlaluan yang dipertahankan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dari BN semata-mata kerana dianggap memihak tapi saya tidak fikir itu wajar. Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya atau mana-mana suruhanjaya itu tanpa berkecuali harus memperlihatkan sikap mereka yang bebas dan telus. Umpamanya Datuk Wan Ahmad, dia pertikai. Dia kata mana ada *foreigners to apply for citizenship if they don't fulfill the pre-requisites*. Ini tentu kenyataan yang cukup dangkal. Dia tidak baca keputusan Pilihan Raya Likas, dia tak ikuti proses pelaksanaan RCI. Bukan sahaja ia menyentuh kepentingan dan kemarahan rakyat Sabah atau Sarawak tapi juga di Malaysia. Sebab itu bila menuahkan RCI, daripada awal saya tidak setuju kalau RCI itu khususnya untuk Sabah. Ini kerana terbukti seperti mana yang kita kemukakan dalam petisyen Sabah, orang yang diberikan kewarganegaraan di Sabah itu mengundi di Selangor.

Kemudian dibangkitkan kapal terbang mana, pesawat mana. Kita ada bukti dalam senarai, nama yang dialamatkan di Sabah yang akhirnya mengundi di Selangor dan ini ada rekod, bukan tuduhan melulu seperti mana yang disebut oleh Perdana Menteri pagi tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh habiskan dalam masa setengah jam, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ya, baik. Untuk pilihan raya saya sentuh ini. Kemudian esok saya rumuskan soal yang lain. Saya nak selesaikan yang ini dahulu. Contoh, kerana saya tengok Yang Berhormat Kangar memang nak teliti betul.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Padang Besar, Padang Besar.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Padang Besar, sorry. Minta maaf, minta maaf banyak, *dok* teringat Kangar. Sabak Bernam umpamanya, ada 1,210 pengundi yang dipindahkan tanpa kebenaran, kelulusan mereka. Apabila Ahli Parlimen, Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud, Yang Berhormat Kota Raja bangkitkan perkara ini dan bawa rombongan, maka barulah dihentikan langkah tersebut.

■ 1720

Bila dihentikan tetapi 1,210 itu sudah pun masuk ke Sungai Besar. Now kekalahan calon Pakatan Rakyat Sabak Bernam itu 1,600 orang. Dia ini ada kaitan dengan kelulusan yang melanggar peraturan yang diakui oleh Suruhanjaya Pilihan Raya *on record* 1,210 undi. Jadi ini contoh yang saya sebut mengenai Sabak Bernam.

Sama, perkara yang sama berlaku di Segamat di mana bila diteliti ada pemindahan 1,418 pengundi yang cara haram dipindahkan ke Sekijang. Ini rekod ada, dan sekarang dikemukakan sebagai salah satu petisyen. Ada bagi contoh umpamanya keluarga Teo Beng Eng, alamat di Tahang Rimau, Jalan Durian No. 5 dengan empat anggota keluarganya dipindah dari Segamat, tempatnya, selepas itu ke kawasan Parlimen yang lain, dan ini tentunya akan memberikan kesan kepada...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Keputusan pilihan raya berikutnya.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Permatang Pauh minta laluan. Yang Berhormat Kota Raja... Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh.

Saya ingin menyebut sama ada Yang Berhormat Permatang Pauh boleh bersetuju. Kita banyak mendengar aduan dan keluhan tentang, pertama: nama-nama yang diubah, pengundi diubah tempat, mengundi tanpa mereka memohon; pemberian kad pengenalan kepada orang yang baru sahaja datang ke Malaysia; dan sebagainya.

Bersetujukah Yang Berhormat Permatang Pauh sekiranya, kerana kalau hendak menunggu laporan polis, rakyat jemu membuat laporan polis. Saya, walaupun hari itu dakwat di tangan saya tidak tahan seminggu seperti yang disebut, saya pun malas hendak pergi buat laporan polis. Setujukah kalau kita mencadangkan dalam Parlimen ini, satu Suruhanjaya Siasatan Bebas ditubuhkan, kerana rakyat akan datang dengan lebih..., orang kata mudah kepada suruhanjaya daripada membuat laporan polis. Seperti apa yang berlaku di RCI di Sabah. Adakah Yang Berhormat Permatang Pauh bersetuju, RCI untuk pilihan raya ini ditubuhkan? Terima kasih.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama cadangan RCI ini cadangan dikemukakan oleh Tan Sri Abdul Rashid, bekas Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya. Menarik juga. Bekas Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya pun rasa sesuai, kerana kritikan itu terlalu meluas. Oleh yang demikian saya rasa ini boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan segera, dengan syarat Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya sekarang letak jawatan dahulu seperti yang dituntut.

Saya sentuh di sini umpamanya, contoh penambahan pengundi yang membuktikan kehadiran rakyat asing yang diberikan kad untuk mengundi. Ini kerana dari angka yang diperoleh untuk Sabah umpamanya peningkatan dari tahun 1980 ke 2010 itu hampir 300%. Ini kenyataan disebut, diketahui umum daripada 0.9 juta dari tahun 1980 kepada 3.3 juta pada tahun 2010. Kita tahu tentang keputusan Hakim Mohd Kamil Awang di mahkamah dalam kes Likas yang mana dia sebut dengan jelas dan ini disebut dalam perbahasan kita di Parlimen, “*The Election Commission has to faced the truth*”, dengan izin. Dalam senarai yang disebut itu, *4,085 objection were person having dubious identity card, or person where been convicted having fake identity card*. Ini kemudian berulang dan saya tidak akan baca keputusan Likas ini kerana penting kemudian dipinda 9A.

Tujuan kerajaan Barisan Nasional meminda 9A itu ialah untuk menghalang kita mempertikaikan senarai. Jadi oleh kerana kalah dalam kes Likas maka dihalang pertikai dalam nama yang dibangkitkan. Akan tetapi yang saya sebut tadi dan saya hendak beri bukti yang jelas ini jumlah yang disebut *problematic*, yang disebut oleh Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya, *problematic identity cards the AEC* yang menyebut tentang *dubious* existent of the voters tetapi kekal sebagai pengundi dan dia mengatakan *electoral is final* walaupun disebut *dubious*. Ini jumlahnya ialah saya sebut tadi boleh jadi kurang tepat tetapi yang tepatnya ialah 60,673 orang. Dalam sesi RCI baru-baru ini disebut oleh salah seorang Pengarah bagi yang mengeluarkan kad ini ada 130,000. Akan tetapi Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya yang menyebut 60,000.

Jadi disebut ada contoh-contoh tentang kad pengenalan, sumber di mana, lahir di mana dan sebagainya tetapi saya rasa ini akan disiapkan satu kertas yang lengkap. Oleh kerana ini disebut oleh Titah Tuanku Yang di-Pertuan Agong saya rasa kami juga bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan terperinci ini kepada Tuanku Agong dan Majlis Raja-Raja. Satu hal yang penting juga ialah setakat ini laporan polis banyak dikemukakan. Berdasarkan Laporan PAC di Parlimen, dan MIMOS yang

dipertanggungjawabkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dan kerajaan untuk meneliti senarai daftar pemilih. Saya bacakan beberapa keputusan mereka, pertama ada 10,000 nama yang berulang dalam daftar Dalam kes 6,011 atau 20 orang dalam satu alamat. Sebanyak 3,254 kes, 50 pengundi satu alamat. Sebanyak 1,250 kes 100 pengundi satu alamat. Sebanyak 820 kes 100 pengundi satu alamat. Ini laporan MIMOS yang diketengahkan oleh kerajaan dan Suruhanjaya Pilihan Raya untuk tatkala meneliti senarai pengundi, daftar pengundi...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, saya ada sedikit Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Hendak habiskan petang ini ya. Saya boleh sambung 15 minit daripada sekarang untuk Yang Berhormat habiskan ya.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Minta laluan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Esok, esoklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payahlah esok, biar habiskan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Esok soal lain, ini soal Suruhanjaya Pilihan Raya sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat sudah ambil dua jam Yang Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ya saya sudah bagi 15 minit, esok saya sambung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh habiskan 15 minit sekarang ini? *I can extend until 15 minute more.*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Selalu belum pernah lagi Ketua Pembangkang ditahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah dua jam lebih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ini kerana saya bagi laluan banyak, saya ambil setengah sahaja, yang lain semua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itulah, itulah masalahnya itu laluan yang banyak sangat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Jadi saya bagi 15 minit esok.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Minta sedikit Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jam 5.30.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Okey, okey. Saya tidak ulang dakwat kekal.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, minta sedikit laluan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Permatang Pauh, sedikit sahaja, sedikit sahaja. Yang Berhormat Permatang Pauh, tadi tentang Yang Berhormat Permatang Pauh mengatakan tentang, apabila berlakunya kes Likas itu saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Permatang Pauh pada masa itu. Pada masa itulah, Wan Ahmad baru bertugas di dalam Suruhanjaya Pilihan Raya dan beliaulah antara pihak yang telah enggan untuk mengadakan *enquiry* terhadap permohonan membantah dalam Senarai Daftar Pemilih itu, adanya pengundi-pengundi yang bukan warganegara. Saya melihat kepada nota keterangan dalam kes itu.

Keduanya respons kepada Kerajaan Barisan Nasional, selepas kes Likas itu ialah satu respons yang amat tidak bertanggungjawab. Ini kerana mereka telah mengemukakan ataupun telah meminda seksyen dengan memasukkan 9A yang sekarang ini digunakan dengan sewenang-wenangnya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menutup segala pintu untuk kita mempertikaikan kesahihan Daftar Pemilih. Sebagai contoh, kes yang difailkan oleh MP Klang, Ahli Parlimen Klang dan juga Yang Berhormat Lembah Pantai yang mempunyai bukti...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat habiskan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Telah pun diragui, yang boleh dipertikaikan tetapi kes itu ditolak semata-mata kerana kewujudan seksyen 9A. Jadi 9A ini patutnya, apabila adanya undian itu, kita kena keluarkan. Akan tetapi 9A ini diibarat satu kubu untuk menyimpan pengundi-pengundi hantu itu.

Tuan Yang di-Pertua jadi saya hendak tanya pada Ahli Parlimen Permatang Pauh, apakah remedи kita sekarang ini? Kita pergi mahkamah 9A akan menghalang kita, apakah remedи kita? Sila jelaskan Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Boleh jawab yang itu, lepas Yang Berhormat habiskan. Yang Berhormat kita sambung esok.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya sambung yang lain cuma jawab satu minit yang ini sahaja sampai pukul 5.30. Mengatakan bahawa ini isu

yang orang bangkitkan, iktiraf pilihan raya dia tidak dengar isunya. Kalau dia dengar isunya penipuan dari dakwat kekal, sampai Daftar Pemilih, maka tidak mudah diminta kita iktiraf setelah mendapat undi majoriti, kemudian bukti penipuan itu, apakah kita diminta iktiraf penipuan atau kita mengesahkan penipuan. Oleh sebab itu pendirian dalam Pakatan Rakyat, dalam Suruhanjaya Pilihan Raya, berdasarkan yang dikemukakan. Bila bukti itu sah ada penipuan, kita tidak mungkin mengiktiraf penipuan itu. Terima kasih Yang Berhormat. Saya sambung esok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya saya benarkan 15 minit untuk disambung esok pagi ya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis 27 Jun 2013.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang]*

**LAMPIRAN**

**TITAH SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG  
ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN  
TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH  
IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH**

*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim  
Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin Wabihi Nasta'iin  
Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaaatuh  
dan Salam Sejahtera.*

*Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Negara  
dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.*

*Alhamdulillah, Beta memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala,  
kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam  
Istiadat Pembukaan Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas.*

2. *Beta bersyukur kerana Pilihan Raya Umum Ketiga Belas telah dapat dilaksanakan dalam suasana yang aman. Beta menghargai peranan semua pihak terutama sekali Suruhanjaya Pilihan Raya, pasukan keselamatan serta anggota-anggota Perkhidmatan Awam dalam memastikan pilihan raya umum berkenaan berjalan lancar. Penghargaan juga kepada seluruh rakyat jelata yang telah menggunakan hak dan menunaikan kewajipan untuk memilih kerajaan bagi mentadbir negara.*

3. *Beta menyeru semua pihak menerima dan menghormati keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga Belas yang telah diadakan mengikut lunas-lunas sistem demokrasi dan seterusnya bekerjasama serta berganding bahu bagi membolehkan negara melangkah ke depan untuk mencapai matlamat negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Beta percaya komitmen kerajaan dalam merealisasikan agenda transformasi nasional melalui program-program di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) akan memanfaatkan segenap lapisan masyarakat baik dari segi ekonomi, sosial, keselamatan dan politik. Dalam mencapai hasrat tersebut, Kerajaan Beta akan terus memberi penekanan terhadap nilai-nilai akauntabiliti, integriti, pematuhan undang-undang dan tadbir urus yang baik.*

4. Beta mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Dewan yang telah dipilih oleh rakyat. Harapan Beta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, berkhidmatlah kepada rakyat dengan penuh dedikasi, berintegriti dan sentiasa menunjukkan akhlak yang terpuji demi agama, maruah diri, institusi Parlimen yang mulia dan negara yang tercinta. Sematkanlah dalam sanubari bahawa kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat ke Dewan yang mulia ini adalah satu tanggung jawab bagi menunaikan janji-janji kepada rakyat. Semua Ahli Yang Berhormat hendaklah bersama-sama memikul amanah rakyat yang inginkan kestabilan dan kemakmuran negara berkekalan, kesejahteraan hidup terus meningkat serta perpaduan masyarakat pelbagai kaum dan agama kian utuh. Rakyat pula perlu turut sama memainkan peranan dan bekerjasama dalam membantu kerajaan merealisasikan amanah tersebut.

5. Beta mengucapkan tahniah kepada Mamanda Perdana Menteri dan barisan Jemaah Menterinya kerana telah berjaya membentuk kerajaan. Beta yakin kerajaan akan terus berusaha dengan gigih untuk membangunkan negara bagi mencapai matlamat menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

6. Di kesempatan ini, Beta dan Raja Permaisuri Agong merakamkan ucapan takziah kepada keluarga anggota pasukan keselamatan yang telah terkorban semasa mempertahankan negara dalam insiden serangan kumpulan pengganas Sulu di Lahad Datu dan Semporna, Sabah pada bulan Mac tahun ini. Jasa, khidmat bakti dan pengorbanan Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan orang awam serta semua pihak yang terlibat dalam memelihara keselamatan di timur Sabah amat dihargai dan disanjung tinggi. Bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terus dipelihara, kerajaan Beta telah menuahkan Kawasan Keselamatan Khas Timur Sabah (ESSCOM) dan Zon Selamat Sabah Timur (ESSZONE).

Ahli-ahli Yang Berhormat,

7. Beta sukacita kerana semasa pemerintahan Beta yang terdahulu dan kali kedua ini, Beta telah menyaksikan kemajuan negara bergerak secara progresif. Malaysia telah berubah menjadi sebuah negara perindustrian moden berpendapatan sederhana tinggi dan kini sedang menuju ke arah menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi dengan mengutamakan kesejahteraan rakyat.

8. Walaupun ketidaktentuan persekitaran global termasuk krisis hutang di Eropah pada tahun 2012 secara tidak langsung telah memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara, namun melalui pelbagai inisiatif, kerajaan Beta telah berjaya meletakkan ekonomi negara di landasan yang kukuh.

9. Kedudukan daya saing Malaysia di peringkat global juga telah meningkat lebih baik seperti yang dilaporkan oleh Laporan Kajian Bank Dunia Bagi Kemudahan Menjalankan Perniagaan tahun 2013 di mana Malaysia disenaraikan negara ke-12 paling mesra perniagaan di dunia dan menduduki tangga ke-10 sebagai destinasi pilihan

*pelaburan langsung asing dalam Indeks Keyakinan Pelaburan Asing tahun 2012. Laporan Tahunan Bagi Daya Saing Dunia oleh IMD bagi tahun 2013 telah mengiktiraf Malaysia sebagai negara yang paling berdaya saing di kalangan 30 negara dengan keluaran dalam negara kasar per kapita kurang daripada USD 20,000, manakala di kalangan negara ASEAN, Malaysia berada kedudukan kedua di samping menduduki tangga ketujuh di dunia dari segi pencapaian ekonomi.*

10. *Tahniah Beta ucapan di atas pencapaian cemerlang pada tahun 2012. Beta berharap pada tahun ini negara akan berjaya mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi yang dianjurkan antara lima peratus hingga enam peratus. Beta juga berbangga dengan prestasi FBM KLCI yang mencatatkan paras tertinggi iaitu seribu tujuh ratus lapan puluh lapan perpuluhan empat tiga mata pada 14 Mei 2013 serta usaha kerajaan yang berjaya menarik pelaburan diluluskan berjumlah empat puluh sembilan perpuluhan tiga bilion ringgit dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini, iaitu peningkatan empat puluh empat peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.*

11. *Peranan sektor swasta dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara semakin penting. Kerajaan Beta akan terus berperanan sebagai pemudah cara dan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi meningkatkan peranan sektor swasta memacu pertumbuhan ekonomi. Dalam pada itu usaha Malaysia ke arah negara maju berpendapatan tinggi juga bergantung kepada kemajuan teknologi dan keupayaan inovasi. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Beta akan terus memperhebatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan termasuk meningkatkan usaha pengkomersialan.*

12. *Kerajaan juga akan terus berusaha untuk menarik lebih banyak pelaburan yang bernilai dan berteknologi tinggi serta mampu melonjakkan Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar produk dan perkhidmatan yang inovatif dan kreatif. Sehubungan ini, kerajaan akan terus menyedia dan membangunkan ekosistem yang lebih kondusif bagi pelabur.*

*Ahli-ahli Yang Berhormat,*

13. *Beta mengucapkan tahniah atas inisiatif kerajaan dalam melakukan transformasi komprehensif ke atas sistem pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2015. Matlamatnya adalah untuk menambah baik sistem pendidikan negara bagi menyediakan modal insan yang antaranya berpengetahuan, berkemahiran dan mampu menyumbang kepada kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Beta berharap semua pihak tanpa mengira latar belakang menghayati dan memainkan peranan masing-masing untuk menjayakan hala tuju yang ditetapkan.*

14. *Kerajaan Beta akan melipatgandakan usaha bagi memartabatkan Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi di Institusi Pengajian Tinggi Awan ke tahap*

antarabangsa, termasuk memperbanyakkan penyelidikan berimpak tinggi dalam bidang-bidang strategik. Agenda Pembangunan Holistik Pelajar pula akan diteruskan dengan fokus kepada Program Keusahawanan dan Program Kesukarelawan Siswa. Pelan Hala Tuju Bakat 2020 turut dilancarkan bagi menangani isu ketersediaan modal insan bagi memacu transformasi ekonomi negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

15. Pelbagai pihak telah mengiktiraf Malaysia sebagai antara destinasi pelancongan terbaik dunia. Kuala Lumpur misalnya telah diiktiraf sebagai Destinasi Keempat Membeli Belah Terbak Dunia berdasarkan kajian CNN Travel 2012. Begitu juga dengan Program Inap Desa yang telah dianugerahkan tempat pertama oleh Pertubuhan Pelancongan Sedunia Ulysses 2012. Beta menyeru rakyat untuk terus memberi sokongan kepada industri pelancongan terutama bagi program Tahun Melawat Malaysia 2014, dengan memupuk budaya dan amalan positif yang dapat memikat hati pelancong.

16. Kerajaan Beta telah menggubal Dasar Komoditi Negara bagi mentransformasikan dan memperkuuh sektor perladangan dan komoditi yang merupakan salah satu tunjang utama ekonomi negara. Antara sasaran dasar ini ialah meningkatkan pendapatan eksport komoditi daripada seratus tiga belas bilion ringgit pada tahun 2010 kepada dua ratus empat puluh dua bilion ringgit menjelang tahun 2020, yang mana faedahnya akan turut dinikmati oleh pekebun-pekebun kecil.

17. Kerajaan Beta memandang serius kepentingan jaminan bekalan makanan memandangkan sektor pertanian terdedah kepada kesan perubahan iklim dunia dan harga bahan makanan yang tidak menentu di pasaran global. Justeru, pendekatan yang holistik dalam membangunkan industri agromakanan akan diteruskan termasuk pembukaan empat jelapang padi baru di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

18. Perkhidmatan Awam telah berjaya memainkan peranan penting dalam merealisasikan Dasar Transformasi Nasional yang merangkumi Program Transformasi Kerajaan, Ekonomi, Politik dan Sosial. Program-program ini telah berjaya memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Beta berharap penjawat awam meneruskan usaha penambahbaikan penyampaian perkhidmatan berdasarkan tiga aspek iaitu perkhidmatan yang cepat, tepat dan berintegriti, selain berfikiran kreatif, inovatif dan menekankan produktiviti.

19. Beta berbangga atas kejayaan kerajaan mengurangkan kadar kemiskinan kepada satu perpuluhan tujuh peratus pada tahun lalu dan seterusnya telah mencapai lebih awal sasaran Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi mengurangkan kadar keseluruhan kemiskinan rakyat kepada dua peratus pada tahun 2015. Pelbagai program dan inisiatif akan terus dilaksanakan di luar bandar, antaranya melalui usaha-usaha

*mempergiatkan pembangunan ekonomi berdaya saing dan maju, dengan disokong oleh penyediaan infrastruktur untuk penduduk. Sehubungan itu Kerajaan Beta akan memperkuuhkan lagi Program Transformasi Luar Bandar dengan menambah bilangan Pusat Transformasi Luar Bandar. Kerajaan juga akan meneruskan program meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup golongan isi rumah berpendapatan empat puluh peratus terendah termasuk masyarakat Orang Asli di Semenanjung serta kumpulan-kumpulan etnik peribumi di Sabah dan Sarawak.*

20. *Program Transformasi FELDA akan diteruskan antaranya dengan memantapkan program pendidikan dan latihan kepada generasi baharu supaya lebih berkemahiran, berinovatif dan berkualiti. Sebagai langkah untuk melibatkan generasi baharu dalam pembangunan ekonomi di rancangan, FELDA akan memperluaskan pembinaan rumah melalui Program Sentuhan Kasih supaya mereka terus menetap di rancangan.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

21. *Selaras dengan hasrat untuk membolehkan rakyat memiliki rumah sendiri, Kerajaan Beta akan membina sejuta rumah mampu milik termasuk lima ratus ribu unit di bawah Projek Perumahan 1Malaysia yang digerakkan dengan kerjasama sektor swasta. Penjawat awam juga mendapat perhatian kerajaan melalui Skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia. Di samping itu, syarat pinjaman perumahan melalui Skim Rumah Pertamaku turut dipermudahkan bagi memberi manfaat kepada lebih ramai rakyat. Beta berharap penduduk bandar dan luar bandar mendapat manfaat daripada skim-skim perumahan ini. Dalam pada itu, program-program menaik taraf kemudahan atas kawasan perumahan turut dilaksanakan bagi meningkatkan keselesaan dan keselamatan penduduk.*

22. *Sebagai usaha menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat dan langkah pencegahan awal penyakit kronik, kerajaan Beta telah menyediakan perkhidmatan saringan kesihatan bagi penyakit tidak berjangkit secara percuma di hospital dan klinik kesihatan kerajaan, termasuk Klinik 1Malaysia. Selain itu, klinik pergigian turut diwujudkan di Pusat Transformasi Bandar dan Pusat Transformasi Luar Bandar bagi memudahkan rakyat mendapat rawatan.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

23. *Kerajaan menghargai sumbangan setiap lapisan rakyat termasuk golongan belia yang mewakili empat puluh enam peratus daripada penduduk negara. Menyedari potensi, aspirasi dan peranan pentingnya golongan ini dalam pembangunan negara, transformasi pembangunan belia akan terus dilaksanakan. Antaranya melalui pewujudan Parlimen Belia Malaysia sebagai platform untuk mendengar pendapat belia. Kerajaan juga akan mengarusperdanakan program kesukarelawan yang diterajui 1Malaysia For*

Youth. Selain itu, Yayasan Usahawan Baharu telah ditubuhkan untuk melatih dan membimbing usahawan muda dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi serta perwujudan Dana Usahawan Muda bagi memulakan perniagaan.

24. Kemantapan institusi keluarga adalah penting kepada kestabilan sosial. Oleh yang demikian, Kerajaan Beta telah memperkenalkan program 1Malaysia Utamakan Keluarga dengan hasrat memperkuatkannya institusi keluarga menerusi pembentukan keluarga sejahtera, sihat dan terjalin erat dengan ikatan kasih sayang. Di bawah inisiatif ini sumber-sumber daripada semua agensi kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan akan digembleng dalam meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan berkaitan kekeluargaan.

25. Beta yakin kaum wanita mampu menyahut cabaran dan terus meningkatkan potensi diri untuk memberi sumbangan lebih besar dalam semua sektor demi kecemerlangan masa depan negara. Beta mengalui-alukan pendekatan yang melibatkan perkongsian pintar dengan pihak swasta dan badan bukan kerajaan untuk meningkatkan ekonomi golongan wanita. Selain itu, Kerajaan juga akan turut merancakkan lagi inisiatif untuk mencapai sasaran tiga puluh peratus pembuat keputusan daripada kalangan wanita di sektor korporat dan menarik lebih ramai profesional wanita kembali ke pasaran pekerjaan bagi mencapai sasaran penyertaan lima puluh lima peratus wanita dalam tenaga kerja pada tahun 2015.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

26. Kerajaan juga amat komited untuk memajukan sistem pengangkutan awam agar lebih efisien untuk keselesaan rakyat dan pada masa yang sama akan terus memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi dengan melaksanakan pelbagai pembaharuan dan inisiatif, antaranya pembinaan Aliran Transit Massa (MRT) dan Terminal KLIA 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Dalam pada itu, Beta amat bimbang dengan kadar kemalangan jalan raya yang membawa kepada kehilangan sumber manusia yang produktif serta kerugian harta benda yang melebihi sembilan bilion ringgit setiap tahun. Justeru para pengguna jalan raya hendaklah memberi kerjasama sepenuhnya kepada usaha-usaha kerajaan bagi mengurangkan kadar kemalangan di negara ini.

27. Ketenteraman awam dan keselamatan negara tetapi menjadi keutamaan kerajaan. Kerajaan Beta juga akan terus berusaha untuk memperbetulkan jurang antara persepsi dan hakikat tahap keselamatan di negara ini. Di peringkat antarabangsa pula, kerajaan akan meneruskan usaha memerangi jenayah rentas sempadan dengan meningkatkan kerjasama strategik dengan negara-negara lain.

28. Dalam usaha pencegahan rasuah, Beta menghargai peranan yang terus dimainkan oleh kerajaan dalam memacu inisiatif pencegahan rasuah. Kewujudan

*institusi, undang-undang, dasar dan mekanisme pencegahan rasuah di negara ini kini telah menjadikan Malaysia antara sumber rujukan bagi negara-negara lain. Kerajaan Beta juga telah membangun dan melaksanakan Ikrar Integriti Korporat bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, telus dan bebas daripada rasuah. Di samping itu, usaha juga terus diambil untuk memartabatkan institusi-institusi berkaitan tadbir urus agar dapat meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kerajaan.*

29. *Kerajaan Beta komited untuk memartabatkan Islam berteraskan Maqasid Syariah dan akan terus memelihara kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan. Justeru, Beta berharap kedudukan agama Islam tidak dipersoal dan diselewengkan untuk kepentingan mana-mana pihak sehingga boleh memesongkan akidah umat Islam. Beta juga menyeru agar rakyat membuang sifat-sifat yang membawa kepada perpecahan sebaliknya mencari titik persefahaman untuk memupuk dan mengeratkan perpaduan.*

30. *Beta amat sukacita dengan usaha Malaysia untuk mengeratkan hubungan baik dengan negara-negara lain di seluruh dunia. Beta berharap agar melalui konsep Gerakan Kesederhanaan Global, Malaysia terus memainkan peranan penting dalam mengeratkan kerjasama ASEAN serta membantu mewujudkan keamanan dan kesejahteraan global terutamanya di rantau ini dan di dunia. Beta juga menghargai komitmen kerajaan dan rakyat yang sentiasa memberi bantuan kemanusiaan dan sokongan kepada rakyat Palestin untuk mendapatkan kembali hak mereka sebagai bangsa yang merdeka dan berdaulat.*

*Ahli-ahli Yang Berhormat,*

31. *Beta ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan yang mulia ini agar menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara serta sentiasa memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Janganlah berbuat sesuatu perkara yang boleh memusnahkan negara. Sebuah negara yang musnah akibat persengketaan atau mengalami kejatuhan ekonomi belum tentu dapat bangkit semula dalam tempoh yang singkat. Justeru, Beta menyeru semua Ahli Yang Berhormat supaya merapatkan saf, berganding bahu membangun dan memajukan negara.*

32. *Beta menghargai kesetiaan, dedikasi, keikhlasan dan sumbangan anggota Perkhidmatan Awam dan semua pihak ke arah pembangunan dan kemakmuran negara. Beta turut menyanjung pengorbanan Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia serta agensi-agensi penguatkuasaan yang lain dalam menjamin keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara.*

*33. Akhir titah, Beta dan Raja Permaisuri Agong berdoa semoga negara yang tercinta ini akan terus maju dan makmur dengan rakyatnya sejahtera, bersatu padu dan hidup aman sentosa di bawah lindungan Allah Subhanahu Wataala.*

*Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*